

**DEMOKRASI**  
**Chedet.co.cc**  
**August 14, 2008**  
**by Dr. Mahathir Mohamad**

1. Pengasas-pengasas negara kita Malaysia telah pilih sistem demokrasi untuk politik dan pentadbiran negara kita.
2. Ini bukanlah sistem asli kita. Sistem kita ialah sistem Raja berkuasa mutlak (absolute monarchy). Tetapi oleh kerana Raja tanpa sokongan rakyat begitu lemah sehingga terpaksa serah negeri-negeri mereka kepada British, maka rakyat telah bangun pada 1946 untuk menebus balik negeri-negeri Melayu bersama Raja dan meneruskan peranan politik mereka melalui Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.
3. Demokrasi memberi kuasa kepada rakyat untuk mentadbir negara mereka sendiri. Adalah dipercayai rakyat tentu bijak dalam pemilihan pemimpin mereka. Mereka tentu tidak akan pilih orang yang ternampak jelas akan rosakkan negara mereka dan membinasakan mereka.
4. Kematangan orang Melayu dalam selok-belok demokrasi diperlihatkan pada pemilihan ahli Badan Perundangan Persekutuan (Federal Lagislative Council) pada tahun 1955. Walaupun 80% daripada pengundi adalah orang Melayu dan hanya sebilangan kecil kawasan-kawasan mempunyai majoriti bukan Melayu, pengundi Melayu rela mengundi calon Perikatan bukan Melayu supaya British dapat lihat kesanggupan orang Melayu korban peluang diri mereka dan bekerjasama dengan bukan Melayu. Dengan itu maka berjajalah Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.
5. Pencapaian Pilihanraya 1955 dan kefahaman demokrasi oleh UMNO telah dicerminkan sebelumnya dalam satu peristiwa yang menyayat hati pada 1951.
6. Di masa orang Melayu mula bergerak dalam bidang politik dan timbul keperluan untuk mengadakan satu pertubuhan bagi mengumpul tenaga mereka, mereka ketandusan pemimpin yang berwibawa. Mereka irihati melihat Indonesia dengan Sukarno-nya, dengan Mohd Hatta-nya, pemimpin-pemimpin yang berkarisma yang disanjung oleh semua rakyat Indonesia, yang terkenal diseluruh dunia.
7. Orang Melayu tidak punyai pemimpin yang begitu hebat. Mereka mencari-cari dengan hati yang berat.
8. Alangkah leganya mereka apabila dapat dikenal pasti seorang orang Melayu yang berkaliber, yang punyai latar belakang perjuangan yang berani.
9. Dato Onn Jaafar adalah orang berprinsip dan tegas. Apabila dia tidak bersetuju dengan sesuatu yang bertentangan dengan prinsipnya dia sanggup berhenti kerja dengan Kerajaan Johor dan membuat kerja sendiri. Dia memang seorang nasionalis. Tidak hairanlah yang dia muncul sebagai pemimpin Melayu yang cemerlang dan layak diterima oleh orang Melayu dari semua negeri-negeri Melayu sebagai pemimpin nasional bangsa Melayu.
10. Dia telah buktikan kebolehnya dengan membentuk pertubuhan politik Melayu yang sah dan pertama di Malaya. Di bawah panduan dan pimpinannya, sistem demokrasi dipilih bagi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, atau Perkembar yang kemudian lebih terkenal sebagai UMNO (United Malays National Organisation).
11. Dibawah pimpinan Dato Onn, UMNO bersama Raja-Raja menentang Malayan Union ciptaan British sehingga Malayan Union terpaksa digugur.
12. Persekutuan Tanah Melayu yang mengganti Malayan Union dan mengembalikan kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai Raja berperlembagaan adalah sumbangan Dato Onn yang amat tinggi nilainya kepada orang Melayu. Semua orang Melayu menyanjung tinggi kejayaan kepimpinan Dato Onn

Jaafar.

13. Amat malang sekali putar belit oleh British telah berjaya mempengaruhi pemimpin Melayu yang ulung ini dan dia telah terima saranan British supaya membuka keahlian UMNO kepada semua kaum.

14. Pengaruh Dato Onn memang kuat tetapi tidak mencukupi untuk menukar prinsip dan pemikiran orang Melayu pada masa itu. Walaupun ada pemimpin tinggi UMNO yang bersetuju dengan Dato Onn, tetapi majoriti tidak bersetuju.

15. Persaingan diantara Dato Onn berserta rakan-rakannya dengan pemimpin-pemimpin lain yang diketuai oleh Dato Abdul Razak bin Hussein dilakukan dengan tertib, mengikut semua prinsip-prinsip demokrasi. Tidak ada kempen yang kotor. Masing-masing terdorong dan berpegang teguh kepada kepentingan orang Melayu dan negara Melayu. Tidak ada kepentingan diri yang ditunjukkan, samada oleh Dato Onn atau Dato Abdul Razak Hussein yang tidak bersetuju dengannya.

16. Prinsip demokrasi dipegang kuat oleh kedua-dua pihak. Menganggap penolakan cadangannya sebagai usul tidak percaya maka Dato Onn meletak jawatan.

17. Tetapi kumpulan pimpinan Dato Razak tidak berebut-rebut untuk menggantikan Dato Onn sebagai Yang di-Pertua UMNO walaupun ada seorang dua yang berminat. Sebaliknya kerana mengutamakan perjuangan parti untuk Bangsa, Agama dan Tanahair, mereka rela mencari calon daripada luar kumpulan mereka.

18. Yang mereka pilih ialah Tunku Abdul Rahman Putra, yang pernah menyokong Saberkas, satu daripada pengasas UMNO. Tunku tidak terlibat secara langsung dengan penubuhan UMNO atau aktiviti-aktiviti politik UMNO. Namun semangat nasionalisme belau tidak boleh dipertikaikan.

19. Pencalonan Tunku sebagai Yang di-Pertua UMNO mendapat sokongan daripada hampir semua ahli dan pemimpin UMNO. Tidak ada tekanan oleh mana-mana pihak supaya Tunku diterima dan tidak ada apa-apa kempen untuk memburuk dan menolak namanya. Peralihan jawatan daripada Dato Onn kepada Tunku berjalan dengan licin dan tenang. UMNO selamat dan terus mendapat lebih banyak sokongan daripada orang Melayu.

20. Penerimaan Tunku akan jawatan Yang di-Pertua UMNO dan pelepasan jawatan berkenaan oleh Dato Onn bukan kerana keinginan untuk menjadi Ketua Menteri atau Perdana Menteri. Tindakan kedua-dua mereka disebabkan oleh perbezaan pendapat berkenaan dengan cara untuk menjayakan perjuangan, cara mencapai kemerdekaan untuk negara. Kepentingan diri atau cita-cita besar bagi diri sendiri tidak termasuk dalam perhitungan pemimpin besar Melayu ini. Mereka adalah patriot yang sebenar yang sanggup mengamalkan demokrasi walau apa pun akan terjadi pada diri sendiri.

21. Pada tahun 1971 sekali lagi kita ditunjuk pegangan Tunku yang kuat akan prinsip-prinsip demokrasi. Menyedari bahawa sokongan kepadanya sudah berkurangan, Tunku telah tarik diri daripada jawatan Yang di-Pertua UMNO dan sekaligus Perdana Menteri Malaysia. Dengan itu Tun Razak telah dicalon dan dipilih sebagai Yang di Pertua UMNO yang baru. Tunku tidak cuba mengekalkan kedudukannya dengan menghasut, mengugut atau menyogok pemimpin kecil dan besar UMNO serta ahli supaya menghalang Tun Razak daripada mengambil alih jawatannya. Tunku juga tidak cuba sogok Tun Razak dengan janji akan letak jawatan dan menyerahkannya kepada Tun dalam masa tertentu.

22. Pemimpin-pemimpin kecil dan besar UMNO dan ahli-ahli UMNO memainkan peranan yang diharap daripada mereka dalam badan yang mengamalkan demokrasi. Menyedari bahawa Tunku tidak lagi dapat memenuhi kehendak dan hasrat perjuangan Melayu dan UMNO, mereka tidak cuba mengambil kesempatan bagi diri mereka supaya disogok. Sebaliknya mereka rela melepaskan Tunku dan menerima Tun Razak.

23. Jika demokrasi tidak mendatangkan kebaikan, percayalah sebabnya bukan sistem ini tidak baik. Sebabnya ialah oleh kerana mereka yang diberi hak mengundi untuk menentukan nasib negara dengan

memilih wakil dan pemimpin yang ikhlas dan jujur tidak menggunakan hak ini dengan bijak. Kerana takut atau kerana utamakan kepentingan semasa diri sendiri, atau kerana sanggup disogok, mereka menggunakan kuasa undi mereka dengan cara yang salah, dengan mengundi dan menyokong calon dan pemimpin yang mereka tahu telah abaikan tanggungjawab dan rosakkan parti.

24. Pucuk pimpinan pula, menyedari akan ketakutan dan keutamaan bagi diri sendiri dan lemahnya semangat juang ahli dan pemimpin kerdil dalam parti tidak segan-segan memperalatkan sifat ini untuk mengekalkan kedudukan dirinya dan konco-konconya.

25. Dengan ini maka demokrasi gagal mendatangkan kebaikan kepada pengamalnya.

### 365 Comments

By Nazirul HazimAuthor Profile Page on August 14, 2008 1:34 PM

Excellent as always, Tun!

By zali lampai on August 14, 2008 1:35 PM

ASSALAMUALAIKUM TUN,

KAMI BERJUANG MENENTANG ANWAR

<http://anakmalaysia81.blogspot.com/>

By nora on August 14, 2008 1:38 PM

Salam Tun,

sama ada 'mereka' ini sedar, faham atau tidak akan makna demokrasi itu sendiri.

Wassalam.

By encikdangerAuthor Profile Page on August 14, 2008 1:40 PM

terima kasih tun

perkara2 macam ni patut dibaca oleh golongan muda dan pertengahan zaman sekarang. saya percaya ramai yang tidak tahu mengenainya termasuklah ahli bijak pandai majlis peguam.

terima kasih tun. bagi saya tun seorang tokoh yang hebat yang faham fundamental mentadbir negara seterusnya menjadikan malaysia sebuah negara yang aman makmur.

terima kasih

By sokong TDM on August 14, 2008 1:46 PM

Sesungguhnya perjuangan pemimpin dahulu adalah untuk memperjuangkan agama, bangsa dan tanahair... TETAPI pemimpin sekarang hanya berjuang untuk memenuhi periuk nasi sendiri dan kepentingan keluarga. Melayu Mudah Lupa!

By Nazirul HazimAuthor Profile Page on August 14, 2008 1:48 PM

Bersyukurlah kita kerana telah wujud patriot2 terdahulu yg telah menyelamatkan dan menghidupkan semula maruah bangsa kita.

Sekarang, tibalah giliran kita pula.

Belajarlah drpd pemikiran dan semangat mereka.

Jgn kerana terlalu terkedepan dan terlalu kagum dgn yg baru, kita lupakan 'wisdom' yg terdahulu.

By jalak lenteng on August 14, 2008 1:49 PM

Assalamualaikum Tun,  
Pemimpin sekarang tak mempunyai semangat patriotik macam pemimpin dulu-dulu. Semuanya mementingkan kejayaan anak menantu mereka sahaja.  
Harap Tun dapat perbetulkan apa yang kusut sekarang ni.  
By razakAuthor Profile Page on August 14, 2008 1:51 PM

Dear Tun,

Do not wait anymore.  
Take a lead to correct the situation  
By wanfoong@europe.com on August 14, 2008 1:51 PM

well, it is unfortunate that datuk onn jaafar managed to breed the most racist grandchild of all.  
hishamuddin is a disgrace to the legacy of his grandad and dad. woe be to all if he ever becomes PM  
By anakjohor on August 14, 2008 1:51 PM

Tun,

Apakah makna demokrasi jika permintaan rakyat terbanyak tidak diendahkan...?

Parlimen Bubar Sebelum 16Sept ?

satu perkara lagi,

Apa pendapat tun tentang sambutan kemerdekaan tahun ini?  
By anakjohor on August 14, 2008 1:52 PM

Tun,

Apakah makna demokrasi jika permintaan rakyat terbanyak tidak diendahkan...?

Parlimen Bubar Sebelum 16Sept ?

satu perkara lagi,

Apa pendapat tun tentang sambutan kemerdekaan tahun ini?  
By tina on August 14, 2008 1:54 PM

teruskan menulis Tun,

semoga Allah sentiasa merahmati Tun...  
By aimand on August 14, 2008 1:54 PM

i'm the first...

assalamualaikum Tun....

Bangga betul dgn knowledge yg Tun ade...memang nampak Tun seorg yg berilmu.....

Tun...

PM & The Geng skrg mana ade semangat macam Tun lagi...semua nye lebih pentingkan diri sendiri...

Saya membesar pasa zaman Tun jadi PM...dan saya nampak setiap perkembangan yang Tun buat.....

Tak macam PM skrg...bosan betul....

By Nazirul HazimAuthor Profile Page on August 14, 2008 1:54 PM

Dear Tun, ladies n gentlemen,

Saya rasa chedet.com ini belum mempunyai impak yg cukup kuat n tangible dlm senario politik skrg. Kita bukannya memberi komen yg setakat bertujuan mengucapkan 'Terima Kasih,Tun',kan?.

Tun pun tidak mengharapkan itu semua.

Objektif kita hendak menyelamatkan Malaysia drpd Pak Lah-Lelah-Kalah-Salah-Masalah dan Anwar pengkhianat bangsa agama.

Tak bolehlah kita minta Tun sahaja buat sesuatu. Kita pun mesti buat sesuatu juga.

Tun ada pengaruh yg kuat ttp bukan pengaruh eksekutif.

Saya fikir langkah terbaik ialah selamatkan UMNO dr dalam.

Inilah yg saya nampak Tun sedang lakukan.

Harap2 jgnlah guna kritikan Tun terhadap UMNO sbg alasan untuk tumbangkan UMNO sepenuhnya pula.

Nanti Anwar jd PM, Lim Kit Siang jd Menteri Pertahanan, Karpal Singh jd Menteri Dalam Negeri, ha! Lagi nahas!

Jadi kepada ahli2 UMNO, bersuaralah kuat2.

Saya belum boleh jadi ahli untuk sekurang-kurangnya 2 tahun lagi.

Saya masih belajar dan ditanggung penaja.

Melalui blog n social networking shj yg sy mampu.

Tolonglah.

At the same time, we have to make people realize how dangerous Anwar is!

A political and social reformation in a country like Malaysia is dangerous.

We have formulated n perfected a system which has worked for 50 years.

A sudden change to this system will bring instability.

Instability could bring chaos.

We agreed to share.Now,some of us wants more than our share.

We have turned greedy.

Don't let it be a day when we say to ourselves, " What have we done?"

<http://nazirulhazim.blogspot.com/>

By Malik Malbari on August 14, 2008 1:55 PM

Assalamualaikum Tun,

Very informative and well said. I really hope there will be changes in our leadership, as I feel that we are all in the dark, searching/hoping for light at the end of the tunnel. It looks like every one is greed for power, no one seems to care about the future of the country.

By Nazirul HazimAuthor Profile Page on August 14, 2008 1:55 PM

Dear Tun, ladies n gentlemen,

Saya rasa chedet.com ini belum mempunyai impak yg cukup kuat n tangible dlm senario politik skrg. Kita bukannya memberi komen yg setakat bertujuan mengucapkan 'Terima Kasih,Tun',kan?.

Tun pun tidak mengharapkan itu semua.

Objektif kita hendak menyelamatkan Malaysia drpd Pak Lah-Lelah-Kalah-Salah-Masalah dan Anwar pengkhianat bangsa agama.

Tak bolehlah kita minta Tun sahaja buat sesuatu. Kita pun mesti buat sesuatu juga.

Tun ada pengaruh yg kuat ttp bukan pengaruh eksekutif.

Saya fikir langkah terbaik ialah selamatkan UMNO dr dalam.  
Inilah yg saya nampak Tun sedang lakukan.

Harap2 jgnlah guna kritikan Tun terhadap UMNO sbg alasan untuk tumbangkan UMNO sepenuhnya pula.  
Nanti Anwar jd PM, Lim Kit Siang jd Menteri Pertahanan, Karpal Singh jd Menteri Dalam Negeri, ha! Lagi nahas!

Jadi kepada ahli2 UMNO, bersuaralah kuat2.  
Saya belum boleh jadi ahli untuk sekurang-kurangnya 2 tahun lagi.  
Saya masih belajar dan ditanggung penaja.  
Melalui blog n social networking shj yg sy mampu.  
Tolonglah.

At the same time, we have to make people realize how dangerous Anwar is!  
A political and social reformation in a country like Malaysia is dangerous.  
We have formulated n perfected a system which has worked for 50 years.  
A sudden change to this system will bring instability.  
Instability could bring chaos.  
We agreed to share. Now, some of us wants more than our share.  
We have turned greedy.

Don't let it be a day when we say to ourselves, " What have we done?"

<http://nazirulhazim.blogspot.com/>  
<http://www.new.facebook.com/group.php?gid=27391957109> - Chedet.com FanClub.  
By nadzriAuthor Profile Page on August 14, 2008 1:57 PM

Buat masa ini, blog saya berehat sebentar.

Tiada penulisan terbaru kerana masih 'under reviw' by Google.

Garap maklum.

<http://nadzrikamsin.blogspot.com/>  
By flipflop on August 14, 2008 1:57 PM

Tun,

Saya yang pertamakah? =D  
By anakjohor on August 14, 2008 1:57 PM

Tun,

Apakah makna demokrasi jika permintaan rakyat terbanyak tidak diendahkan...?

Parlimen Bubar Sebelum 16Sept ?

satu perkara lagi,

Apa pendapat tun tentang sambutan kemerdekaan tahun ini?  
By Tun Dr Marvellous on August 14, 2008 1:57 PM

Salam Hormat TUN n Famili,

Malayan Union ciptaan British adalah satu MUSLIHAT serta hasutan dari pihak yg tertentu

Non-Bumiputra utk kepentingan mereka.

Sekarang digunakan oleh Non-Bumiputra pula MEMUTAR BELIT tentang Kontrak Sosial dan Hak Bumiputra utk mempengaruhi pemimpin Pak Lah yang lembab supaya saranan mereka dari dalam dan luar negeri membubarkan atau melucutkan Hak Melayu. Mereka juga menggunakan PKR pimpinan DSAI dan orang Melayu(lupa diri) utk menyokong mereka.

HIDUP MELAYU..... MELAYU BOLEH.....!

By Mohamed IsmailAuthor Profile Page on August 14, 2008 1:58 PM

Terima kasih TUN ceritakan sejarah Malaysia mengenai demokrasi....

Hope TUN dapat selitkan lagi kisah2 silam agar menjadi tauladan kepada rakyat Malaysia.

Thanks TUN, we really love you!!!

By ibnuAliAuthor Profile Page on August 14, 2008 1:58 PM

salam ybhg tun..

sedarh pemimpin2 semua..... tolak pak lah..

<http://www.casaads2u.com/?member=ibnuAli>

By jack fadzli on August 14, 2008 1:58 PM

Salam Ayah Tun..

Pada fikiran saya Ayah Tun adalah Pemimpin Melayu Terhebat...Dulu,Kini dan Selamanya!

By redbungaraya on August 14, 2008 1:59 PM

Assalamuailaikum, Tun.

Alangkah baiknya jika pemimpin di zaman ini seperti pemimpin di zaman dulu.. namun, itu semua adalah mimpi. AAB telah merosakkan semuanya!! AAB telah setkan trend yang mungkin akan diikuti oleh pemimpin yang seterusnya (tu pun kalau dia nak lepaskan jawatannya. mungkin nak bawa mati dan memimpin guna remote control. maklumlah, orang tamak haloba).

saya sedih melihat negara kita hancur Tun! saya sedih apa yang Tun bina sudah menjadi tiada makna lagi. kami mahukan perubahan! kami mahukan kemajuan ekonomi dan perpaduan seperti yang kami rasai semasa Tun memerintah!

By Anak Jati Look East Policy on August 14, 2008 2:00 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Segalanya sudah berbeza Ayahanda Tun; kerana itu UMNO hari ini lemah, penuh dengan orang-orang Tamak Haloba; bila tak terpilih sedihnya amat sangat; sehingga merosakkan hal-hal yang tak sepatutnya. Tidakkah mereka melihat kehidupan Ayahanda Tun dan Isteri sekarang, betapa simplenya. Mereka ingat esok bila Malaikat maut datang, mereka hendak suapkan harta mereka yang banyak tu kepada malaikat untuk nafas 5 saat terakhir mereka agaknya!

Sedih anakanda melihat keadaan kita hari ini; perjuangan masih jauh; orang yang lupa diri makin ramai. Makin hari makin kita tersisih dinegara sendiri. Kemana kita agaknya selepas ini.....

Jaga kesihatan Ayahanda & Bonda; semoga didalam peliharaan Allah senantiasa. Wasalam.

Anak Jati Look East Policy

By iela on August 14, 2008 2:00 PM

Assalamualaikum Tun...

Harini merupakan hari pertama saya melayari blog Tun, memang banyak perkara yang saya tak faham tentang situasi negara kita skrg ni telah diperjelaskan oleh Tun. Saya telah membaca kesemua blog yg ditulis oleh Tun dan sy amat menghargai pendirian Tun. Saya sedih dgn kepemimpinan yg ada sekarang dan tak menghargai perjuangan yang telah dilakukan oleh orang2 UMNO yang lama. Sekarang negara kita hampir menyambut kemerdekaan yang ke 51, tetapi pemimpin hanya sibuk dengan hal pemilihan dicawangan serta bahagian..tetapi lupa tentang hari kemerdekaan kita yang hampir tiba. Saya sebagai generasi muda amat kecewa dengan kepimpinan yang ada sekarang, kerana nilai2 untuk menghargai kemerdekaan semakin lama, semakin terhakis...

salam..dari penyokong setiamu Tun...

By :: Aku ::Author Profile Page on August 14, 2008 2:01 PM

Assalaamu'alaikum Tun,

Keep posting...like to read your post

:) salam...

By Captain on August 14, 2008 2:03 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Well said, i really want to see you ayahanda.....

HIDUP TUN DR MAHATHIR!

By iniasuh on August 14, 2008 2:04 PM

Dear Tun,

If only everyone else out there can read all this.

By gadismelayu on August 14, 2008 2:05 PM

salam Tun,

pada saya pemimpin2 melayu sekarang dah tak ada lagi unsur2 patriotik dan sayangkan bangsa dan agama berbanding zaman perjuangan Tunku dulu. objektif utama mereka nak jadi pemimpin adalah untuk jadi kaya, itu saja.1% pun tak mewarisi ketokohan pemimpin2 melayu yg dah penat2 berjuang untuk negara.

semoga Tun sekeluarga dirahmati Allah.

By kroolaznizam on August 14, 2008 2:07 PM

Salam Tokdet..

Rata-rata perjuangan pemimpin dalam UMNO masa ini semuanya hanyalah untuk kepentingan sendiri...

Sejarah hanya tinggal sejarah, dan pemimpin sekarang sepatutnya menggunakan sejarah sebagai panduan untuk terus memajukan negara..

Tapi segala pengorbanan dan kesusahan pemimpin2 terdahulu tidak lagi beerti bagi mereka ini...



Abg Dol bukan tak tahu, bukan tak sedar yang rakyat jelata semua dah semakin menyampah dan meluat dengan dirinya, tapi disebabkan terlalu mabuk kuasa, segala rintihan dan keluhan rakyat tidak diendahkan...

Abg Dol memang tidak layak untuk mentadbir negara, dia hanya layak menjadi bilal kampung sahaja...

Saya sangat berharap tok, setelah Abg Dol turun dari takhtanya, dia akan senasib dengan Thaksin, diheret ke mahkamah dan dibicarakan atas salah guna kuasa yang telah dia lakukan..

Cuma saya berdoa agar Abg Dol ni tak sempat lari ke Australia...

Salam Tok,

Teruskan perjuangan tok!!

By melanautanjungAuthor Profile Page on August 14, 2008 2:09 PM

Salam Tun,

Terima kasih kerana telah memberi penerangan yang begitu perinci mengenai perjuangan-perjuangan pemimpin-pemimpin kita dahulu termasuk Tun sekali.

Bagi saya, sekarang ini begitu jelas sekali ramai pemimpin walaupun bukan semua, yang mulanya nampak baik tetapi bila di beri kuasa mulai menampakkan keburukan. Jelas bahawa kuasa yang di pegang telah disalahgunakan demi kepentingan diri.

Tidak ramai pemimpin sanggup melepaskan jawatan seperti di buat oleh pemimpin-pemimpin yang terdahulu. Kemana pergi nya kepimpinan melalui teladan.

Begitu banyak alasan yang di beri demi mempertahankan jawatan yang mempunyai "access" kepada kekayaan.

Pucuk pimpinan UMNO sekarang walaupun tahu yang pemimpin akar umbir sudah jelas mengatakan mereka telah hilang kepercayaan namun dengan sombong dan angkuh tidak mempedulikan saranan supaya melepaskan jawatan.

Bagi mereka, malu bila kalah waktu pemilihan adalah perkara biasa asalkan kekayaan dapat dikumpul dengan banyak dalam masa yang singkat. Perjuangan demi bangsa dan negara dan juga parti bukan lagi prinsip untuk berjuang.

Cuma kita harap satu hari nanti bakal pemimpin negara mempunyai ciri-ciri seperti pemimpin UMNO dan parti-parti lain yang terdahulu yang hendak melihat bangsa dan negara maju dalam semua bidang sebelum kemusnahan lebih teruk dilakukan oleh pemimpin sekarang yang sanggup membelakangkan maruah bangsa dan negara demi Ringgit Malaysia.

By AloQStaQAuthor Profile Page on August 14, 2008 2:11 PM

-

Salam dan doa semoga Tun terus sihat dan sejahtera sepanjang masa ...

Ayahandaku dan Bondaku Tun berdua ....

Sejarah membuktikan bahawa sistem Demokrasi yang digunapakai oleh Negara Malaysia sejak bertahun dulu adalah membawa kebaikan kepada seluruh rakyat yang berbilang kaum ... keharmonian seluruh rakyat terpelihara dengan sistem ini.

Tetapi, yang menjadikan sistem Demokrasi nampak tidak baik adalah berpunca dari pihak yang mengotorkan sistem itu dengan kuasanya yang diselewengkan ... jadilah sistem tampak gagal ...

Orang itu, menggunakan alasan Demokrasi hanya untuk kepentingan diri dan kaum keluarganya ... tidak langsung memikirkan kesannya kepada rakyat mahupun parti ... penyalahgunaan kuasa merobek sistem yang cantik ini ... inilah manusia yang patut rakyat buat sesuatu agar TURUN LEBIH CEPAT DARI TARIKH YANG DINYATAKAN (yang entah betul atau tidak - dia ni cakap tak leh percaya sangat!) ....

AloQStaQ

<http://AloQStaQblog.blogspot.com>

-

By Ide on August 14, 2008 2:12 PM

Assalamualaikum Tun,

Terima kasih Tun di atas perjuangan ikhlas Tun dan PM2 terdahulu..

Kesimpulannya....

a)PM Malaysia terdahulu semuanya nasionalis, bukan macam PakLah

b)ahli UMNO sekarang...ramai yg tak bijak..

Namun,berdasarkan situasi negara sekarang, yg manakah perjuangan UMNO, yg mana harus diutamakan? Bangsa, Agama atau Tanahair?

Semoga panjang umur dan sihat serta aman dunia akhirat kepada Tun berdua...

Ide

By arifinchamp on August 14, 2008 2:12 PM

Assmkum YAB TDM,

Thank you so much for the history lesson. Insyallah, UMNO members and those who still believe in the 'real perjuangan'will continue to fight for what our forefathers had laid out.

Wassalam TDM, pray to Allah for you and the whole family of good health.

By Cohong on August 14, 2008 2:14 PM

Malangnya pemimpin sekarang tidak mendalami prinsip demokrasi. Apa yang mereka pentingkan adalah kuasa dan duit. Walaupun sudah terang rakyat tidak mahu dia memimpin dan kalah teruk masa pilihanraya, tetapi dia hanya tutup mata dan telinga dan menipu diri sendiri dengan berkata "Rakyat masih menyokong saya".

By rakusman on August 14, 2008 2:14 PM

Slam buat Tun dan pembaca lain,

Sangat tersentuh cara Tun menyampaikan istilah demokrasi cara Malaysia. Tepat dan mudah difahami. Mungkin orang lain mempunyai berlainan pendapat tetapi kejayaan Malaysia adalah ikut acuan kita .

Izinkan saya tambah sikit Tun. Mungkin seseorang itu berpelajaran tinggi tetapi dia tak sedar falsafah hidup bahawa jika tidak ada `taring kepemimpinan` atau aura pemimpin maka apa sahaja yang dibuatnya TIDAK akan menjadi. Bukanlah melawan kuasa Ilahi tapi kalau hal dunia Nabi SAW pun minta sahabat yang menguruskannya. Jadi kalau jadi imam di sana sini di bulan Ramadhan bukanlah tiket menjadi pemimpin yang baik. Sedarlah bahawa memimpin negara bukannya senang,bukan memimpin sesebuah syarikat mau pun keluarga.

Kita lihat menteri besar selangor Tan Sri Khalid. Dulu mentadbir PNB kini Negeri tak sama Tan Sri. Naik sahaja MB lulus peruntukan RM 100 juta untuk babi kononnya nak salahkan Khir Toyo yang meluluskan projek babi. Tapi hatinya beku,dungu sebab politik semua padanya betul.Bukankah ada cara lain nak jadi hero? Belajarlah dari pemimpin lepas . Lepas tu jolok pula UiTM...malu je sebab budak budak muda lagi berwawasan pegi protes depan pejabat dia tapi dengar cerita dia LARI. SYABAS anak muda Uitm..anda semua bakal pembela anak bangsa yang ayah ayah mereka sekarang yang jadi pemimpin yang gila kuasa sahaja tak ada fikir lain melainkan KUASA.

Y Bhg Tun,

Apa sahaja mesej Tun nak sampaikan akan mudah diterima bagi mereka yang ada hala tuju tapi yang yang tiada pegangan hidup atau pengampu pasti mesej Tun dianggap Tun kecewa, Tun yang salah dulu dll.. Sekali lagi saya ramalkan Permatang Pauh tetap jatuh ke tangan PKR walau pun calon nya suka melakukan diluar tabii. Ini adalah kerana keseluruhannnya pengundi akan melihat siapa pemimpin negara sekarang? Apa dibuatnya selama ini? Lagi pun kita tak tahu apa perjanjian AAB dgn AI kat Spore baru baru ini?

Adakah pintu AAB dah terbuka bila membaca mesej Tun ini?

By zam\_hanitek on August 14, 2008 2:15 PM

semoga Allah merahmati Tun dan keluarga, sesungguhnya Tun pemimpin yang ulung, pak lah letak le jawatan, saya begitu risau nasib bangsa dan negara dibwh pimpinan pak lah, pemimpin yg lemah tidak layak memimpin, semoga mukriz menjadi pemimpin yang hebat mewarisi kebijaksanaan Tun. Mari semua kita kibarkan jalur gemilang dan bendera putih tanda sokongan kita kepada Tun.

By moyabira on August 14, 2008 2:15 PM

Assalamualaikum Tun,

1. Orang melayu sekarang ni dalam keadaan serba salah, nak pilih UMNO - banyak rasuah dan dah PMnya tiada hala tuju, lembap, lemah, "Yes" aje.
2. Anak-anak (wakil-wakil bahagian) yang mengikut PM tu, faham-faham aje lah asyik nak rebut jawatan aje. Jaga perut sendiri.
3. Jadi terpaksa pilih yang lain.

Wassalam,

Kaf Yaa Ain Sod Qaa Haa

By tembел on August 14, 2008 2:15 PM

Salam Tun,

Satu lagi pandangan Tun yang perlu di ambil serius oleh semua pihak.

Saya ingin menanyakan satu soalan berkaitan pemilihan UMNO hujung tahun ini.

Soalan saya adakah perlu ahli UMNO dari Cawangan-Cawangan dan Bahagian terus mengusulkan nama Dato' Seri Najib dan Tan Sri Muhyiddin sebagai Presiden dan Timbalan walaupun mereka berdua telah mengumumkan untuk hanya mempertahankan jawatan masing-masing dalam Parti jika mahu kepimpinan UMNO yang baru?

Atau adakah Tun mahu calon lain di calunkan jika pada pandangan Tun mereka berdua itu sememangnya tidak layak kerana tidak berani menegur Presiden yang ada sekarang sehingga UMNO dan BN sendiri tidak dapat menangani masalah politik dan ekonomi Negara yang meruncing sekarang ini?

Siapa calon-calun lain yang Tun fikirkan sesuai?

Terima kasih Tun.

By ctm on August 14, 2008 2:16 PM

Tun, sebagai rakyat Malaysia, saya berpendapat sejarah banyak mengajar kita. Namun, persoalannya adakah kita mampu mencipta sejarah yang sekurang-kurangnya sama hebatnya dengan sejarah terdahulu walaupun tidak lebih hebat dari yang terdahulu. Mampukah Malaysia melahirkan pemimpin

yang sehebat dan seberani pemimpin satu masa dulu. Demokrasi pastinya mendatangkan kebaikan sekiranya yang berhak untuk mengamalkannya mencatur dengan bijak dan bijaksana.  
By kenzo on August 14, 2008 2:17 PM

salam tun  
bangga rasanya jadi rakyat malaysia pada zaman tun. skrg!, tiada apa yg nak dibanggakan, kalo setakat hantar org main gasing kat bulan, apa2hal pun korang semua fikirkan sendiri..  
teruskan perjuangan tun  
By harimaumalaya on August 14, 2008 2:18 PM

LongLive Tun .....! We always support you....!  
By Coco on August 14, 2008 2:18 PM

salam tun!

ur the best!

-dulu , kini dan selamanya..  
By Rossi on August 14, 2008 2:18 PM

Tun....

Berjuanglah selagi ada hayat dan jangan putus asa.... Tiada ape pun yang sia2 selagi Tun berjuang atas apa yang Tun percaya....  
Walaupun Tun akan hanya tinggal nama... Tapi.... usaha Tun akan tetap jadi pedoman... Jadi Sejarah unggul untuk panduan pada seluruh generasi Malaysia... Jadi Legenda bersama para patriot yang lain....

Kami, Patriot, yang sedar ini akan terus berjuang... Biarlah kalah sekalipun... Namum kalah tidak sekali2 dalam kamus fikiran...

USAHA!!!

Rossi Abdul Ghani

By RegHiOp on August 14, 2008 2:19 PM

Salam ayahda Tun;

demokrasi skrg ini ala unta...  
terhenyut2 ikut arahan org...  
de facto agak keruan...  
domokrasi yg retorik semata2  
By crazyellyseeAuthor Profile Page on August 14, 2008 2:19 PM

Tun:

Tun, sebelum saya mengulas pandangan saya terhadap artikel ini, saya ingin berminta maaf jikalau pandangan saya itu berlainan atau terkeluar daripada mesej artikel ini yang sebenarnya.  
Bagi pandangan saya, Malaysia merupakan negara yang bagus dan memberikan kebebasan yang cukup berbanding dengan negeri Melayu/Islam yang lain. Orang Malaysia diberi peluang untuk memilih pemimpin yang mereka mahu/mereka beranggap yang berpontesi untuk memimpi tanah air mereka. Kita sebagai anak Malaysia juga diberi kebebasan yang cukup untuk berkongsi dan meluahkan perasaan serta pandangan kita terhadap kerajaan dan juga sistem-sistem yang dilaksanakan oleh kerajaan. Oleh disebabkan saya ni dilahirkan pada tahun 1991, saya tidak beberapa tahu tentang situasi zaman kegemilangan Tun Abdk Razak dan TUn Onn Jaafar itu. Saya telah mendalami pelajaran saya terhadap

sejarah dan juga peristiwa yang berlaku di Malaysia walaupun saya berada di Brunei. Ini hanya disebabkan saya kagum menjadi anak Malaysia kerana Malaysia merupakan sebuah negeri yang bebas untuk rakyat memberi pandangan dan komen mereka terhadap Kerajaan dan juga pemimpin. Walaupun saya tinggal di Brunei selama 16 tahun, saya tidak pernah berfikir akan menukarkan identiti saya menjadi warga Brunei. Saya berasa lebih selesa dengan adanya kebebasan dan juga interaksi positif diantara sistem Kerajaan Malaysia daripada Brunei.

Pemimpin di Malaysia telah mengharumkan nama negara kita ke seluruh dunia dengan kejayaan mereka yang lepas. Salah seorang pemimpin Malaysia yang memberi inspirasi yang kuat kepada saya untuk berazam menjadi berjaya serta berjiwa Malaysia adalah Tun. Tun, jikalau Malaysia tidak mempunyai sistem demokrasi...Malaysia tidak akan mempunyai kejayaan yang dia ada pada hari ini.

Tun Abd Razak, Tun Onn Jaafar dan Tun tidak berpeluang untuk membawa Malaysia ke tahap tinggi seperti wawasan kita pada 2020 jikalau Malaysia masih tidur/mengamalkan sistem Melayu Islam Beraja. Sistem Demokrasi merupakan salah satu sistem yang baik dimana rakyat berpeluang untuk mengongsikan cadangan atau komen mereka. Anak Malaysia amat bertuah kerana bebas daripada berbual tentang perbualan politik negara kita.

Bagi negeri yang mengamalkan MIB, kita boleh jelas dan nampak bahawa rakyat di tempat tersebut selalunya "takut" terhadap meluahkan perasaan mereka tentang ketiadaanadilan yang diberi oleh Kerajaan/raja/pegawai/dato itu. Misalnya membuat aduan, aduan merupakan sesuatu yang patut diterima oleh semua manusia di dunia ini. KERANA adanya aduan, adanya luangan untuk kita mempertingkatkan diri serta membetulkan kesalahan kita. Tetapi bagi sesetengah rakyat yang dibawah sistem MIB itu, mereka takut untuk membuat aduan walaupun harta atau nyawa mereka digadai oleh perkara yang seharusnya salah.

Walau bagaimana pun, sistem demokrasi yang bebas dan kerajaan Malaysia yang adil nampaknya sudah lama tenggelam. Saya beragar Malaysia akan berdiri lagi semula untuk mengejarkan wawasan 2020 yang penuh dengan faedah dan kekaguman negara.

Hui Ling

By samuraimelayu on August 14, 2008 2:20 PM

Salam AYAHANDA RAKYAT TUN,

Kau layak menerima anugerah, rimbun pelindung untuk semua,  
Kata Ayahanda Tun

12. Persekutuan Tanah Melayu yang mengganti Malayan Union dan mengembalikan kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai Raja berperlembagaan adalah sumbangan Dato Onn yang amat tinggi nilainya kepada orang Melayu. Semua orang Melayu menyanjung tinggi kejayaan kepimpinan Dato Onn Jaafar.

Kejayaan Ayahanda yang paling tinggi ialah mengatur landasan wawasan 2020.

Wawasan 2020 bukan titik penyudah, bagi generasi mendatang ia bermula.

Salam Kasih kami Ayahanda Tun

Salam Kasih kami Bonda Tun

Alfatihah, AMin.

By harimaumalaya on August 14, 2008 2:21 PM

LongLive Tun..! We always support you

By hunik on August 14, 2008 2:22 PM

Hello Tun...

Saya adalah peminat setia kepada semua isu-isu yang dibangkitkan oleh Tun. Boleh kah Tun beri pandangan bagaimana menguruskan pendatang tanpa izin (PTI) dan Sabah.

Terima kasih

By emma49 on August 14, 2008 2:22 PM

Rumi

Negaraku  
Tanah tumpahnya darahku,  
Rakyat hidup  
bersatu dan maju,

Rahmat bahagia  
Tuhan kurniakan,  
Raja kita  
selamat bertakhta,

Rahmat bahagia  
Tuhan kurniakan.  
Raja kita  
selamat bertakhta

Jawi

نڬاراکو  
تانه تومڤهڠڠ دارهڬو  
رعیت هیڠوڤ  
برساتو دان ماجو

رحمة بهانگیا  
توهن کورنیاکن  
راج کیت  
سلامت برتختا

رحمة بهانگیا  
توهن کورنیاکن  
راج کیت  
سلامت برتختا

\*\* NEGARAKU lyric for chinese reference. DON'T bE JOKERS plizz!! && IF you guys still believe in bangsa MALAYSIA spirit.. do revert back our SIGNBOARD to Bahasa Melayu.  
By FaizalRizwan on August 14, 2008 2:22 PM

Salam Tun...

kenapalah agaknya PakLah tak sedar lagi dengan perkara nie..sekarang masa utk PakLah undur diri.bagi pemimpin lain untuk kembalikan keyakinan rakyat terhadap UMNO dan kerajaan..PakLah..tolonglah dengar suara rintihan rakyat..undurla dengan cara terhormat selagi ada masa nie..  
By syamAuthor Profile Page on August 14, 2008 2:23 PM

bercerita ttg kronologi adalah salah cara yang berkesan untuk suburkan kembali semangat perjuangan dalam generasi muda. kool tun

tapi hari ini, kerana kerajaan beriya-riya nak menang pilihanraya kecil telah lupa untuk suburkan semangat kemerdekaan di kalangan rakyat. kempen2 kemerdekaan tidak segah dulu. mana perginya?

cheers,

syam @ <http://aeropama.com>  
By adamharris on August 14, 2008 2:23 PM

Assalamualaikum Tun...

telah tiba masanya untuk Tun kembali menabur bakti.. Tolonglah Tun...Demi negara tercinta..doa kami

sentiasa agar Tun dipelihara Allah. Salam untuk bunda Tun Siti Hasmah  
By mr-aizuddin on August 14, 2008 2:24 PM

Assalamualaikum Tun,

Lama rasanya tk beri komen untuk setiap artikel2 daripada Tun.. Saya pernah request daripada Tun dlm satu komen saya yg lepas untuk artikel yg begini.. Alhamdulillah.. Terima kasih kerana berkongsi dgn kami semua Tun... Jaga diri elok2 ye Tun... Kami sayangkan Tun seperti keluarga kami...  
By zali lampai on August 14, 2008 2:24 PM

ASSALAMUALAIKUM TUN,

MELALUI PERBUALAN SAYA DALAM ONLINE DENGAN SEORANG YG TIDAK DIKENALI, BELIAU MENGATAKAN MEMANG SUKAR DEMOKRASI HENDAK DIJALANKAN KERAN BANYAK MELIBATKAN WANG.

KAMI CUMA BERHARAP ADA PEMIMPIN YANG MEMBAWA PERJUANGAN SEBENAR UMNO.

<http://anakmalaysia81.blogspot.com/>  
By signal\_motor on August 14, 2008 2:24 PM

Salam YABhg. Tun,

Patik setuju dengan Tun. Kalau Tun tidak memecat Dato' Seri Anwar Ibrahim dulu, mungkin Jebat tidak akan mengamuk seluruh pelusuk negara. Sekarang kita perlukan Hang Tuah kembali untuk membunuh Jebat durhaka. Sediakah Tun bermaaf-maafan dengan Hang Tuah sekiranya beliau mahu hidup kembali?? Tetapi keris Taming sari di tangan Jebat. Keris Tun mungkin bisa berguna. Bulan depan kita umat islam akan mula berpuasa, lebih baik kita bermaafan sesama sendiri.  
By azmany on August 14, 2008 2:25 PM

Tun,

Nampaknya orang kita sudah sampai satu pusingan (full circle) dan kita kini kembali ke point #6 "...ketandusan pemimpin yang berwibawa. Mereka irihati melihat...".

Kalau kita bandingkan sistem politik demokrasi dengan sistem ekonomi free-market, maka terdapat kesamaan dimana kedua-dua sistem ini yang kononnya adil dan saksama, boleh dan telah dimanipulasi oleh penyangak-penyangak yang hanya mementingkan diri sendiri.

Sistem ekonomi free-market telah dimainkan oleh 'currency speculator' dan kini 'commodity-trader'. Tetapi penyangak ini hanya boleh berjaya kalau ahli-ahli sistem mengikut peraturan yang sedia ada dan established. Kalau ahli-ahli sistem membuat aturan yang baru, modus-operandi penyangak tersebut akan dipatahkan dan aktiviti-aktiviti jahat mereka dapat didedahkan.

Penyangak politik UMNO 'memegang' ketua-ketua bahagian untuk diikat yang mengikut percaturan akan menentukan kepentingan politik mereka terjamin Disember ini. Kalau ahli-ahli cawangan mengambil langkah dan mengambil inisiatif sendiri yang kemudian menimbulkan tekanan ke atas, ada kemungkinan 'people's power' ini boleh memulakan satu ombak pemulihan bagi UMNO.

Saya yakin masih ada di kalangan kita orang-orang yang masih mempunyai hala-tuju perjuangan yang utuh, batu-batu permata yang belum digilap. Gantilah permata-zircon yang kini berkilauan tapi tidak berharga dengan permata sebenar yang berharga tapi tidak menonjolkan diri.  
By nuriman on August 14, 2008 2:25 PM

Salam Tun,

To discuss about democracy in the true sense of the word is something that may raise polemic among the people. There are those who just cant distinguish the type of democracy that Malaysia is adopting compared to that being practised by US. This is to prevent untowards incidents that can jeopardise the peace and harmony of the nation from happening. But of late, it seems that the government itself is in the daze over the interpretation of democracy that we adopt. Aint it apparent?

Tun, wish you could tutor those at the top at present about Demokrasi Berpelembagaan.

By Fadz on August 14, 2008 2:29 PM

zali lampai, tolonglah baca isi kandungan blog ini dengan teliti. Tun sedang bercakap mengenai UMNO & tersiratnya mengenai kepimpinan UMNO masa kini. Patutlah orang Melayu lemah membaca. Reading between the lines pun tak paham.

By zainiAuthor Profile Page on August 14, 2008 2:30 PM

sy rase.mungkin hamper semua org suda lpe bagaimana adenye M'sia ini.penat,perih dan air mate darahnya.

kalo Onn Jaafar bole tgk semua ni.mesti die sedih.ape yg die sedaye upaye usahakn dulu,hmpir hancur semuanya.

trima kaseh tun.kerana mengingatkn.

By sintaro08 on August 14, 2008 2:32 PM

Tun... meh ler joint PKR.... jangan laa segan2... anwar dah maafkan Tun... lebih baik sekarang sebelum dia jadi PM... meh ler...

By furido1585 on August 14, 2008 2:32 PM

Salam.

Penguasaan BN sejak merdeka pada tahun 1957 yang ditunjangi oleh UMNO menyebabkan begitu kelebihan yang bakal diperolehi oleh mereka-mereka yang menonjol di dalam UMNO. Kelebihan yang diperolehi menyebabkan mereka-mereka ini sanggup berbuat apa saja cara untuk naik ke atas. Ini menyebabkan Nawaitu mudah terpesong bila sudah memperolehi kejayaan dalam politik parti apatah lagi berjaya jadi pemimpin negara. Hanya Iman di dada yang bertunjangkan Al-Quran dan Hadis yang kukuh sahaja yang mampu menjadikan seseorang itu pemimpin berjiwa rakyat. Di Brunei Darussalam, pada bulan Ramadhan ada program di mana para menteri mengaji Al-Quran dan ditayangkan di televisyen. Program ini adalah baik dijalankan di Malaysia, menarik juga kita dapat tahu tahap kefasihan para pemimpin kita mengaji. Tapi Pak Lah tahu serba-serbi agama namun agak dahsyat cara pemerintahannya. Pilihan pemimpin kita siapa lagi ya? Hmm...

By normal citizen on August 14, 2008 2:32 PM

Dear Tun,

Hakikatnya pemimpin-pemimpin besar dan kecil sekarang mudah lupa.

Kita sekarang ketandusan pemimpin yang berwibawa, yang bersemangat perjuangan, yang berprinsip tegas, yang berkarisma dan nasionalisma.

Berat hatinya kita mencari-cari sekarang.

By nab38 on August 14, 2008 2:33 PM

askum Tun ,

ive been following closely all your writing in this blog,and i do agree with you particuarly in the matter of money politics and corrupt politicians especially during the Badawi adminstration.

Why cant he see that the rakyat especially the malays are suffering because of his attitude.."bodoh



sombong".

Keep up the good job Tun,u are always my favourite PM.

Regard.

By Mob RulesAuthor Profile Page on August 14, 2008 2:33 PM

Dearest Tun,

We cannot get this kind of details from history text books. Your writings can sell like hotcakes.

<http://wtfmalaysiangovernment.blogspot.com/>

By Abdul Rashid BasarAuthor Profile Page on August 14, 2008 2:36 PM

Segala apa yang terjadi dahulu mungkin ada hikmahnya.....ARB Dagang

By ctmardianamohd on August 14, 2008 2:38 PM

Firstly, i'm not a politician but i'm Malaysian..

kita perlu peka kepada apa sahaja yang berlaku disekeliling kita.

In previous time, i'm not really concerned on whatever happened to the political world because i believe My Malaysia will always in peace...

Sehingga pemimpin sekarang mengambil alih pucuk kepimpinan yang hebat, yang ditinggalkan oleh pemimpin terdahulu sebelumnya...i got the feel that something is going happened and more worse is going to be happened...With the political scenario nowadays, all are unpredictable..

I've learnt about Malaysia history during my school time and more in university. i've learnt about nasionalisme, I've learnt about democratic system...

Tapi tiada lagi demokrasi pada masa sekarang, tapi hanya demo-crazy..setiap pemimpin bercakap soal politik dan parti, tetapi mereka sebenarnya bercakap tentang kepentingan diri dan kedudukan masing-masing..

Saya amat berharap peristiwa 13 Mei tidak berulang..Saya berpendapat, Tun mempunyai peranan yang penting dalam memastikan negara Malaysia yang dicintai ini sentiasa selamat melalui penulisan Tun..Sayang Tun... :)

"KALAU LAH NAJIB MEWARISI SIFAT AYAHANDANYA YANG MEMPUNYAI SEMANGAT NASIONALISMA YANG TINGGI....."

By shirohanaAuthor Profile Page on August 14, 2008 2:38 PM

Dear Tun, what you have written is certainly true.

Democracy is good, and the one holding the power is actually the rakyat, but most of the rakyat does not know this.

I remember a phrase in my History text book that says, 'A country is like a tree; the king(leaders) are liketh shoots, and the people are the roots.'

I guess we Malaysians are not proactive enough, like what we are when we are trying to obtain our freedom.

Some think that making stupid actions would gain an effort.

What do you think of this?

By moyabira on August 14, 2008 2:38 PM

Salam Tun,

1. Sepatutnya pemimpin sekarang atau ketua bahagian perlu menghayati sejarah perjuangan pemimpin terdahulu.
2. Kepentingan rakyat & bangsa perlu diberi keutamaan bukan kepentingan poket sendiri & keluarga.
3. Hairan bin abjaib betul!!, PM (DSAB)& Ketua Bahagian tolonglah CERMinkan diri, jika anda sayangkan bangsa anda. Ini tidak bertengkar nak rebut jawatan. Memalukan bangsa aje.
4. Pak Lah atau yang sesama dengannya tu, tolonglah letak jawatan.

Wassalam

By Jinggo on August 14, 2008 2:38 PM

Salam Tun,

Semuanya dah tak waras... Tak tahu menilai dan dinilai...

-Jinggo Rock-

By wakmes on August 14, 2008 2:39 PM

Assalamualaikum TDM.

Semuga Allah merahmati mereka yang berniat ikhlas dalam perjuangan menegakkan agama, bangsa dan tahananair. Amin.

Wassalam.

By anakjohor on August 14, 2008 2:41 PM

Sebentar tadi terdapat kesilapan teknikal link di posting saya.

ini link yang baru - Parlimen Bubar Sebelum 16Sept ?

Kesulitan Amat Dikesali.

By Sudin on August 14, 2008 2:44 PM

Assalamualaikum,

Kpd ayahanda Tun,

Teruskan menulis untuk memperbaiki keadaan negara yg amat haru-biru sekarang ini. Moga diberikan kekuatan oleh Yang Maha Esa untuk terus memimpin kami, anak-anak mu. Sesungguhnya kami tak mahu mewarisi negara yang tak tentu arah ni. Kami mahu negara bertuah ini kembali gah seperti ketika Ayahanda mengetuai kami dulu.

Mendengar rintihan sahabat2 yang makin tertekan dengan kenaikan kos sara hidup hari ini sesungguhnya amat memilukan. Dengan petrolnya, makan minumannya dan terbaru, kenaikan bil elektrik yang agak tinggi amat menekan kami.

PM tersayang ada berpesan supaya rakyat mengubah cara hidup dan berjimat-cermat. Tetapi kalau dah semua harga barangan dan perkhidmatan naik mendadak macam ni, bagaimana lagi kami mahu berjimat.

Kepada Ayahanda Tun, bantulah kami...kepada rakyat Malaysia, dalam keadaan hari ini, bersatulah kita

berdiri teguh menyokong Ayahanda Tun dan janganlah sesekali kita melepaskan bumi bertuah ini kepada mereka yang berpegang kepada anasir-anasir sumbang dan luar tabii.

Wassalam...

By overview on August 14, 2008 2:44 PM

sebenarnya, sejarah kemerdekaan kita memang unik..dan setiap pemimpin kita mempunyai perjuangan yang tidak dapat dilupa sampai bila-bila,,dan mereka layak untuk gelaran "Bapa" yang baik....Malang sekali ianya hanya sampaik 4 dan tiada sambungan... mungkin corak perlembagaan harus diubah atau orangnya...mungkin itu Majlis peguam diberi kuasa yang tiada hadnya dan tidak perlu menghormati apa yang diperuntukkan untuk mengekalkam kesejahteraan dan kententeraman awam...Mungkin juga kita perlu menggunakan perlembagaan wang memandangkan sekarang semua telah naik..Atau mungkin kita hanya perlu berhujah dan memutarbelitkan cerita supaya rakyat tahu dan orang asing tahu kita aman dan kita membangun ,,kita tiada masalah...Atau mungkin yang terbaik yang kita semua mampu fikirkan.. berilah pemikiran yang bernas.... mungkin ianya akan digunakan..walaupun digunapakai atas nama orang lain sekurang-kurangnya adalah untuk mencapai kebaikan bersama...berhenti untuk menambahkan banyak kesilapan..dan carilah penyelesaian...Sesungguhnya saya semakin lemah untuk keadaan yang lebih buruk...

By nacsoib on August 14, 2008 2:45 PM

Tun,

My simple question, why this detail not inside our history book? Is the detail a true? Can Tun contribute history experience to our malaysia edcuation ministry? A lot of info mention by Tun dont think anyone who read school history book will know it. Beside the person mention above, is there anyone non malay or muslim involved? Sound to me there is only Malay who bring up this demokrasi. If there is non malay involve in we should mention them here. If not ppl will only think this contribution is bring by Malay only.

Talk about our current situation in malaysia, do we have it? If not how to make it right? By using BLOG?

My Question is How to MAKE IT RIGHT? Can Tun suggest and guide the way? I would really wish Tun can suggest some capable person in malaysia to lead, be it from Bumi or Non Bumi. Need to get it right before getting worst. Put down all kind of view and look at malaysia as a whole.

If UMNO member dint make the move, no one from others party can help as UMNO is the biggest party in BN. BN member is action to correct the situation but UMNO themself feel is right and blaming others party. Others BN member the power is too weak. Majority power still from UMNO, we wont able to make it without UMNO pushing it.

Using blog to discuss will just talk to the air. Like what I am doing now.

By kedah\_kbg pasuAuthor Profile Page on August 14, 2008 2:47 PM

Salam TUN.

Pak lah and gang angguk2nya memutarbelitkan demokrasi itu sendiri untuk kepentingan diri sendiri tanpa memikirkan kesan akan datang pada parti UMNO dan orang Melayu itu sendiri. Itulah gaya kepimpinan yg lemah dari Paklah masa kini, menyebabkan kaum lain tidak hormat pada kaum Melayu dan parti UMNO itu sendiri.

By zaman on August 14, 2008 2:47 PM

Assalaamualaikum Kepada Tun yang di kasihi.

Artikel demokrasi yang di tulis oleh Tun ini amat padat dan begitu memberangsangkan.

Saya masih tak faham kenapa Pak Lah masih tak mau UNDUR.Saperti apa yang TUN tulis pemimpin pemimpin yang terdahulu bersifat "GENTLEMAN" apabila mereka tahu bahawa sokongan rakyat kepada

mereka telah luntur mereka pun meletakkan jawatan.

Saya berharap agar Pak Lah pun mempunyai sifat "GENTLEMAN" seperti pemimpin-pemimpin terdahulu.

Tun jangan lupa jaga kesihatan  
By key on August 14, 2008 2:47 PM

Salam untuk Tun, isteri dan chedet fan. Benar, sistem demokrasi di MALAYSIA sekarang agak jauh berbeza dari zaman pemerintahan sebelumnya. Sikap para pemimpin yang terdahulu seperti Datuk Onn, Tun Razak, Tunku Abdul Rahman dan Tun Mahathir contohnya antara pemimpin yang memperjuangkan kedaulatan sistem demokrasi bukan saja untuk negara malahan untuk seluruh bangsa di MALAYSIA. Walaupun terutama diberi pada bangsa Melayu/pribumi tetapi bangsa lain tidak dipinggirkan. Malaysia bukan seperti China, India, S'pore antara negara yang kita boleh lihat dengan mata kasar bagaimana penerimaan mereka terhadap bangsa lain di negara mereka. Negara-negara tersebut juga menetapkan kelebihan bagi setiap bangsa di negara mereka. Sudah tentu keutamaan diberi pada bangsa yang utama disana. Bagaimana layanan pemerintah di negara tersebut pada bangsa yang lain?. Tak usah kita pandang jauh, cukuplah di S'pore. Bagaimana dengan bangsa Melayu disana, terutamanya dalam bidang politik. Berapa ramai bangsa Melayu yang menjadi ahlinya, kalau ada apakah jawatan yang mereka sandang dan berapa lama tempohnya. Begitu juga dalam bidang ketenteraan, pendidikan. Untuk melayakkan bangsa Melayu ke universiti disana amat susah sekali. Kadang-kadang pelajar itu mempunyai kelayakkan yang begitu baik sekali tidak dapat tempat. Malahan pengambilan pelajar asing terutama dari China, yang kebanyakannya tidak fasih dalam bahasa Inggeris. Itulah antara yang dapat saya berikan. Sebagai rakyat kenanglah jasa mereka yang telah bersusahpayah untuk mencapai kemerdekaan negara kita. Jangan sampai negara kita jatuh pada pihak musuh yang sentiasa menunggu peluang. Walaupun apa bangsa pun kita dilahirkan di MALAYSIA adalah warganegara ini. SALAM BUAT TUN DARI SAYA SEKELUARGA.  
By Pok Lelah Author Profile Page on August 14, 2008 2:48 PM

Dear Tun....Point(21) tajam & menepati maksud yang tersirat. Inilah yg dikatakan takdir & suratan. Alangkah bahagia sekiranya Pak Lah dapat menghayati dengan khusyuk maksud ayat yg tersirat & cuba praktiskan. Insafilah Pak Lah kuasa & takhta anda bukan hakmilik kekal...HIDUP TUN MAHATHIR  
By fikirancelin Author Profile Page on August 14, 2008 2:49 PM

salam tun... harap tun buang yang keruh, ambil yang jernih..  
By zebramones on August 14, 2008 2:49 PM

Jika rakyat menyedari mereka tersalah pilih pemimpin selepas mengundi, adakah cara supaya rakyat dapat menukar pemimpin ini sebelum pilihanraya seterusnya?  
By Tun Dr Marvellous on August 14, 2008 2:52 PM

Salam Hormat Kpd Peminat dan Penyokong TUN,

Dibawah pimpinan Pak Lah, UMNO bersama kuncunya menyokong Hak Bumiputra ciptaan Pakatan Rakyat dan Majlis Peguam sehingga Sosial Kontrak lambat laun dipaksa digugurkan.

Selagi Pak Lah masih memerintah, selagi itulah mereka akan mengambil segala kesempatan utk dibubarkan utk kepentingan mereka sebelum Pak Lah letak jawatan pd 2010. Inilah peluang KE-EMASAN mereka mungkin juga termasuk Singapura. Akal licik dan muslihat mereka PR (DAP) dan Hindraf tidak akan padam.....

HIDUP MELAYU.....MELAYU BOLEH!!!  
By EMicro on August 14, 2008 2:53 PM

Salam Tun,

Teman nengok pemimpin-pemimpin bahagian dan cawangan kini lebih pintar.

Dema sedia terima 'hadiah' yang diberi oleh pemimpin atasan, tapi ini tak bermakna dema akan nyokong. Keadaan macam ni akan buat pemimpin yang beri 'hadiah' tu tak tidor lena!! Percayalah.

By Cucu Tok Det on August 14, 2008 2:53 PM

WELCOME TO TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD UNIVERSITY

TUN, YOU'LL NEVER WALK ALONE

By kedah\_kbg pasuAuthor Profile Page on August 14, 2008 2:57 PM

Salam TUN.

Pak lah and gang angguk2nya memutarbelitkan demokrasi itu sendiri untuk kepentingan diri sendiri tanpa memikirkan kesan akan datang pada parti UMNO dan orang Melayu itu sendiri. Itulah gaya kepimpinan yg lemah dari Paklah masa kini, menyebabkan kaum lain tidak hormat pada kaum Melayu dan parti UMNO itu sendiri.

By renaissance2013 on August 14, 2008 2:57 PM

Salam Tun.

Terima kasih untuk segala-gala yang telah Tun bina dan bangunkan untuk rakyat Malaysia. Terima kasih!

Nuh Iskandar.

By moyabira on August 14, 2008 2:58 PM

Salam Tun,

Candangan saya Tun perlu terus menulis tentang apa yg terjadi di masa lalu, kerana skurang-kurangnya kami mendapat gambaran yang sebenar.

1. Nak harapan menteri sekarang, nak tolongkan bangsa sendiri pun SUSAH. Kalau letak duit RM1 juta atau RM2 juta, baru o.k, boleh di jual beli.
2. Lihatlah isu permit Teksi di selangor, koperasi minta tak layan tapi bila cha nun alif letak duit aje, terus keluar permit. Kesian pemandu yang dah berkerja lama.
3. Jika anda terbaca satu lagi isu yang hangat perkatalkan di Pejabat Tanah Hulu langat, memalukan bangsa melayu. Lapar sangat dengan duit RASUAH tu.

By Lady D on August 14, 2008 2:59 PM

assalamualaikum..  
salam Ayahanda Tun,

Tun, saya dilahirkan dan dibesarkan di Johor dan seringkali berUlang alik diantara singapura dan Johor Bahru.. Sebahagian besar keluarga saya berasal dr singapura. Tiada ape yg dapat saya banggakan di singapura kecuali pembangunan pesat dan kemajuan yg ada.. tapi ape lah bererti sgt jika melayu menumpang di tanah air sendiri. Apabila melayu seperti bukan melayu.. hilang pedoman diri, hilang jati diri..hilang kemaluyuan.. malah saya sendiri malu hendak mengaku asal usul saya dari seberang tamBak.. kerana, kecectekan pemikiran melayu disana.. saya Disini bukan Mengutuk atau menGeji.. tapi ini hakikat yg harus di pegang.. seKirangnya Melayu di Malaysia.. di TANAH MELAYU khusunya tidak menjaga apa yg kita ada selama ini... akhirnya kita akan menjadi SAUDARA kita di seberang tambak disana.. Saya sangat bersyukur di lahirkan dan membesar di Johor, Bumi Malaysia ini... saya bangga mengatakan saya rakyat malaysia.. ibu saya seorg warganegara singapura jugak telah menjadi penduduk tetap di sini hampir 27 THn sehingga kini.. tetapi sekarang ni, terlalu byk kekeliruan.. dan perkara ini cukup menakutkan

senario politik yg semakin kotor dan jijik.. kebenaran seperti perkara yg paling murah yg boleh dibeli dgn duit dan kemewahan.. masa zaman Tun dahulu, perkara2 ini tak berlaku.. sekarang?.. tolonglah tun.. do something..before its too late.. before everything fall apart... before everything vanish... sebelum kita seperti mereka di seberang tambak menumpang di tanah sendiri.. menukar arah dan kiblat, menukar pegangan... saya berharap semua ini berakhir dan mereka-mereka yg patut akan menerima padahnya..

wassalam....

By emma49 on August 14, 2008 3:00 PM

Salaamm,

kepada semua sahabat bloggers.. nie url yg provide bnyk informative materials bout public policy studies in Malaysia for your reading pleasure...

<http://www.cpps.org.my/>

saya berharap sahabat bloggers juga boleh mula posting "action plan"2 yg boleh kite work out, soo that kite tak la jadi group "wait && see" jerrkk... right??

JNG tunggu our "NATION" tumbang camtue jerk..

...NEVER SAY DIE...

By fazumi on August 14, 2008 3:03 PM

apa nak jadi dengan pemimpin sekarang...saya ada sesuatu nak ditujukan kepada sesiapa yang terasa diriny seorang pejuang bangsa...pejuang agama dan negara...renung2 kan....

APAKAH BENAR ENGKAU PEJUANG

Engkau ingin berjuang tapi tidak mampu menerima ujian  
Engkau ingin berjuang tapi engkau rosak oleh pujian  
Engkau ingin berjuang tapi tidak sepenuhnya menerima pimpinan

Engkau ingin berjuang tapi tidak begitu setia kawan  
Engkau ingin berjuang tapi tidak sanggup berkorban  
Engkau ingin berjuang tapi ingin jadi pemimpin  
Engkau ingin berjuang, menjadi pengikut agak segan

Engkau ingin berjuang, tolak ansur engkau tidak amalkan  
Engkau ingin berjuang tapi tidak sanggup menerima cabaran  
Engkau ingin berjuang, kesihatan dan kerehatan tidak sanggup engkau korbakan  
Engkau ingin berjuang tapi tidak mampu menerima ujian

Engkau ingin berjuang tapi engkau rosak oleh pujian  
Engkau ingin berjuang tapi tidak sepenuhnya menerima pimpinan  
Engkau ingin berjuang, masa tidak sanggup engkau luangkan

Engkau ingin berjuang, karenah isteri tidak kau tahan  
Engkau ingin berjuang, rumah tangga lintang pukang  
Engkau ingin berjuang, diri engkau tidak engkau tingkatkan  
Engkau ingin berjuang, disiplin diri engkau abaikan  
Engkau ingin berjuang, janji kurang engkau tunaikan  
Engkau ingin berjuang, kasih sayang engkau cuaikan  
Engkau ingin berjuang, tetamu engkau abaikan

Engkau ingin berjuang, anak isteri engkau lupakan

Engkau ingin berjuang, ilmu berjuang engkau tinggalkan  
Engkau ingin berjuang, kekasaran dan kekerasan engkau amalkan  
Engkau ingin berjuang, pandangan engkau tidak diselaraskan  
Engkau ingin berjuang, rasa bertuhan engkau abaikan  
Engkau ingin berjuang, iman dan taqwa engkau lupakan

Yang sebenarnya, apa yang engkau hendak perjuangkan...

Firman Allah:

Katakanlah: "Jika bapa-bapa, anak-anak, saudara-saudara, isteri-isteri, kaum keluargamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu khawatiri kerugiannya, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, adalah lebih kamu cintai daripada Allah dan Rasul-Nya dan (dari) berjihad di jalan-Nya, maka tunggulah sampai Allah mendatngkan keputusan-Nya." Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang fasik. (Surah At Taubah ayat 24)

sumber : nidzam...

By anakjatipilah on August 14, 2008 3:04 PM

Salam Tun yg dikasehi,

Wahai orang melayu, bangunlah dari tidur mu, pandanglah kiri kanan mu, apa yang akan terjadi kpd negara kita nanti apabila Anwar Ibrahim meneraju negara ini hah!!!

Kami tak sanggup Tun..tak sanggup..tak sanggup..

Hanya Tun yang ada untuk memberi semangat kpd kami...NO ANWAR..NO ANWAR..NO ANWAR

By penukulAuthor Profile Page on August 14, 2008 3:04 PM

assalamualaikum...

dear all,

nak cari pemimpin yg nasionalis sekarang susah. Yang ada pemimpin yg \$\$\$ utk diri sendiri. Ada yg cakap pandai berapi rapi tapi main belakang pulak. Mungkinkah zaman dah berubah, sistem pendidikan dulu diajar cintakan bangsa agama dan negara. Sekarang kebendaan banyak.

wassalam,

By farid on August 14, 2008 3:06 PM

Salam Tun,

Terima kasih di atas posting Tun yang saban hari muncul di dalam blog ini.

Kami rakyat Malaysia terlalu dahaga kan idea idea bernas Tun. Saya amat menyanjung tinggi cara pemikiran Tun.

Demokrasi acuan Tun, amat sesuai untuk rakyat Malaysia yang berbagai bangsa dan agama.

Negara kita pernah mendapat pemimpin agung iaitu semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka dan kita mendapat seorang lagi pemimpin agung selepas 500 tahun iaitu Yang Amat Berbahagia Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perlu kah kita menunggu 500 tahun lagi untuk mendapat pemimpin agung dan mencorak Malaysia ke hadapan seperti zaman Kesultanan Melayu Melaka dan semasa zaman Tun memerintah Malaysia??? Fikir fikirkan lah kita semua sebagai rakyat Malaysia. 500 tahun terlalu lama.....

Perlu kah kita menyokong pemimpin yang pro amerika?? Mengadu dan menceritakan kepada kerajaan Amerika Laknatullah segala pemasalah yang berlaku di dalam negara kita yang tercinta ini.





selesai. Saya selaku anakmu akan terus memberi sokongan kepada Tun dari belakang.

Hidup Tun...!!

By Noor Faiza on August 14, 2008 3:12 PM

Salam Tun,

Selain Datuk Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak yang begitu tinggi nilai nasionalisme, Tun sedikit pun tidak kurang semangat tersebut di dalam diri Tun malah begitu jelas kelihatan sejak dulu hingga kini.

Dan satu perkara yang membezakan Tun dengan pemimpin ulung yang lalu ialah Tun melepaskan jawatan semasa populariti Tun sangat memuncak iaitu pada tahun 2003 atas alasan beri peluang pada yang lain setelah 22 tahun.

Inilah sebenarnya yang kita perlu pastikan sebelum kita pilih pemimpin yang bakal mewakili kita.

Adakah kita sudah ketandusan calon?

Saya rasa belum. Cuma orang Melayu yang hilang arah.

UMNO bukan lagi parti orang Melayu. UMNO dah jadi kelab Eksklusif

Saya rasa orang Melayu yang buta politik atau tak kesah dengan politik harus mulai CELIK.

Zaman Abdullah orang Melayu rasa terancam. Pemimpin tak boleh dipercayai. Rasa tak selamat takut negara terjual.

Abdullah lemah. Mesti LETAK JAWATAN!!

By derek on August 14, 2008 3:12 PM

Dulu tidak ada sogokan sebab Tunku tak kaya raya macam Pak Lah and the family.

By lan\_gajahputih on August 14, 2008 3:13 PM

assalamualaikum Ybhg Tun.

Sepatutnya pemimpin sekarang ini mencontohi pemimpin terdahulu yang penuh dengan segala kepayahan membina dan membangun negara...

Nampaknya hala tuju negara kita kini semakin kabur. Pemimpin yang memimpin perlu menyelami keperluan yang rakyat tanggung kini.

By mantoba on August 14, 2008 3:13 PM

Salam Tun yang dikasehi.

Pemimpin sekarang ni mana ada semangat macam zaman dulu.

Sekarang politik cari makan.

Semua berebut2 nak masuk politik. Nak jadi ketua. Ketua cawangan pun jadi, asal boleh dapat projek.

Lagi besar pangkat dalam parti besar lah projek. Itu lah matlamat orang sekarang yang konon nya berjuang untuk rakyat dan negara.

Apa yang jelas sekarang tak ada sesiapa yang ada dalam Umno tu yang benar2 ikhlas dalam perjuangan parti yang sebenarnya.

Semua pengecut.....pabila ada persoalan hak Melayu disentuh, tak siapa yang ke hadapan bersuara.

Rakyat umum pulak yang susah payah menentang dan berdemokrasi.

Apa kah ini di gelar pemimpin.....

Mana ada demokrasi dalam UMNO sekarang. Semua ikut telunjuk...kena paksa adalah supaya ikut arahan2 yang telah diatur.

Ya lah .....Dulu lain...zaman dah berubah.....dunia dah moden.....

TUN, teruskan lah memberi info kepada generasi muda sekarang supaya

mereka2 ini dapat menjadi pemimpin yang lebih baik buat masa depan.  
By toktengah on August 14, 2008 3:14 PM

Assalamualaikum Tun...

Saya berasa amat sedih apabila membaca kenyataan Tun yang akan meninggalakan negara ini jika DSAI jadi PM Lebih lebih lagi bila saya baca artikel dalam forum NST hari ni 14.08.08 yang menyamakan Tun dengan mantan PM Thailand Taksin.

Harap Tun dapat memberi penjelasan kenapa rakyat tidak harus memilih DSAI tanpa mengguna isu liwat..

Sekian Tun semoga Tun sihat walafiat dan terus menerus blogging....

Wassallam

By Ironman on August 14, 2008 3:16 PM

Salam Tun

Mereka tu manalah tak paham makna demokrasi ? mereka tu bukan bodoh sangat tapi buat bodoh saja.....yang mereka sekarang cuma tahu "korek" wang rakyat je. lepas tu negara hancur, rakyat derita, mereka gembira. Malas nak cerita lah.

Penyokong Setia Tun

Ironman

By cucuajiakil on August 14, 2008 3:20 PM

Alas, the colourful and proud history of UMNO as the champion of Malay rights and religion has been marred and tainted by gross incompetencies, mediocrity and personal greed of its current leadership as well as members who are guided more by the narrow principle of 'what's-in-it-for-me'.

By mambu on August 14, 2008 3:24 PM

Assalammualaikum Tun...

pasal apa fakta ni semua xdak dalam pendidikan sejarah disekolah.

yg Tun cerita ni lebih detail. stp warga Malaysia yg cintakan tanahair patut tau pasal sejarah negara kita. tp mesti fakta yg tepat bukan auta..

By leviathan80 on August 14, 2008 3:33 PM

Pemerintah yang baik lebih utama dari sistem pemerintah yang baik kerana pemerintah yang baik boleh memperbaiki sistem pemerintahan yang tidak baik sekalipun manakala pemerintah yang tidak baik boleh merosakkan sistem pemerintahan yang baik sekalipun.

By fallendogAuthor Profile Page on August 14, 2008 3:38 PM

How far we have come. From Onn Jaafar to Pak Lah. Gone are the days of our leaders with integrity. The pure blood of a leader that ran in the veins Onn Jaafar and Hussien Onn is basically non-existent in Hishammudin. Keris wielding moron.

The only thing our current leaders are good for is bribery and inciting racial tension so the rakyat fight each other rather than fight them.

So go ahead and call for the 2nd 13th may or for non bumis to get the hell out. But dont ask Pak Lah to leave bcos your actions are exactly what he is WANTS you to do.

By ruzzimAuthor Profile Page on August 14, 2008 3:40 PM

Salam TUN,

Para penggundi Permatang Pauh berada di ambang persimpangan.Undi BN mengiyakan pimpinan Pak

Lah yang lemah dan korup, undi Anwar, seperti merelakan nasib Melayu digadaikan.

Mana satu yg yang patut mereka undi? Mungkin perlu pihak ketiga yang betul2 memperjuangkan nasib Melayu dan Islam diperlukan. Tapi siapakah mereka itu? Mungkin YAB Tun dengan petunjuk dari Allah ada jawapannya.

Aminnnnn

By pinguinku on August 14, 2008 3:42 PM

Salam Tun,

Malaysia berada di dalam era kejatuhan dibawah pemimpin pak lah. Kami akan menjadi askar dan perisai Tun sekiranya Tun ingin menggulingkan PM kejam itu.

By anakkedah on August 14, 2008 3:44 PM

Salam YBhg Tun,

Wow! Tun sememangnya mengetahui dan memahami sejarah perjuangan bangsa Melayu dan penubuhan UMNO sendiri. Kerana itulah Tun begitu berhati-hati mentadbir Malaysia kerana demokrasi boleh membawa kemusnahan jika gagal ditangani dengan bijak dan berhemah. Saya akan bukukan semua penulisan Tun dalam blog ini kerana ia begitu bernilai seperti mana jasa Tun terhadap negara ini. Terima kasih.

By Fadzil 's idol "DrM" on August 14, 2008 3:48 PM

Thanks Tun,

Your comment is superb. We the youngsters, learnt the story and struggle of past leaders including you YBhg Tun, to built Malaysia, True what you said "Melayu Mudah Lupa", "Bumiputra Mudah Lupa", "Pak Lah Sudah Lupa" dan Anwar Sengaja Lupa dan Penderhaka".

You are the best leader for whole century.. We missed your leadership. We missed ur advises on TVs. May Allah bless you.

Fadzil

Sarawak.

By RMANAuthor Profile Page on August 14, 2008 3:50 PM

Tun, saya rasa kalau suruh paklah menyingkap sejarah lama Umno tentu dia akan terlena... mesti gagap punya...

Dengan ini saya nak minta izin TUN, untuk mencetak blog Tun, terutama tulisan Tun berkaitan dengan sejarah politik tanah melayu untuk di sampai kan kepada bapa saya yang merupakan ketua cawangan dan kepada semua pemuda kampung saya agar tahu dan mengerti apa erti sebenar perjuangan politik..

Malu saya nak bercerita pada anak cucu saya kelak yang dulu bangsa melayu gah, mempunyai tokoh dan perdana menteri yang terbilang dan cuma dapat bertahan hanya selama 50 tahun sahaja iaitu seramai 4 orang.. selapas tu semuanya hancur kerana seorang yang mengelarkannya hulubalang melayu....

By truthseeker on August 14, 2008 3:50 PM

Salam kepada YAB Tun dan rakan2 bloggers,

1. Istilah demokrasi sangatlah powerful, tetapi maksudnya adalah berbeza2 mengikut tafsiran. Saya tidak percaya istilah ini kerana kita boleh manipulate keadaan dengan menggunakan istilah ini. Yahudi akhirnya mendapat ruang dan peluang memasuki dunia bisnes di AS dan masuk IPT ternama di sana atas nama demokrasi...AS bom Nagasaki dengan bom atom, bom Afghanistan,

bom Iraq atas nama demokrasi...WTO main harga, pasaran, atas nama demokrasi...negara2 yang menentang AS dikenakan sekatan ekonomi sehinggakan ramai kanak2 mati sebab tidak cukup makanan dan ubat-ubatan, pun atas nama demokrasi...

2. Selalunya tafsiran demokrasi akan memihak kepada yang ada kuasa, pengaruh. Tetapi pemimpin2 dahulu walaupun mempunyai kuasa, mengaplikasikan maksud demokrasi untuk kebaikan yang ramai. Mereka adalah gentlemen; Dato Onn meletak jawatan setelah majoriti tidak menerima usulnya, Tunku melepaskan jawatan setelah mendapati sokongan kepadanya menurun. Tun juga mengamalkan demokrasi, walaupun masih mempunyai kuasa dan tidak tergugat, namun sebagai gentleman yang memahami proses demokrasi, Tun dengan sukarela turun supaya proses demokrasi terus hidup.

3. Tetapi pada hari ini, Dollah menggunakan demokrasi untuk mengekalkan jawatan...langsung tidak pedulikan rakyat yang tidak mahu dia lagi. Sayang, ingatkan bekas pegawai PTD ada disiplin, beretika, bermaruah, tapi tidak ada langsung.

4. Apabila kita sendiri tidak menggunakan hak kita untuk mendapat pemimpin lebih baik, hak mendapat pembelaan, hak hidup aman damai, hak mendapat sesuap nasi, hak mendapat perlindungan dan lain-lain, maka jangan marah apabila Dollah dan mangkuk2nya menindas kita, mempergunakan kita untuk kepentingan diri!

5. Ayuh rakan2 semua, mari kita guna cara demokrasi untuk jatuhkan Dollah dan mangkuk2nya. Satu cara melalui PRU13, tetapi lama lagi, maka yang paling hampir adalah mesyuarat di peringkat cawangan, bahagian, dan kita gunakan hak kita seperti Dato Mazlan Harun yang membuat laporan polis. Apa kata kita satu negara gunakan surat terbuka Dato Zahar sebagai asas untuk membuat laporan polis? Bawa reporter atau saksi bila membuat laporan. Sapa2 yang ada surat Dato Zahar, tolong sertakan dalam blog ini, termasuklah contoh laporan Dato Mazlan.  
**GUNAKANLAH HAK KITA !**

Tun dan rakan2 bloggers, anak2 saya mempunyai harga diri tinggi, berprinsip dan tegas kerana saya menjadi model kepada mereka. Masa depan anak2 masih panjang, saya mohon kepada rakan2 (Tun sudah menjadi sifu orang yang berprinsip dan semua yang baik)supaya menjadi model kepada mereka, model orang yang menggunakan hak demokrasi seperti orang beriman, kerana kita percaya adanya tuhan. Wasallam.

By telagiAuthor Profile Page on August 14, 2008 3:51 PM

Yaa..Melayu mulai gelisah.Gelisah segala galanya.Mungkinkah retak menanti belah? UMNO.sayang sayang si buah kepayang,ditelan pahit,dibuang sayang.

[Http://telagi.blogspot.com](http://telagi.blogspot.com)

By kaychin on August 14, 2008 3:51 PM

Terima kasih Tun, atas pengajaran yang berharga ini.

Saya tidak dapat belajar ini dalam kelas sejarah saya, kenapa??  
By Zahar on August 14, 2008 3:58 PM

salam Tun,

Terima kasih kerana telah sudi menulis cebisan sejarah penubuhan negara yang tercinta ini dan kaedah2 demokrasi kita dengan bahasa yang bukan sahaja mudah difahami tetapi padat.

Saya akan menggunakan apa yang Tun tulis ini sebagai sumber untuk mengajar mulai dari anak2 saya sendiri dan kepada mereka yang masih belum faham.  
By dospenang on August 14, 2008 3:58 PM

SALAM,

DEMOKRASI adalah SUARA RAKYAT,

MAKKAL SAKHTI bukan SUARA RAKYAT,

HADHARI juga bukan SUARA RAKYAT,

'ISLAM ADALAH SUARA SEMUA UMAT'

APA-APA PUN TERUSKAN MENGUNDI MENDESAK PAK LAH SUPAYA MELETAK JAWATAN:

<http://www.PetitionOnline.com/PakLah/>

VOTE SEGERA DEMI MALAYSIA!!!!!!!!!!!!!!

WASALAM

By nanatanjung on August 14, 2008 3:59 PM

Assalamualaikum...Che-Det & All

Terima Kasih TUN...

Kami amat merinduimu.....

Hadirmu umpama sinar bg kami....

By AZIF on August 14, 2008 4:00 PM

Tun,

AAB is complacent and useless.AAB selfishness thinking of himself as compared to the Party is destroying UMNO.We now blame the MT UMNO for siding AAB and giving AAB the false impression that AAB is still needed and is capable.The whole MT UMNO does not admit their mistake and has no formula to wins the hearts & Minds of the Rakyat.

AAB with the false impression given, thinking of his cpabilities, in actual facts is destroying UMNO & BN slowly but surely.A malay proverb use always is "Jika tak bolih lagi makan, berhenti makan".AAB is not wise and has no wisdom.AAB has no direction and unfortunately MT UMNO has failed to address and advise AAB. MT UMNO together with AAB till date has not at all seek guidance from Tun, whom is wise and has proven to resloved political issues amicably for the good of our Country. MT UMNO , AAB is not only proud but is also stupid.Another malay proverb from my late grand father "Malas, & Degil tiada ubatnya" .AAB is not only lazy, but stubborn so there is no medicine but to overpower him and remove him for the good of UMNO & BN.Salam Tun Semoga perjuangan dan teladan yang di lakukan oleh pucuk pemimpin kita terdahulu dapat di selamatkan kembali hendak nya. Amin  
By Mannor on August 14, 2008 4:04 PM

Y Bhg Tun,

Kenapa Tun ulas peralihan kuasa melalui proses demokrasi dalam UMNO sampai Tun Abd. Razak sahaja.....harap Tun teruskan dengan peralihan kepada Tun Hussein seterusnya kepada Tun dan dari Tun kepada Pak Lah...jadi kita boleh lihat dimana demokrasi didalam UMNO mula tidak berfungsi sebagaimana yang diajar oleh Dato' Onn, Tunku dan Tun Razak....saya harap Tun ikhlaslah didalam mengulas apa-apa isupun jangan sekerat-sekerat.....

By emville on August 14, 2008 4:08 PM

Betapa susahnya org kita dulu2 memperjuangkan bangsa dan negara. Mereka ini sanggup buat apa saja utk pastikan negara dan bangsa menjadi maju dan bersatu padu.

Bila sudah senang, semua seakan2 lupa pasal sejarah. Sanggup menerima/memberi sogokan hanya utk pastikan sipolan2 naik. MB Selangor sanggup gadaikan bangsa sendiri hanya utk menjadi jaguh dlm partinya.

Jgn sampai bangsa dan negara tergadai sebab bila Melayu dah jatuh, sukar utk kembalikan kuasa itu balik ketangan org2 Melayu.

By warisan melayu on August 14, 2008 4:08 PM

Salam Tun...

Sy menyokong penuh mengenai artikel kali ini.

Kepada fans dan bloggers sekalian, yg menghancurkan demokrasi di dalam UMNO adalah Anwar Ibrahim dikala menjadi orang no. 3 UMNO. Anwar Ibrahim lah yg mengubah dan menghancurkan demokrasi di dalam UMNO sewaktu pemilihan UMNO untuk jawatan timbalan presiden (sewaktu itu disandang oleh Tun Ghafar Baba). Dan, kesinambungan inilah telah disambungkan ke hari ini oleh pak lah...

Sedarlah wahai pak lah, kami memohon serta meminta jasa baik pak lah untuk melepaskan jawatan PM. Tolonglah fikirkan demi bangsa Melayu, agama Islam dan negara Malaysia, tolong lah selamatkan semuanya sebelum ianya menjadi abu. Jangan biarkan anak cucu kita nanti kencing di atas kuburan kita kerana nasib yg agama, bangsa dan negara sudah dinodai dan tergadai...

\*Tun, mohon Tun komen sikit ttg isu Uitm ini. Dan, kerana Tun la itm mendapat status UNIVERSITI. Terima kasih Tun! Sy merupakan bekas pelajar Uitm, akan sy pertahankan demi BANGSA, AGAMA dan NEGARA!

By Gembala on August 14, 2008 4:08 PM

Assalamualaikum Tun, sebagai rakyat biasa saya seboleh-bolehnya tidak mahu ambil kisah pasal politik negara. Ini berlaku di era negara sudah merdeka dan mengecapi keamanan. Dan inilah tanda terima kasih kami sebagai rakyat. Tetapi bilamana politik yang telah diamanahkan kepada pemimpin digunakan untuk menyusahkan hidup rakyat biasa seperti saya, maka mahu tak mahu rakyat biasa seperti saya kena bangkit untuk memberitahu kepada pemimpin yang bengap supaya ambil kisah pasal kebajikan rakyat. Dan bila rakyat zaman sekarang bangkit maka kebangkitannya sama dengan kebangkitan pejuang-pejuang zaman dahulu memperjuangkan kemerdekaan. Cuma kemerdekaan dari sudut yang berbeza.

By Noor Faiza on August 14, 2008 4:09 PM

Salam Tun dan pembaca,

Apa perkara menyedihkan yang berlaku tahun 1951?

Saya masih belum jelas.

Tq  
By chesomAuthor Profile Page on August 14, 2008 4:10 PM

Assalamualaikum TUN

TUN masuk balik UMNO, kasi cuci balik UMNO dengan clorok. biar putih dan berseri balik.

love u always TUN.

chesom  
By emma49 on August 14, 2008 4:12 PM

SAYA CADANGKAN PENGUNDI PERMATANG PAUH ... undila BN.. then kite fight tumbangkan AAB kat GE UMNO.. sume chedet.com berhimpun di pwtc tok AAB digulingkann... AAB VS PEOPLE POWER...

kalo teruk sngt demostrasi kat pwtc nanti... maybe GE UMNO kena postponed... bile kena postpone mmg sngtla teruk image AAB sbb rakyat wat demo soh letak jawatan...??? KAH KAH KAH

so mane2 ahli umno yg BOBROK jer berani undi AAB....

OK TAK MY ACTION PLAN...???

all CHEDET.COM ... sile response???. takpon tun sendiri yg respon...

...NEVER SAY DIE...  
By Timur Waja on August 14, 2008 4:12 PM

Dear all

Its not only Tun - i believe there will also be a lot of ppl plan to leave the country if the worse case scenario that 'someone' becomes PM...this means if the country is willing to accept someone like him, its best to live in other countries..

I believe in democracy - and majority rule though sometimes the silent majority need to speak up...  
By Roslee on August 14, 2008 4:12 PM

Askm Tun,

Pendapat saya;

Demokrasi di negara kita perlu difahami sebenar-benarnya. Bagi saya, tidak bermakna apabila menganggap demokrasi sebagai satu kebebasan maka, semua rakyat dalam negara kita bebas bertindak apa sahaja. Sekiranya ada pihak yang cuba menghuru harakan kestabilan negara melalui cara mengeluarkan kenyataan atau pendapat yang berbahaya kepada keselamatan negara, maka kerajaan perlu mengawal dan menegah. Demokrasi yang perlu diamalkan di negara ndaklah demokrasi yang dipimpin ke arah mewujudkan kestabilan negara. Negara kita ni adalah negara yang begitu sensitif. Sedikit kesilapan dalam memimpin rakyat yang berbilang kaum, sudah tentu kekacauan akan mudah tercetus. Negara kita ini lahir daripada sejarah. sejarah itu pula dibentuk oleh prsefahaman antara kaum. Maka mengapa harus kita mempersoalkan perkara yang sudah kita persetujui. Ini adalah asa yang perlu dijadikan sebagai satu ideologi permuafakatan kaum di negara kita.

Biarlah demokrasi itu hanya terbatas dari segi proses memilih kerajaan sahaja dan jangan dijadikan alasan untuk mengeluarkan pemikiran-pemikiran yang mencetuskan kehancuran kepada negara Malaysia.

Roslee Mardan

By senjakalaAuthor Profile Page on August 14, 2008 4:16 PM

YAB Tun dan Keluarga

Assalamua'alaikum,

Banyak telah diperkatakan tentang Majlis Peguam dan juga kumpulan2 yang membantah dan isu yang menjadi persoalan. Mungkin apa yang terbit dalam fikiran saya juga telah diperkatakan "and it just become a repeatition".

Tapi kita harus faham bahawa apa yang diperkatakan walau pun berlainan gaya, susunan bahasa dan perbezaan ayat maksudnya lebih kurang sama.

Apa akan jadi pada orang melayu yang beragama islam tetapi bukan orang melayu beragama islam yang munafik (kamus dewan : berpura pura percaya pada agama dll sebenarnya tidak, bermuka dua). Orang yang bersifat demikian yang merosakan negara, bangsa dan agama dan Allah SWT melaknatkan orang yang begini dan ketua adalah Abdullah Bin Ubai semasa Rasulullah SAW memerintah di Madinah. Semasa saya menulis ini saya hanya ingat pada empat orang yang dilaknat oleh Allah SWT 1. Abdullah Bin Ubai, 2. Firaun, 3. Qoroon dan 4. Abu Jahal.

Renungkanlah watak2 mereka adakah watak2 yang mirip mereka ini terdapat dikalangan orang2 Islam diMalaysia ini. Sebagai bekas PM

saya rasa Tun mungkin mengetahui berapa banyak orang melayu yang murtad sehingga saya terdengar diPetaling Jaya sudah ada gereja untuk orang melayu, dan wanita2 yang memang muka melayu, fasih bercakap bahasa melayu diSubang Jaya mengakui mereka christian dan tidak tahu dimana masjid.

Semua ini berlaku atas sebab kecuaiannya siapa? Ada penasihat Agama terima ratusan ribu elaun hanya tahu mengia saja. Ada pemimpin yang berlatar belakangkan agama dan lulusan agama dan tak boleh praktikan. Seperkara lagi yang saya lihat tidak berapa berkesan ceramah2 Agama disurau dan masjid termasuk Ceramah Perdana semua pada saya telah tersasar. Bagi saya pihak berwajib patut tumpu pada sasaran seperti Mat Rempit, bohsia, kutu lepak dan sebagainya.

The "approach" itu yang mustahak. Jangan macam satu blogger ternampak dua murid sekolah berduaan berpegang tangan terus maki hamun itu tidak akan berkesan, mereka akan lebih menjauhkan diri lagi terutama "syndrome liberation" telah meresap dalam sanubari mereka.

Apa yang kita patut lakukan sekarang, kumpulkan think tank Islam diMalaysia ini mencari satu kaedah, 1. menyedarkan balik semua umat islam akan ajaran islam sebenar, 2. Menjinakan semula anak2 muda yang

terlanjur, 3. Hakis pemikiran yang terpesong dan 4. Bagaimana keimanan

ini boleh berjaya dan diterima "universally". Jangan sekali2 lupa Agama Islam bukan kepunyaan melayu atau orang arab ia diturun oleh

Allah SWT untuk semua manusia sejagat. DiMalaysia kenapa Islam dilibat sekali sebab tanggapan Islam itu Melayu dan Melayu itu Islam. Bila melayu lemah dianggap Islam itu lemah. Itu persepsi yang sangat2 salah.

Malaysia sebuah negara yang mempunyai berbilang kaum, itu adalah hakikat. Seperti orang melayu, kaum lain pun ingin 'sense of belonging' dan kita tidak dapat menafikan mereka juga menyumbang kepada pembangunan negara jadi bagaimana untuk mengaman semua ini tugas khalifahlah, rakyat cetuskan idea dan pemimpin menyemak bukan nak ikut kepala dia saya. "Two heads is better than one". Tun adakah terpelajar bererti "intelligent". Walau pun tak ada scroll tak semesti sesorang itu bodoh. Jauh berjalan luas pemandangan.

Sekarang rakyat Malaysia asyik bercakaran Wawasan 2020 akan jadi impian sahaja. Ingatlah Allah SWT menghukum secara "collective"



Renungkanlah semua. Hidup ini mesti datangnya dengan maruah, batasan toleransi dan keimanan. Siapa salah siapa benar fikirkanlah.

Wassalam

By selva on August 14, 2008 4:17 PM

Greetings Tun,

i have always been a fan and follower. interestingly during Tun's premiership term which coincided with that of Thatcher i used to debate on your leadership style with my fellow legal undergraduates who were all british schooled. our debates used to continue into the late nights when they were down for their vacations. i now feel absolutely vindicated with my view that both Tun and Lee (singapore's prime minister then) were necessary for the progress of the respective nations.

one thought crosses my mind when i observe the happenings in this country, i hope that you will be cloned for our future generation.

Tun, i have 2 young children and hope that i can have them meet Tun someday so that they can tell their kids that Tun walked this earth during their lifetime.

Sir, please take care and keep well for God does not make people like you everyday.

regards

selva

By malan3395 on August 14, 2008 4:19 PM

Dear all.,,

Sy bangga krna ada rumah 2. Keta 3. Ini sume psl sy ampu org atas kasi kipas skit. Klau tk wat mcm ni mn bleh sy hdup snang mcm skrg. Jk kta ssah ada ke phak yg snggup bntu kta. Dlu sy ssah gak mcm rancangan bersamamu tu tp berkat knal org atas dtambah dgn kpas skit trus ok. Nk sruh sy pejuangkn nsib kaum Melayu peh tk mau la sy biarlah sy trus dgn kemewahan sya ni jnji bla balik rya nanti org kmpung tgok sy bergaya...tima kasih PLah krna jd PM yg pemurah.

P/S = Skrg sume org UMNO mcm ni la.

Untuk Melayu Nak Ongkos

By acomAuthor Profile Page on August 14, 2008 4:20 PM

Permisi Tun,

Demokrasi ada ditangan kita, untuk memperjuangkan hak majority, majority adalah bangsa melayu.

Demokrasi ini yang boleh kita gunakan untuk kesejahteraan hidup kita.

Kenapa kita sekarang mesti kalut ,cemas macam lah tsunami akan melanda pada esok hari.

Tsunami politik telah berlaku pada PRU12 dan mungkin kesan boleh dirasai lagi di permatang Pauh.

Terpulang lah pada kamu sekalian un tuk memastikan akan ketentuan yang elok untuk semua atau sekadar untuk melihat apa kan jadi dan cuba mengexperimen parti bukan umno atau bn memerintah negeri atau negara ini,

Mungkin rakyat sudah jemu dengan sandiwara bn ,sekarang nak cuba dan bagi peluang orang lain berkuasa.

By matahari on August 14, 2008 4:20 PM

Tak pernah jemu membaca artikel Tun malah kadang2 dah jadi ketagih. Kalau tak baca rasa macam tak selesa. Bagitu hebat penangan Tun sampai bila-bila. Apa yang Tun maklumkan pasal demokrasi hari ni, sedih rasanya, ikhlasnya pemimpin terdahulu. Alangkah amannya Malaysia jika amalan dulu diteruskan dan berterusan tapi apakah yang perlu kita lakukan supaya apa yang berlaku hari ini dan apa yang akan

berlaku akan datang supaya memandang semula amalan pemimpin masa lalu. Tun, apa yang perlu kami lakukan...

Yang pasti, kami semua terlalu dahagakan kepimpinan seperti Tun, bilakah kami akan menemuinya dan siapa dan bagaimana untuk mencarinya dalam keadaan sekarang seperti yang berlaku dalam point 7,8 dan 9, artikel Tun di atas...

By anakmalaysia on August 14, 2008 4:24 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun

Besar maknanya disebalik rencana ini. Harap semua pemimpin dapat memahami dan menghayati apa yang tersirat. Orang yang patut turun dari takhtanya sepatutnya turunlah dan beri laluan kepada yang sepatutnya. Janganlah mengharu-birukan lagi keadaan.

Rakyat Malaysia telah nampak betapa lemahnya pemerintahan sekarang sehingga ketuanan orang Melayu acap kali dipersendakan. Sebelum perkara yang lebih buruk berlaku, berundurilah dengan secara terhormat. Hayatilah rencana Ayahanda Tun ini.

Semoga Ayahanda Tun dan keluarga diberkati dan dirahmati Allah. A..min..... Teruskan perjuangan yang belum selesai.

By frenchyAuthor Profile Page on August 14, 2008 4:27 PM

situasi sekarang...

Melayu makin berpecah hanya kerana politik. Bangsa lain semakin berani bersuara dengan lantang dek kerana kerajaan kita tidak kuat. Demokrasi... hak asasi manusia... hak sama rata skang dah jadi perbuahan harian. Hak org Melayu semua dah mula di pertikaikan!

TUN,

Boleh tak beritahu saya apa yg boleh kita lakukan agar Melayu bersatu kembali... saya tahu perkataan 'MELAYU' tu sendiri menggambarkan satu makna yang lemah. Bila kita lemah semua orang dah tahu kita boleh di binasakan dengan mudah.

Bagaimana kita nak beritahu semua orang Melayu bahawa walaupun masalah kita perlu fikirkan

1. Agama
2. Bangsa
- 3.... baru la negara!

Saya amat menyangi parti tapi bukan ketua parti... parti saya hancur dan kotor kerana ketua parti. Tapi... apa perlu saya lakukan? Saya rasa tindakan keluar parti/tubuh parti baru cuma mengeruhkan situasi perpaduan Melayu. Dalam hal sekarang dan masalah sekarang... apa perlu kami lakukan?

TUN

Bantu la negara yang saya cintai ini... berila kami cadangan dan cara yang boleh kita lakukan agar kita dapat hidup seperti biasa sebelum terlambat.

TUN

Mungkin semua dah tahu sempadan dan perairan negara pun dah mula ramai yang mula kacau sebab kerajaan kita lemah... ini peluang terbaik untuk mereka bertindak!

TUN

Bolehkah anak saya atau cucu saya hidup aman lagi jika tiada seorang pun antara kita bertindak untuk membetulkan/menyedarkan kerajaan kita yang mereka ni dah tak betul!

TUN

bantulah kami...

By rosea on August 14, 2008 4:30 PM

Salam TUN,

Pemimpin2 sekarang perlu di sekolahkan semula untuk mengenali & menghayati semula prinsip-prinsip demokrasi... (Melayu mudah lupa).

kalau tak mahu jugak, cantas saja sebelum merebak jadi kanser.. kerana dasar perjuangan mereka yg telah tersasar.

Saya yakin masih ramai di kalangan org melayu yang berbakat, berkarisma, berilmu (dunia & akhirat) serta ikhlas berjuang demi bangsa, agama dan negara yang sepatutnya layak menjadi pemimpin tapi tidak diberi peluang disebabkan sistem konco-konco ni..

Kita mampu mengubahnya ! (jika kita semua bersatu hati dan bersuara menentang segala kelemahan dan kepincangan ini)..

Syabas Tun, teruskan menulis kerana ia menjadi inspirasi dan rangsangan dalam menyedarkan orang melayu tentang apa yg mereka sedang dan bakal hadapi..

PERJUANGAN BELUM SELESAI.

By heicalmy on August 14, 2008 4:30 PM

Di Malaysia tidak sesuai Demokrasi 100 % .Yg.sesuai Demokrasi + diktator yg.baik Kerana kita berbilang bangsa dan Islam sebagai Agama Rasmi.

By wise on August 14, 2008 4:35 PM

People,

Let me tell a story

There is a family of 10 children. 1 child wants to say something he is not happy about regarding his position in family or some matter that makes him unhappy. Because family is 'democratic' and most of the family of 10 plus 2 parents feel the complainant child may be voicing something hurtful to most members of the family, he is asked to keep quiet and live with his dissatisfaction.

Gentlemen, do you run your family like that?

Sensitive issues can be handled by mature people if done properly.

What a lot of Malaysians and the government are suggesting i.e. sensitive issues must not be discussed in forum is tantamount to robbing 'the child in story above' of his God given right to speak his opinion (even if God himself disagrees with the opinion).

Now, Tun says in a democracy individuals must defer to majority's wish.

That is only true for things other than basic human rights. There are rights that a majority cannot vote away and that is why Malaysia is a signatory to the UN Human Rights Charter. If a roomful of white people "democratically" vote that a black man in their midst must be hanged just for his color, should it be done?

If something so basic is still not clear to any reader, let me suggest an experiment to you who are God fearing people.

Just utter the phrase 'There is no God'-You will see God allows you to do it without striking you dead immediately!

This proves you have GOD given right to speak- even to speak a Lie!

Of course, you cannot force listeners to believe you.  
By Pintar 7071 on August 14, 2008 4:37 PM

Tun Ayahanda,

Terima kasih sekali lagi mengenengahkan isu fakta yang mana telah tersirat dalam lipatan sejarah yang tidak diketahui oleh ramai orang meskipun bergelar rakyat Malaysia. Saya selalu bercerita dengan rakan-rakan saya berkenaan demokrasi, kesamarataan dan kebebasan bersuara. Pada dulunya saya sangat kuat mempertikaikan keadaan di negara kita yang kononnya atas pengaruh dari luar saya percaya kita tidak demokrasi dan bebas.

Akhirnya selepas Iraq jatuh, saya telah membuat kajian mendalam dan mula menyedari bahawa demokrasi dan kesamarataan tidak akan mendatangkan apa-apa faedah mahupun pada yang mendapat kelebihan ataupun yang sebaliknya. Apa makna demokrasi jika tiada keamanan? Apa makna demokrasi jika setiap hari orang yang kita cinta mati? Apa makna demokrasi jika pemimpin kita boleh dihakimi dan digantung oleh negara lain? Apa makna demokrasi jika pemimpin tidak berupaya lagi mempertahankan rakyat yang dipimpinnya?

Percayalah semua pembaca, samada Melayu, Cina, India dan Peribumi Sabah dan Sarawak, jika rakyat Iraq diajukan dengan soalan samada mereka sanggup berada dibawah pemerintahan Saddam pada ketika ini, saya yakin majoriti jawapannya sudah pasti Ya. Malangnya segala yang sudah musnah tidak mungkin akan dapat dipulihkan kembali. Nasi sudah menjadi bubur.

Demokrasi ada had dan batasnya. Keterbukaan biarlah bertempat. Jika semua ini bakal mengundang kehancuran, ianya tidak akan membawa keuntungan kepada sesiapa pun. Pada masa itu Ahli Politik, Peguam, Peniaga, Rakyat dan sesiapa saja akan sedar bahawa demokrasi dan kesamarataan yang mereka perjuangkan akhirnya membawa kehancuran pada mereka sendiri.

Biarlah kita dengan cara demokrasi kita yang mana telah terbukti setakat ini mewujudkan keamaan hidup dikalangan semua bangsa yang berbilang kaum di negara kita ini. DEB, UITM, MRSM, Biasiswa untuk orang Melayu tidak perlulah hendak dibesar-besarkan. Kekayaan yang diterima oleh rakan-rakan bangsa lain cukup untuk membolehkan anda semua mewujudkan lebih dari UITM dan MRSM.

Marilah kita sama-sama hidup aman dan makmur dalam satu negara yang mengamalkan demokrasi dan memberi peluang kepada semua rakyat untuk maju dan berjaya. Akhir kata pendekatan yang "Adil" tidak bermakna semuanya mesti dibahagikan "Sama Rata" kerana kesama rataan itu akan membawa kemusnahan kepada keadilan dan akhirnya keadilan tidak akan dapat dikecapi oleh sesiapa pun.. fikirkanlah..

Semoga Tun Ayahanda dipanjangkan umur.  
By masterpiece on August 14, 2008 4:46 PM

salam Tun...

kami sokong demokrasi dan raja berpelembagaan  
yang kami tak sokong adalah DSAAB

kembalikan kegemilangan suara rakyat dalam demokrasi biar pemimpin sedar dan tahu kuasa sebenar rakyat

By MamatOversea on August 14, 2008 4:47 PM

Assalamuailakum Tun..

Mana ada demokrasi dalam UMNO sekarang..Walaupun pertandingan dibenarkan tapi masih cakap-cakap tidak perlu bertanding dgn alasan untuk mengukuh perpaduan melayu, kebaikan parti dan macam-macam lah.

Kerana takut ditolak atau dicabar oleh ahli-ahli UMNO , terus memberi janji laluan penyerahan kuasa

dibuat pada tempoh yang akan datang, bagi sedap dengar cerita sahaja dan masih samar-samar, suka tapi tak suka.

Demokrasi UMNO sekarang mmg senang diamalkan, jolok wang, kain pelikat, buat kenduri, buat parti , masuk karoake,bawa lawatan sana sini, kutuk lawan dan macam-macam lah..

Kenapa perlu sogok .. ini semua kerana kepentingan diri sendiri kerana masuk UMNO boleh dapat projek and boleh buat duit berjuta-juta.

Kesian anak-anak,cucu-cucu, cuit-cuit nanti bila UMNO tidak lagi relevan untuk orang Melayu....

Sekarang hanya boleh beri pesanan kepada anak-anak, berhati-hati masa depan mereka dan negara.

MOyang..UMNO, Datuk ..UMNO, Bapa..UMNO, Anak..UMNO, Cucu..Bukan UMNO  
kesian UMNO  
By hazard72 on August 14, 2008 4:48 PM

Assalamualaikum Tun

Atas nama Demokrasi - Majlis Peguam begitu lantang menyuarakan pendapat mereka.

Atas nama Demokrasi - Hindraf telah mula menunjukkan taring mereka

Atas nama Demokrasi - NGO2 mengambil kesempatan dalam kekalutan senario politik tanahair

Dan atas nama demokrasi juga mungkin satu hari nanti Melayu hanya menumpang dibumi sendiri. Dengan pemimpin yang lemah, tidak mustahil peluang keemasan ini tidak akan dilepaskan oleh perosak dan parasit anti melayu untuk memporak perandakan negara ini. Jangan sampai nasi sudah menjadi bubur barulah tindakan diambil.

By ajmAuthor Profile Page on August 14, 2008 4:48 PM

Salam TUN,

Orang2 UMNO masih ingat bahawa UMNO masih ada harapan lagi. Bagi mereka perubahan tak perlu kerana bagi mereka orang melayu 'fence sitter ' tiada pilihan melainkan UMNO.

Kalau kami undi Pas atau PKR UMNO rugi, kalau kami tak pergi undi UMNO rugi.

Kami tak mahu undi Pas atau PKR, kami juga tak mahu undi UMNO PAKLAH.

Sekarang UMNO boleh sombong lagi tapi pihanraya ke13 nanti baru tahu UMNO boleh wujud lagi atau tidak.

UMNO dah serupa org kata 'Rumah kata pergi,kubur kata mari'

p/s Baru jadi MB selangor dah nak jual org Melayu, kalau dah pegang Malaysia bangsa pun dah tak mengaku. Khalid jadi Carl, org malaysia katakan.

Perjalanan jauh berliku2.Sampai sudah masa utk berjuang.

Sejahtera buat TUN & keluarga serta semua bloggers Chedet.  
By imsaQ on August 14, 2008 4:51 PM

Dear Tun Dr M

I last read you were opening a bakery of yours in Singapore. Is that plan still on ? Are you looking for local partners ?

Hear from you soon.

Thank You.

Warmest Regards

Sha

By kamal ahmad on August 14, 2008 4:53 PM

Salam Ayahanda Tun. Dalam keadaan sepertimana yang sedang berlaku ketika ini, rata-rata orang Melayu bersyukur kerana masih lagi boleh bernaung dibawah Institusi Raja-Raja Melayu. Jika dari awal sejarah Malaysia, Perikatan dan kemudiannya BN yang telah menjadi tiang utama kepada kesinambungan semua kaum di Malaysia, hari ini ianya cuma tinggal sebagai fakta yang semakin hari semakin terhakis dek kelemahan yang tersemakin menyerlah pada kelompok pemerintahan politik negara. Jika dilihat akan kepada kredibiliti yang dipamerkan oleh Raja-Raja Melayu pada hari ianya jelas menunjukkan sikap prihatin mereka kepada rakyat dan juga ianya turut mempamerkan kemahiran mereka dalam selok bidang kuasa pentadbiran negeri, adat istiadat, agama dan negara yang jauh melangkau kemampuan kerajaan eksekutif hari ini. Kita orang Melayu amat bernasib baik kerana masih mempunyai kesemua Raja-Raja kita dan juga Tun Dr. Mahathir untuk bersama kita dalam mengharungi masa yang serba mencabar ini. Daulat Tuanku dan terima kasih Tun.

By ahmad ikram on August 14, 2008 4:54 PM

Tun,

I was wondering if you could also pen down your thoughts in a poem of poetry format like you once did on Perjuangan Yang Belum Selesai and Melayu Mudah Lupa.

Your construction of Perjuangan Yang Belum Selesai depicts the true accounts of your evergoing concern and endless effort in making the Malays to look back and realize the strength they once had thru their forefathers. What is holding us back that we could not reach the greater heights....

I hope you dont mind to display it once again in this blog.

Appreciate that Tun. You are true nationalist.

By Malaysian Indian on August 14, 2008 4:57 PM

Dear Tun,

Indeed many of us should be thankful to you for your many informative articles. however it is sad to not that many of the comments from the visitors are written with racial overtones. this will be not good for the future of this country.

We should thrive to be Malaysian without jeorpadising whatever was agreed in the FEDERAL CONSTITUTION such as Malays special privileges, freedom on religions.

I guess many of the non-bumis will share with me that we are not questioning the Bumiputra status or the malays special privileges. All we are asking is give us the same chance and opportunities that we have been enjoying all the while but now seems to be slipping away from the non-bumis

By wokyoh on August 14, 2008 4:59 PM

SALAM PERJUANGAN BUAT TUN YANG DIKASIHI.

1)Saya bersetuju dengan tun bahawa sistem demokrasi yang ada pada hari ini adalah bukan sistem asli kita.sistem yang asal adalah sistem raja-raja yang mirip kepada sistem kekhalifahan.

2) Saya tetap berkeyakinan teguh bahawa sistem khalifah -iaitu pemimpin adalah ulamak dan umarak pada era Saidina abu bakar,umar,usman,dan Ali adalah sistem yang terbaik sekali dimuka bumi ini untuk sebuah negara islam...maksud saya bukan termasuk zaman umayyah atau abasiyyah atau uthmaniah...ia adalah sebuah model kerajaan yang terunggul merentasi zamannya....

3) Masyarakat moden sekarang yang kononnya berjiwa liberal,sudah faham segala-galanya tentang dunia,alam ini dan makna sebenar kehidupan sering mengagung-agungkan demokrasi sebagai sistem terbaik untuk kesejahteraan umat sejagat.Ia disanjung sebagai ideologi pentadbiran dan pemerintahan yang ideal,adil lagi saksama.

4) Tetapi pernahkah anda terfikir,demokrasi sebenarnya dicipta yahudi untuk membolehkan manusia buruk akhlak naik memegang tampuk kepimpinan dan kekuasaan masyarakat?kerana ia berdasarkan suara serta sokongan ramai,kononnya suara ramailah yang terbaik dalam menentukan halatuju pentadbiran serta pemerintahan negara.mereka yang memperjuangkan demokrasi ialah yang menganut falsafah sophistry,iaitu ilmu yang diasaskan oleh cendekiawan dan pemikir yunani yang bergelar sophist sejak 2500 tahun dahulu.

5) Menurut ahli sophist...kebenaran adalah apa yang dapat dibuktikan dengan kata-kata...atau kesaksian melalui lima pancaindera badan dan logik akal sehingga tidak dapat disanggah lagi.Natijahnya,siapa yang lebih pandai bercakap dan mengemukakan bukti yang kukuh sehingga tidak dapat ditandingi lawan,dialah yang benar.Maka natijah seterusnya...kebenaran boleh dijual-beli ,asalkan kena harganya...

Saya masih teringat lagi peristiwa peralihan kuasa Yang Dipertua UMNO dari Tunku kepada Allahyarham Tun Razak pada 1971. Ia berlaku sempena Mesyuarat Agung Perwakilan UMNO Malaysia bertempat di Dragon Hall, Hotel Merlin (sekarang Hotel Concorde) Kuala Lumpur.

Perwakilan ketika itu masih lagi parah dengan luka akibat peristiwa berdarah 13 Mei. Meskipun berdarah, tidak ada dari perwakilan yang bangkit berucap melontarkan kata-kata kesat atau maki hamun pada Allahyarham Tunku.

Peralihan kuasa menerajui parti dan negara pada mesyuarat perwakilan itu berlaku penuh teratur. Golongan yang menyokong Tunku tidak memperlihatkan kekecewaan dengan keputusan Tunku menarik diri dari pucuk pimpinan parti. Perwakilan yang mahukan kepimpinan Tun Razak pula tidak berlagak angkuh dan sombong terhadap rakan penyokong Tunku.

Demikianlah sebenarnya kehebatan UMNO dulu. Pemimpin-pemimpinnya mudah bertolak ansur dan berkorban kerana parti. Biar Tunku diturunkan dari kerusi Perdana Menteri, namun Tunku mesti berkorban dan dikorbankan semata-mata untuk kepentingan parti, kepentingan agama, bangsa dan negara.

Tun Hussin Onn juga turut melepaskan jawatan Perdana Menteri pada 1981 meskipun tidak ada tekanan dari dalam parti yang mahukan beliau berbuat demikian.

Tun Dr. Mahathir turut melakukan kelangsungan yang sama pada 2004 dengan melepaskan jawatan Presiden UMNO dan kerusi Perdana Menteri semata-mata atas kepentingan seperti di atas. Tidak ada sebarang tekanan dari dalam parti yang mahukan Mahathir melepaskan kepimpinan parti dan negara semasa peralihan itu berlaku.

Demikianlah indah dan harmoninya UMNO. Pemimpin-pemimpinnya begitu tertib dan berhemah; segera mengundur diri sebelum disuruh pergi.

UMNO sepertikan sudah kehilangan maruah hari ini, kepimpinannya terus berdegil tak mahu lepaskan jawatan walaupun rakyat ramai berteriak di luar mahukan ia dan mereka segera pergi.

Kedegilan seperti inilah pastinya boleh menarik kepada berlakunya akibat paling buruk yang terpaksa

ditanggung ummat Melayu dan negara sendiri tidak lama lagi apabila UMNO dan Barisan Nasional ditumbangkan di Parlimen kelak.

By hattourie on August 14, 2008 10:41 PM

Assalamualaikum TUN,..

Indeed you are true. Pak Lah should learn more about SEJARAH. But I have a question for you TUN. Did you maintain the qualities and patriotisme in those Malay leader during your administration? No offend Tun, am just asking. And I can see that you developed the country so damn well in these days.

Anyway, keep writing. It is good to read what your "brain" trying tell us. May Allah bless you, your family and all the real muslim in Malaysia.

By alfresco on August 14, 2008 10:43 PM

Salam Tun & Bloggers,

Saya cadangkan komen2 Tun di chedet di bukukan untuk diberi kepada orang kampung yang tak ada internet access supaya mereka tahu kelemahan kerajaan sekarang dan konco konconya yang tamak dan yang pentingkan diri sendiri daripada berkhidmat untuk raayat dengan ikhlas.

Yang Allah Yang Maha Berkuasa. Hancurkanlah kerajaan Abdullah Ahmad Badawi demi untuk kebaikan bangsa Melayu dan negara Malaysia.

By mustafa aziz on August 14, 2008 10:45 PM

YABhg. Tun,

Lama saya tidak komen, sebenarnya banyak perkara dalam negara ini sekarang ini sengaja dipermain-mainkan oleh ramai orang, ini kerana kelemahan kerajaan yang sedia ada, kalau diperhatikan dan diperhalusi satu persatu, amat sedih sekali perkara sebegini boleh berlaku, ini semua kerana takutkan Anuar jahanam yang terang-terang telah hilang pedoman, sehinggakan berani menggadaikan maruah agama dan bangsa, PKR ingin berkuasa dengan tidak berfikir dan Pas ambil peluang tanpa berfikir, apakah semua perancangan bersama DAP boleh berjaya, yang ironinya BN bersama MCA dan MIC dikatakan haram tetapi PAS dalam Pakatan Rakyat (PKR, DAP) sama sahaja tetapi dibenarkan pula. Sebenarnya Melayu telah hampir hilang punca dan pedoman. Rata-rata sebut pasal ketuanan Melayu, tetapi dimanakah ketuanan melayu yang hanya sekadar bercakap tetapi bercakaran antara semasa bangsa, sedarlah orang-orang Melayu, baik dari kalangan UMNO, PAS dan PKR. Janganlah kerana Anuar (DSAI) kita sanggup menggadaikan maruah kita.

tompang, Jasin, Melaka.

By zekjerung on August 14, 2008 10:48 PM

assalamualaikum tun,

perjuangan melayu masih belum selesai.

perjuangan memerdekakan minda belum selesai,

perjuangan bangsa tidak kemana

maruah melayu sudah tergadai

bumi yang dipijak yang disanjung hampir dijual

bumi ini akan tergadai

oleh siapa.....

pastinya bangsa melayu.

demokrasi..

keterbukaan yang diutarakan

sesiapa saja boleh mengkritik menghentam

buat apa saja ..

buat apa saja...

kerajaan sedia membantu, kononnya.....

apa sudah jadi....marilah marilah

bekerjasama dengan saya..aduh ..pemimpin no.1 malaysia..apa boleh buat ...terlajak perahu boleh

diundur..terlajak kata...nasib badan.  
By millionaire on August 14, 2008 10:58 PM

God Bless Tun And Family,  
From my point of view no matter what the outcome is everything will be blamed on non malays. To sum up is 50 years ago we all lived like a family now.....

Help us Tun  
FAST  
By mah on August 14, 2008 10:59 PM

Salam Tun,

Sempena hari kebangsaan yg akan menjelang tak lama lagi, apa kata kalau Tun sewa satu stadium then bagi ceramah pasal sejarah malaysia. Terutamanya camna org dulu2 memperjuangkan kemerdekaan dan seterusnya membangunkan Malaysia. kena bayar \$10 masuk pun tak pa. Boleh kami kami kat blog Tun ni pi dengar. lama dah tak dengar ceramah Tun.

Salam.  
By themalaypressAuthor Profile Page on August 14, 2008 10:59 PM

TUN TERSILAP!

Assalamu'alaikum wbt Tun.

Tak kiralah saya yang keberapa, tetapi saya terpanggil dengan kenyataan Tun dibawah ini:-

"2. Ini bukanlah sistem asli kita. Sistem kita ialah sistem Raja berkuasa mutlak (absolute monarchy). Tetapi oleh kerana Raja tanpa sokongan rakyat begitu lemah sehingga terpaksa serah negeri-negeri mereka kepada British, maka rakyat telah bangun pada 1946 untuk menebus balik negeri-negeri Melayu bersama Raja dan meneruskan peranan politik mereka melalui Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan"

Minta maaf TUN, saya rasa TUN tersilap jika menelan bulat2 sejarah negara kita mengikut TAR. Tapi saya bersetuju dengan 'absoute monarchy' cuma kena tambah 'absolute Islamic Monarchy'!

Saya ada menulis mengenai proses Malayanisation dan bagaimana Inggeris menghapuskan sistem Maharaja Islam yang sebenarnya diamalkan di Semenanjung ini sebelum diganti Raja Berpelembagaan.

TAR memang terlibat kerana TOK Nenek dialah yang asalnya menjual tanah Pulau Pinang kepada Francis Light dan ikuti dengan negeri2 lain. Ia adalah pengkhianatan oleh seorang Raja yang menyembah Thai dan British yang menderhaka kepada Maharaja Islam. Tiada kena mengena dengan Rakyat!

Kalau saya nak menulis disini panjang, tapi saya menjemput Tun melawat saya ditulisan RAHSIA PERUTUSAN MERDEKA DAN MALAYANISATION DI  
<http://themalaypress.blogspot.com/2008/05/perutusan-merdeka.html>

Harap kita semua melihat semula sejarah dari sudut yang berbeza dari kitab2 tulisan British dan Freemason.

Sekian.

lagi sejarah terbongkar : Tok Janggut dan Konspirasi FREEMASON.  
<http://themalaypress.blogspot.com/2008/05/perutusan-merdeka.html>

By cendanawangi Author Profile Page on August 14, 2008 11:04 PM

~~~~~  
Salam Tun,

Memang wajar maklumat sejarah negara seperti ini Tun paparkan supaya diketahui oleh generasi muda sekarang.

Dalam PRU-12, mereka membuat pemilihan (parti pembangkang) sebahagiannya ialah kerana ketidakfahaman tentang sejarah negara.

Mereka tidak bijaksana menggunakan hak mereka. Mereka mengundi sekadar ikut rasa hati sahaja. Hanya kerana marah dan dendam semata-mata.

Mereka ini hanya melihat kepentingan semasa sahaja, tanpa memandang jauh dan melihat survival bangsa dan negara.

Ramai yang menyesal kerana tersilap. Namun ada yang masih memegang prinsip "Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan".

Lihatlah sekarang, pelbagai masalah yang dihadapi. Ada yang berani "menjolak sarang tabuan". Dengan begitu strategik dan berani ada yang mengambil peluang mempersoal perkara-perkara yang sensitif yang bukan hak mereka.

Isu persamaan hak, isu majlis peguam, isu UITM adalah beberapa contoh sahaja. Banyak lagi yang akan timbul selepas ini... Dan ramai yang masih lena tidak sedar diri....

Malah ramai yang masih tidak faham....Ramai juga yang menjadi penderhaka kepada bangsa dan negara.

~~~~~  
By peaceRU on August 14, 2008 11:10 PM

The non democratic government + the freedom of speech causes our Pak Lah led country to be in the condition that is today. Funny thing is all the euphoric mood of Malaysians after the opposition won the election seems to have subsided. Reality is hitting our face very hard today.. Who said we need the freedom of speech? Who said PAS can work it out with DAP and PKR? Who said the Malaysians are mature enough to discuss other race's religion openly today? QUESTION is.... Who said we're strong enough to handle abrupt changes NOW!!

Malaysians are suffocating today because of selfish politicians BN and PR both.

IRONIC

By buntat on August 14, 2008 11:11 PM

salam ayahanda Tun dan blogger semua

Sudah 22 tahun TDM Menabur bakti,memerah keringat dan fikiran untuk agama,bangsa dan negara.Kini ayahanda Tun da bersara.Namun dek kerana rasa cinta yang membara pada negara.Ayahanda tetap teruskan perjuangan,namun dengan cara yang berbeza.

Saya juga amat merindui zaman pemerintahan Tun.Namun tidaklah saya sampai hati untuk meminta Tun kembali aktif dalam politik seperti dulu.TDM telah melakukan lebih daripada jangkauan akal kita.Lihat saja hari ini.Hanya mereka yang buta hati dan minda saja yang tak nampak.

Berilah peluang pada Tun untuk berehat (dan berjuang)dengan caranya sendiri.Tak prihatin ke kita tentang kesihatan dan faktor umur Tun?

Tun terus menulis untuk memberi kesedaran.Kita anak bangsa generasi baru yang dibentuk inilah yang perlu berada di medan hadapan.

Tolong berhenti meminta Tun masuk semula politik. Kerana Kita semua sayangkan Ayahanda Tun.

Ayahanda,

Mata pena itu lebih tajam daripada pedang...Hunuskan!!!

By lampu basikal on August 14, 2008 11:12 PM

Assalamualaikum Tun,

I'm speechless. Bulleyes, right on the dot. You are the best prime minister Malaysia ever had because you the doctor who knows how to prescribe the medicine that Malaysia needs right now.

So tun give us the go ahead with next phase. We support you 100% percent. May Allah bless us.

Aminnnnn...

By Suzaku\_V on August 14, 2008 11:13 PM

Salam sejahtera Tun.

Maafkansaya mencelah.

Kpd sjankan...

pada pendapat saya apa yg tun buat tak salah. kalau demokrasi pada golongan yg bodoh pasti akan buat pilihan yg bodoh.

sesetengah perkara boleh di demokraskan kalau untuk kepentingan bersama.

zaman khalifah dulu ada demokrasi ke? zaman bani umaiyah, abbasiyah dulu ada ke? sebab zaman tu perlukan pemimpin yg berani. Sama seperti zaman sekarang. pemimpin yg ada sekarang ni bacul berlindung disebalik undang2 yg zalim konco2 yg korup.

saya sanggup hidup dibawah seorang pemimpin yg berkuasa mutlak tetapi berfikiran jauh untuk kepentingan rakyat dari pemimpin yg lemah dan menyerahkan segalanya pada org yg tak berhak membuat keputusan.

Saya tak kenal Tun secara dekat, dan dia pun tak pernah tahu kewujudan saya tapi pada saya kalau Tun buat sesuatu mesti ada sebab dan bukti atas jasa Tun pada kita semua hanya org buta mata hati sahaja yg tak dapat melihat.

Kepada Tun,

Apa yg Tun dah lakukan hanya Tuhan sahaja yg akan menilai. tetapi saya dan keluarga amat terhutang budi pada apa yg Tun dah lakukan.

Semoga Tun sejahtera dunia akhirat

By derek on August 14, 2008 11:15 PM

Pak Lah kata " No. 21 dan 22 tu macam perli aku je.....".

Pak Lah kata lagi" Tak apa lah, apa Che Det nak kata, katalah. Saya tetap dengan pendirian saya nak turun tahta 2 tahun lagi. Itupun kalau saya tak berubah fikiran, manalah tau kot-kot projek2 anak menantu saya terpaksa kena extend"

By cikgu\_sal on August 14, 2008 11:16 PM

Dearest Tun,

Tq for your unwavering patriotism.. U really inspire me to be a better Malaysian with all your comments n great thoughts for Malaysia and Malaysians. May Allah bless u with excellent health and a long life!  
By fawz on August 14, 2008 11:26 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya berterima kasih kepada Tun kerana telah mendapatkan pengetahuan sejarah kelahiran UMNO dari pena Tun sendiri. Saya harap semua ahli2 UMNO yang membaca kisah ini insaf dan bertindaklah untuk kebaikan bangsa, agama dan negara pada perhimpunan agung UMNO akan datang. Seperti dalam sejarah, UMNO sekarang perlukan pemimpin baru sekarang juga.

Terima kasih,

Wassalam.

By kdin on August 14, 2008 11:26 PM

Salam untuk Tun dan semua pembaca@bloggers

1. Malaysia dan Umno perlukan pemimpin yang bijak, tegas, berilmu dan hebat seperti Tun.
2. Malah banyak negara memuji kehebatan Tun sewaktu mentadbir Malaysia sehingga cukup dikenali hingga ke peringkat antarabangsa. Hanya Tun seorang sahaja yang sanggup mengkritik ketidakadilan yang dilakukan oleh kuasa2 besar dunia tanpa rasa takut dgn gaya pahlawan melayu sebenar. Menjadi hero asia.
3. Tun juga melahirkan dasar2 yang mudah difahami oleh semua bersahaja, mudah tetapi membawa makna yg amat besar seperti Dasar Pandang ke Timur, Bersih Cekap Dan Amanah dan macam2 lagi.
4. Saya amat hormat dengan sebarang keputusan Tun tentang Umno walaupun terpaksa menerima dengan rasa sebak di dada. Teruskanlah menulis. Saya sentiasa akan menyokong Tun. Bukan kerana terlalu taksub tetapi semua tindakan yang Tun telah tunjukkan semasa sebelum, semasa dan sesudah mentadbir Malaysia semuanya positif. Lagak gaya seorang pahlawan tulin yang banyak di cemburui oleh banyak pemimpin samada didalam dan juga negara luar.
4. Pemimpin yang sedia ada.....Semuanya tamak kuasa. Yang jadi tukang angguk pun ramai. Pengecut. Kemahuan amat tinggi tetapi kemampuan sebenar tiada tetapi masih angkuh. Taksub pada kuasa dan wang. Ternyata mereka2 semua adalah seorang pemimpin tetapi dipimpin oleh hawa dan nafsu semata. Dasar yang di tonjolkan kepada kami semua hanya popular tetapi tidak efektif. Sekadar melepaskan batu ditangga kononnya ada tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan. Rakyat digula2kan.
5. Apapun, saya selaku rakyat dan saya percaya rakyat yang lain2 di luar sana sama juga berperasaan seperti saya bahawa Malaysia kini amat2 memerlukan seorang pemimpin yang amat berkaliber, bijak dan adil seperti Tun. Yang tidak mempunyai skandal. Yang boleh diterima oleh majoriti penduduk Malaysia. Jika boleh, tunjukkan kepada kami semua siapakah diantara pemimpin Umno yang sedia ada yang mempunyai potensi, bakat berwawasan dan yang boleh mentadbir Malaysia dengan bijak, harmoni dan dihormati di peringkat antarabangsa seperti sehebatnya zaman Tun mentadbir Malaysia.

Tun harus berasa bangga bahawasanya Tun adalah salah seorang pemimpin terhebat/terulung dunia pada era Tun mentadbir negara. Bukannya Tun yang minta rasa penghormatan tersebut tetapi sememangnya Tun layak untuk menerima rasa penghormatan yang kami berikan. Kami perlukan Pemimpin seperti Tun. Tunjukkan pada kami siapakah pemimpin yang sedia ada mempunyai ciri2 seperti seorang pemimpin sejati dan bukannya seorang pemimpin yang dipimpin.

Terima Kasih.

Salam.

By tamwon on August 14, 2008 11:32 PM

Assalamualaikum Tun,

Terima kasih posting hari ini "DEMOKRASI" dapat membantu golongan muda kini yang masih tidak berapa faham sistem pemerintahan Malaysia dari sudut sejarahnya ..

Kami mendoakan Tun sekeluarga sihat dan dalam peliharaan Allah.. Aminnn  
By heng on August 14, 2008 11:34 PM

i purposely signed up because i need to leave a few words here. selama ni, saya memang sokong dr mahathir. no doubt, he is great and brainy. i like him. somehow, i don't like the BN today. because of this, there is no way that i will vote for BN if i am one of them in permatang pauh. so my support goes to anwar ibrahim or the opposition. the country needs a change and i don't think BN is capable to do this at the moment. so we will give a chance to the opposition. my feelings of being against BN haven't been so strong before. what has gone wrong with this country, dr mahathir knows it well. in fact, i was touched by one article he wrote before on "Multi-racial Malaysia" on June 3, 2008. i like you and respect you, dr mahathir, but i've no choice that i must support the opposition now - the only one hope that i still can believe in. BN is no longer relevant. i hope the future leaders of this country will lead malaysia and its people to a better direction and path for unity and free from any forms of contamination.

cheers, heng.  
By pakbelalangAuthor Profile Page on August 14, 2008 11:40 PM

Dear Tun,

I feel sad to see our Pak Lah has now become a lame duck Prime Minister. If I were him I would have followed like the great Malay leaders of Dato' Onn and Tunku Abd. Rahman. Resign immediately.

Pak Lah knows that he is no more an effective leader and the sign is very clear that the majority of UMNO members have rejected him why then must he stay any longer. Does he not feel ashamed of himself that practically everyday people are ridiculing his leadership? As the Malay saying "hidung tak mancung, pipi tersorong-sorang" !!

By Sard80Author Profile Page on August 14, 2008 11:44 PM

Assalamualikum Tun yang dikasihi

1. Amat sedih sekali kerana pemimpin sekarang mementingkan diri mereka sendiri. Tidak seperti apa yang rakyat harapkan..
2. Tun, saya membesar semasa pemerintahan Tun.. saya lahir pada tahun 1980. Dan saya dapat rasakan perubahan negara tercinta ini semasa pemerintahan Tun dapat rasakan kemajuan dan keamanan yang diciptakan oleh Tun dengan izin Allah.
3. Tidak ada pengganti yang boleh menggantikan Tun untuk mentadbir negara secepat Tun. There's no one can replace you Tun.....
4. Sekarang ada pihak yang berani menyuarakan tentang isu-isu sensitif oleh kerana tidak menghormati kerajaan sekarang ini. Seperti mereka terlalu bebas bersuara dan tidak memikirkan tentang kontrak sosial yang terjalin selama ini
5. Lihatlah Menteri besar Selangor yang ego tidak mahu minta maaf kerana kekeluparan mulutnya untuk membuka UITM kepada 10% kuota bukan Melayu ke sana. Dia memang pengkhianat bangsanya sendiri, tak sedar diri punya Melayu.....
6. Tun saya rasa tidak tenteram sekarang duduk di negara tercinta ini... Apa akan jadi negara tercinta ini pada masa akan datang, Apa akan jadi pada masa depan kepada anak bangsa kita Tun...
7. Terima kasih Tun kerana penerangan Tun, pemimpin generasi dahulu amat menghormati rakyatnya, amat berdisiplin, amat menyayangi negara ini tidak mementingkan diri mereka sendiri, tidak seperti sekarang yang lupakan tanggungjawab yang sepatutnya mereka lakukan dengan berkesan dan tak lupa juga golongan yang gila kuasa tu.

Tun berdua plz take care  
(terubat sikit rasa rindu bila lihat Tun keluar pada berita utama berkenaan isu UITM)

Wassalam...

By Ndin on August 14, 2008 11:45 PM

Salam TUN..

Semoga dalam keadaan sihat senantiasa & dipanjangkan umur..

1. Tq atas ilmu bernilai yang dicurahkan.
2. TUN, apa pendapat TUN tentang patronism HARI KEMERDEKAAN,. tahun ni sunyi sepi je.. hari kemerdekaan tinggal 2 minggu je.. mcm kurang je kempen Kemerdekaan dari kerajaan..
3. TUN buatlah ucapan dalam klip video.. blog ni nampak lebih advance lagi.. dan boleh nampak wajah TUN gak.. rindu lama ndak nempat TUN berucap.. TQ

Restu TUN

Sabahan

By pastikanori on August 14, 2008 11:46 PM

Salam...

Apa kata kita kembalikan kuasa raja Melayu.  
Saya cadangkan Raja Nazrin - pasal dia ni cerdik & ada tokoh.

patikanori@gmail.com

Bertam

By arjuna on August 14, 2008 11:54 PM

Tun,

DEPA BACA KA TUN...? YG DOK BACA NI SEMUA BUKAN AHLI UMNO (WALAUPUN DEPA KATA DEPA SAYANG TUN DAN UMNO..HUHUUHU)..

Kalau depa bacapun, depa paham ka?.. kalau depa paham mesti depa sedaq. so, kemungkinan disini hanya dua tu saja.

papa khaalish

By tamwon on August 15, 2008 12:09 AM

Assalamualaikum Tun,

Terima kasih posting hari ini "DEMOKRASI" semoga dapat membantu golongan muda kini yang masih tidak berapa faham dan fasih sistem pemerintahan Malaysia dari sudut sejarahnya ..

Kami mendoakan Tun sekeluarga sihat dan dalam peliharaan Allah.. Aminnn....

By Patek1472Author Profile Page on August 15, 2008 12:17 AM

Q17. The next PM of Malaysia will follow R.A.H.M.A.N theory. (Fact or Fiction)  
Perdana Menteri Malaysia yang berikutnya akan mengikuti teori R.A.H.M.A.N (Fakta atau Rekaan)

Answers at <http://patek1472.wordpress.com>



Jawapan di <http://patek1472.wordpress.com>  
By greatpanglima on August 15, 2008 12:21 AM

Assalamu'alaikum Y Bhg Tun,

You are my no. 1 sifu and living idol Tun. My invincible mentor. Keep on writing Tun to inspire us with your wisdom dan knowledge.

Definition of democracy for me is relative. Even so called democracy in United States is not absolutely matured but organically change based on his leadership need. The principle is the same but the execution may differ. What is democracy if it destroys the nation and our beloved country. What is there to be proud of if everything we have built by the elder leaders of our great founding fathers, including you Tun, is collapsing before our eyes. The current leaders whom may feel that they are one included have wrongly judged themselves simply they have the facilities and system on their side now. Well, the facilities and power truly belong to the rakyat. So, rakyat wake up and start acting as one. 1 vision, 1 mission to save our beloved country from those who are calculatedly and strategically pushing the domino to collapse to strike the calm, harmony and peace in every second counts!

Let's us Malaysianise our democracy based on our great history as our root, our own civilization. After all, this is the only country we have. Let's not play sensitivities. Drastic change may result to chaos! Chaos, no need to look very far of old history, may have the face of Iraq, Afghanistan, Palestine etc at present time.

We have to ask ourselves why Malaysia have lost Batu Puteh recently. If we care to remember, historically, who own Singapore? Knowledge itself can manipulate but true knowledge always shines.

Hope you and family are doing great Tun. I pray for you and Malaysia for rahmat dan berkat from Allah.  
By mob on August 15, 2008 12:27 AM

Salam Tun,

Ini pertama kali saya join dalam blog ini...

Saya kenal siapa PM pertama kita sehingga la ke PM yang terkini walaupun saya membesar dalam Generasi sewaktu Tun ketika menjadi PM. Tak pernah saya dengar cerita2 yang meng'hentam' PM sehingga la Pak La... memang wajar pun Pak La ni "kena" hentam, tak tau 'resepi' dari 'dapur' mana dia dapat nak 'masak' untuk bagi 'makan' rakyat Malaysia. Pak La ni tak ikut perkembangan ke? Atau saja2 tak ambik tau...

Apa pun semua rakyat Malaysia mendoakan semoga Tun diberi kesihatan yang baik... teruskan perjuangan Tun.

Salam.  
By samuraimelayu on August 15, 2008 12:46 AM

Salam AYAHANDA RAKYAT TUN,  
Izinkan,

By emma49 on August 14, 2008 4:12 PM  
SAYA CADANGKAN PENGUNDI PERMATANG PAUH ... undila BN.. then kite fight tumbangkan AAB kat GE UMNO.. some chedet.com berhimpun di pwtc tok AAB digulingkann... AAB VS PEOPLE POWER...

Kami, pada mulanya memikirkan untuk mencadangkan lebih kurang begitu jua. Tetapi setelah di (+)(-)(x) dan dah abih lak 'symbol' dikeyboard, masih pinau benak hendak mencari jalan yang baik kerna jika pilih

BN... Buntut berNanah dibuatnya kerna Pak AAB (Atas(kepala) Ada Batu) akan bertempik keliling kota dan desa yang rakyat masih manaruh kepercayaan kepada kepimpinan lauya depa.

PKR...Punggug Kurap dan Rebeh dibuatnya dan lepas itu minta ubat kurap dari Amerika Syarikat dan Yahudi, konon nya boleh memulihkan sengsara rakyat.

Apa jua perkiraan kami, akhirnya kami akur yang titian Permatang Pauh tidak akan dapat digoncang( apatah lagi dirobuhkan) oleh BN yang tidak bertenaga ankara Pak (longlai) Lah.

Hendak ditelan mati bapak, diluah mati emak,

THE MALAY DILEMNA IN PERMATANG PAUH.

Alfatihah, Amin.

By aiakelate on August 15, 2008 12:50 AM

TERIMAKASIH TUN ATAS SEGALA TULISAN

DEMOKRASI HANYA TINGGAL NAMA SAHAJA TAPI PERLAKSANAAN TIADA, INILAH MELAYU YANG SUDA LUPA ASAL USULNYA, DIMANA TEMPAT JATUH TIDAK TAHU.SEDARLAH WAHAI MELAYU-MELAYU YANG BERADA DI ATAS,JENGUK-JENGUKLAH MELAYU-MELAYU YANG BERADA DI BAWAH

By White RabbitAuthor Profile Page on August 15, 2008 12:58 AM

Informasi yang baik Tun..

Di harap Tun dapat memberi petunjuk dan rahsia pentadbiran Tun kepada pemimpin-pemimpin sekarang. Pada pemerhatian saya ketika Tun mentadbir dulu negara tidak mengalami isu perbalahan antara kaum. Kenapa tiada yang berani mempertikaikan hak keistimewaan Melayu ketika itu? dan kenapa sekarang setelah Tun turun dari pucuk pimpinan pihak-pihak yang dulunya senyap sudah berani menunjukkan diri dan mempamerkan belang mereka? Di harap Tun sentiasa bersemangat membantu negara dan janganlah putus asa dengan bangsa Melayu walaupun terdapat dikalangan mereka yang lupa diri dan tidak menghargai perjuangan Tun.

White Rabbit

<http://bangkitlahusahawanmalaysia.blogspot.com/>

By WanJ Peraksi on August 15, 2008 1:00 AM

Tun, Terima kaseh diatas cerita lama, ini bagi penerangan jelas kpd orang2 muda sekarang yang kurang penjelesan dan cerita masa lampau.

Sepatutnya sifat Dato Onn Jaafar itu patut dicontohi oleh cucu2nya spt Najid dan Hishamuddin, tapi saya sendiri malu akan apa yang terjadi kpd mereka berdua ini sekarang, contoh dari atoknya jauh sekali diikuti.

Untuk Tun pula hari ini saya denga berita dari RTM, Rosmah Mansor meminta agar Tun masuk kembali dlam UMNO, apakah dia sekarang sedar yang dia bukannya orang yang sepatutnya bersuara kearah itu, Rosmah sepatutnya meminta dan memaksa dengan apa cara termasuk C...terhadap PAK....Le...Lah agar beliau meletak jawatan PM. Tun dah berjanji sekiranya Pak....Le....lah masih lagi jadi PM selama itu dia akan keluar dan tidak masuk kedalam UMNO, Rosmah dah lupa ke apa yang Tun katakan dulu selepas dia keluar dari UMNO, jangan buat lupa macam lupa kepada bekas suami dulu Aziz yang sekarang bekerja diRANHILL....

Salam Tun.

By das on August 15, 2008 1:01 AM

Dearest Tun!

My request for your comments in Bahasa to be published in English, for the benefit of those who do not understand Bahasa, has obviously fallen to "deaf ears"! This based on your 2 or 3 previous articles in Bahasa! Please oblige in future, will you?

Based on what I have read in the internet lately, from the 1st PM of Malaysia right down to you, namely The Tunku, Tun Abdul Razak, Hussein Onn, you were the only PM with the most number of deputies who could not get along with you, for reasons best known to you! Pardon me for being crude but the only one (amongst your deputies) who stood up against you is back on the scene 10 years on! Whatever happened to the rest, save Gaffar Baba who has since passed on!

Please remember this! Anwar could have easily adopted the "angkat bodeh" rule and succeeded you but he opted out because he had and till today has what it takes to be a natural leader, in it's actual context! Look at the choice of your successor, AAB (not to mention his deputy)!!!

While I agree that politics is a dirty game and those who survive in it, irrespective of the years they serve, must also be termed as "dirty", am I right, Tun? Perhaps you would care to comment!

Anwar is no angel but based on the reports filtering out of Malaysia since the last Elections on March 8, those you handed the helm of power to, are certainly no better, suffice to say worse!!!

Your comments on what would happen if Anwar becomes PM says it all....hidden skeleton in Putrajaya or worse still, your very own backyard!!!

As it stands and as I write this piece, let me just say that looking back from the time of Malaysia's independence, only you and the late Tunku stand out as Prime Ministers of integrity!

Das  
Singapore  
By ttlebon80 on August 15, 2008 1:12 AM

Salam Tun and bloggers

Thanks for another excellent writing.

But I must say we always, Cakap, cakap, cakap, cakap... cakap, cakap, cakap, cakap.... When is it really happening?

I know many dislike Hindraf but look at the result. After Hindraf, the Government took drastic actions especially for the Indians.

So let us not Cakap, cakap, cakap, cakap... cakap, cakap, cakap, cakap....  
By SokongTundanPAS on August 15, 2008 1:26 AM

Tun,

MENTERBALIKKAN BENDERA MALAYSIA???

Ini adalah satu sikap yang KURANG AJAR, BODOH DAN TIDAK BERAKAL!  
Apa kita patut buat dengan 'manusia' seperti ini???

Saksikan di <http://edyesdotcom.blogspot.com>  
By ajoiz on August 15, 2008 1:29 AM

Salam Tun,

Saya orang muda yg mengenal realiti dunia semasa Tun mentadbir negara ini.

Sejarah pejuang2 UMNO terdahulu telah membuktikan, pemimpin negara terdahulu telah menunjukkan kepada kita apa yang seharusnya PM Pak Lah kita buat.

1. Tunku Abdul Rahman bapa kemerdekaan. Melepaskan kuasa secara terhormat apabila menyedari rakyat semakin menolak kepimpinan Allahyarham. Tak tetapkan tempoh pun mcm Paklah ni. Mudah2an rohnya senantiasa di bawah keredhaan Ilahi.

2. Tun Razak bapa kemajuan. Menjana idea2 untuk membangunkan sosio ekonomi rakyat. Meninggalkan kita lebih awal. Mudah2an rohnya senantiasa di bawah keredhaan Ilahi.

3. Tun Hussein Onn bapa perpaduan. Beri penekanan untuk menyatukan rakyat dan pembangunan sosio ekonomi bukanlah agenda utamanya. Melepaskan jawatan secara terhormat apabila merasakan ahli UMNO perlukan perubahan kepimpinan yang lebih dinamik. Tak tetapkan apa-apa tempoh pun mcm Paklah ni. Mudah2an rohnya senantiasa di bawah keredhaan Ilahi.

4. Tun Mahathir bapa permodenan. Sosio ekonomi rakyat menjadi keutamaan krn tanpa kuasa ekonomi, Malaysia dan rakyatnya tidak mungkin akan dipandang tinggi oleh masyarakat dunia. Melepaskan jawatan dalam keadaan UMNO dan Kerajaan yang stabil dan kuat. Motonya, "berhenti makan sebelum kenyang". Mudah2an Allah memanjangkan umur dan kesejahteraan kepada Tun & Keluarga.

5. Pak Lah bapa.... apa ye? Oh... bapa suruhanjaya! bapa hadhari! bapa Kamaluddin! bapa mertua KJ!. Apa yang sedang Paklah lakukan sekarang ni; cuba mempertahankan kuasanya walaupun rakyat dan silent ahli UMNO memberikan mesej jelas di dalam PRU 12 lalu.

Hai Pak Lah! kenapa tak ikut jejak Tunku dan Tun Hussein. Undurlah dgn cara terhormat. Buat macam Koh Soo Kun, Chan Kong Choy & Presiden MCA untuk tidak pertahankan jawatan di dlm pemilihan pucuk pimpinan parti mereka.. Walaupun ahli MCA & Gerakan tidak menyalahkan mereka, tetapi mereka sedar diri dan tahu tindakan mereka sebagai suatu pertanggungjawaban di atas kemerosotan dlm PRU 12. Syabas kepada mereka..kerana reti bahasa!

Ahli Umno pula, kalau rase mahukan demokrasi terus subur, marilah ramai2 tekad untuk memastikan jawatan Presiden & Timbalan Presiden dipertandingkan tahun ini. Paklah, belajarlah daripada sejarah!

Saya seriau tengok UMNO sekarang ni.... panjang ke umur Parti Keramat ini. Wallahualam

By AlanMy on August 15, 2008 1:59 AM

Assalamualaikum Tun,

Dah lama mengikuti perkembangan blog Tun ini, dan sentiasa terlintas nak mencurahkan luahan rasa dan mungkin pendapat. Alhamdulillah akhirnya dapat jugak luangkan masa. Before that rasa syukur saya dapat melihat kesejahteraan Tun, hehe serempak kat ikano baru baru ni kat kedai spek tapi tak brani nak sapa, bodyguard ramai. Dan saya sentiasa doakan kesejahteraan Tun, InsyaAllah.

2. Saya tak salahkan Tun ketika pilih paklah dulu, mungkin takde masa nak menilai pemimpin baru ketika itu or terkejut pasai anwar buat hal. tak tau laa tuu kot. Tapi cuma saya sedih mungkin je la kot Tun tak perasan ketika zaman Tun itu dah wujud budaya kroni. ampu bos.

lagi sedih saya bila Tun berjuang demi negara, mereka berjuang nak dapatkan title. Pilihan Tun memang buat saya terkejut dan dari awal lagi paklah [guna beliau tak sesuai saya takde hormat padanya. marah lagi ada laa] tiada langsung kredibiliti seorang pemimpin.

Saya sedih cuma Tun tidak dapatkan "sediakan payung sebelum ujan" itu je maksud saya "backup

leader", air tangan didik Tun sendiri.

Nak tunggu adik Adiputra pon lambat lagi, itu pon kalo dia minat jadi pemimpin.

3. Saya tertarik komen By Nazirul HazimAuthor Profile Page on August 14, 2008 1:54 PM

"Tak bolehlah kita minta Tun sahaja buat sesuatu. Kita pun mesti buat sesuatu juga.

Tun ada pengaruh yg kuat ttp bukan pengaruh eksekutif.

Saya fikir langkah terbaik ialah selamatkan UMNO dr dalam.

Inilah yg saya nampak Tun sedang lakukan."

idea beliau sama dengan saya, cuma bagaimana ingin bertindak? sebab itu saya terkejut Tun tinggalkan Umno "seketika" je kan? hehe i know u love umno very much..deep inside. Tun ingat tak keris hishamudin dok angkat tu.. nak wat apa? kita pakat guna tikam depa kot dalam patutnya.

erm panjang dah kot neh.. kot org meluat nak baca.. anyway lenkali laa saya cetuihkan lagi pendapat kat sini.

saya sayangkan Tun, saya sayangkan Malaysia, saya sayangkan bangsa saya, saya menangis bila Tun menangis[time Tun turun takhta] saya menangis gembira bila Tun gembira. InsyaAllah, Selamat Berjuang !!!

by the way Tun, kalau semangat juang mukhris macam Tun, asuh dan asah lah beliau, tapi kalau takde jangan la di paksa, takkan menjadi. Carilah yang betul betul berkaliber semangat juangnya, nasionalismanya tinggi. InsyaAllah dengan megah jalur gemilang kita berkibar.

Takkan MELAYU hilang didunia, dan MELAYU kita dan sekian rakan juang bersama Tun nyata sekali TAK MUDAH LUPA !!!

By orangmelayusekarang on August 15, 2008 2:11 AM

Pak Lah Yang Tidak Mahu Berundur

1. Pada penghujung pemerintahan Pak Lah, beliau mewujudkan sentimen membenci Mahathir yang disalurkan melalui media.

2. Media yang jinak dengan kerajaan semasa rejim Pak Lah mengatakan Mahathir seorang diktator dan pernah mengugut hakim yang tidak ingin memberikan kerjasama semasa Anwar didakwa dahulu.

3. Pak Lah membiarkan Anwar di lihat sebagai orang yang teraniaya. Hakikatnya ini bukanlah satu kebetulan. Ini adalah rancangan Pak Lah sejak Mahathir mula mengkritik pentadbiran Pak Lah lagi.

4. Sekiranya Anwar dilihat sebagai orang yang teraniaya maka Mahathir dapat 'disenyapkan'.

5. Apabila Mahathir senyap, maka yang tinggal hanya Pak Lah dan Anwar. Pak Lah yakin beliau mampu menang dengan Anwar kerana imej bersih beliau yang dibawanya.

6. Walaubagaimanapun, tentera siber Anwar telah lama lagi merancang untuk menyerang Pak Lah secara peribadi. Antara tentera siber Anwar yang paling jelas adalah pembina video hanief.blogspot.com.

7. Ketika pilihanraya hampir tiba, pelbagai serangan peribadi terhadap Pak Lah telah dibuat oleh tentera siber Anwar.

8. Pak Lah tersilap kira akan rancangannya untuk menentang Anwar dan membisukan Mahathir. Oleh kerana rancangannya untuk membiarkan Anwar berleluasa inilah maka dia terpaksa membayar jawatannya.

9. Walaubagaimanapun, tiada suatu benda pun yang patut dikasihankan dengan Pak Lah. Ini kerana pada zaman pemerintahannya, terlalu banyak harta rakyat yang telah diambilnya.

10. Jika tidak secara langsung,wang rakyat telah diambil melalui pembinaan atau pelaksanaan sesuatu projek.

11. Kebanyakan rakyat tidak tahu yang Khairy selaku menantu Pak Lah telah mendapat berpuluh-puluh juta ringgit Malaysia melalui projek semasa zaman Pak Lah.Duit yang diperoleh itu bukanlah kerana Khairy mempunyai peranan di dalam projek itu pun.Duit itu perlu dibayar kepada Khairy semata-mata untuk kelulusan sahaja.

12. Ini adalah terang-terangan penyalahgunaan kuasa oleh Khairy.Walaubagaimanapun,tiada siapa yang tahu hal ini selain daripada orang kerajaan.Orang kerajaan ini,umum kita kenal sebagai pak turut.Sekiranya mereka mendedahkan hal ini maka mereka juga bakal dikenakan tindakan.Masing-masing ingin menjaga kepentingan diri sendiri.

13. Hal ini tidak berhenti di situ sahaja.

14. Umum tahu bahawa setelah BN dikira kalah selepas pilihanraya umum ke 12, Rafidah Aziz pernah menghantar surat teguran empat belas helai terus kepada Pak Lah mengenai menantunya Khairy.Malangnya Pak Lah yang tidak bijaksana ini telah menyerahkan surat itu kepada Khairy.Khairy pula telah menyerahkan surat itu kepada emaknya.Rafidah kemudiannya telah dihubungi oleh emak Khairy dan secara lisan dihentam teruk pada malam itu.Rafidah telah 'dipecat' secara tidak langsung semasa Pak Lah mengumumkan kabinet menteri yang baru.

15. Tindakan Rafidah memberi surat teguran kepada Pak Lah itu sebenarnya adalah tindakan ikhlas darinya.Ini kerana pada zaman Mahathir,Rafidah telah memberi berpuluh-puluh surat teguran kepada Mahathir sekiranya ada yang perlu ditegur.Sekiranya Mahathir fikirkan ia perlu maka perubahan akan dibuat,sekiranya tidak surat tersebut akan dibiarkan.

16. Maka atas sangkaan yang Pak Lah dan Khairy akan bertindak secara waras,Rafidah telah membuat teguran tersebut.

17. Rafidah boleh dikira sebagai orang Mahathir dan Shahrizat boleh dikira sebagai orang Pak Lah.

18. Semua orang tahu yang Shahrizat telah kalah dengan Nurul Izzah di pilihanraya lalu.Walaubagaimanapun,nyawa Shahrizat tidak tamat di situ sahaja.Pak Lah telah melantiknya sebagai penasihat berkaitan agama Islam yang berelaun puluhan ribu untuk 'menyelamatkan' orangnya.

19. Sekiranya ahli politik kalah maka sukarlah hidup mereka selepas itu.Keadaan yang sama tidak berlaku pada orang kuat Pak Lah.

Penyokong/Tentera Siber Anwar

1. Semua orang tahu Anwar mempunyai tentera siber yang begitu banyak.

2. Namun begitu tentera ini mampu berselindung dengan baik kerana rakyat memang tidak begitu sukakan kerajaan yang sedia ada.Jika tentera siber ini pandai mencari point yang boleh memangkin kepada kebencian tersebut,rakyat secara tidak langsung akan menyokong mereka.

3. Sebagai contoh,pembina laman blog hanief.blogspot.com.Tiada maklumat peribadi langsung di laman blognya namun video yang dihasilkan di youtube adalah terlampau banyak.

4. Video yang dihasilkan bukannya anti-kerajaan tetapi lebih kepada anti-Mahathir pada awal kewujudannya.Semua orang tahu tiada orang yang lebih benci kepada Mahathir selain dari Anwar dan penyokongnya.

5. Walaubagaimanapun,dari segi masa,untuk mengasihkan video yang disunting dengan sebegitu baik dan mempunyai berjuta-juta klip dari televisyen adalah sesuatu yang tidak mampu dihasilkan oleh

sesiapa pun hatta penyunting video yang terbaik .

6. Malah sekiranya video-video itu mampu dihasilkan sekalipun oleh pengelola laman blog hanief.blogspot.com,tidak ada orang yang waras pun mahu melakukan kerja tersebut secara percuma atas dasar bencikan Mahathir dan kerajaan.
7. Maka rumusan yang boleh dibuat adalah orang tersebut dibayar oleh Anwar atau orang yang membiayai Anwar.Dan besar kemungkinan orang tersebut bukanlah seorang.Pasti orang tersebut adalah terdiri daripada sekumpulan orang yang mendapat gaji dari Anwar.
8. Secara peribadi,adalah lebih elok orang seperti ini yang ditangkap di bawah Akta Hasutan,bukanlah penulis blog yang mengkritik kerajaan secara bernas.Ini kerana merekalah orang yang terlibat dalam memecahbelahkan Malaysia.
9. Walaubagaimanapun keadaan tersebut adalah biasa bagi kerajaan yang tidak bijaksana.
10. Walaubagaimanapun,Anwar adalah seorang yang meringkuk dalam penjara selama berpuluh tahun.Bagaimakah beliau mendapat dana untuk membiayai orang-orang ini.
11. Jawapannya ada pada Anwar sendiri iaitu antara sebab-sebab mengapa Anwar dipecat.Kementerian Dalam Negeri di Sabah ada maklumat kukuh bahawa Anwar mendapat lebih kurang 1 billion daripada CIA di Amerika.Dana tersebut adalah supaya Anwar boleh menjadi Perdana Menteri Malaysia dan menjadi kerajaan boneka Amerika.
12. Tidak terlintaskah di hati orang-orang yang menyokong Anwar secara membuta-tuli ini mengapa Anwar mengamalkan hubungan yang terlalu baik dengan pemerintah sesetengah negara contohnya Turki dan Amerika?Ataupun adakah mereka sudah lama tahu tentang hal itu,namun masih menyokong Anwar kerana ditawarkan wang sekiranya Anwar memerintah?
12. Hanya masa yang akan memberitahu.
13. Malang sekali orang ramai tidak boleh tahu mengenai pemberiann dana tersebut.Ini kerana sekiranya mereka tahu maka Kementerian Sabah boleh didakwa kerana membocorkan maklumat kerajaan kepada orang ramai.Ini sangat menyedihkan.
14. Anwar juga bukannya orang yang jujur.Beliau mampu berubah menjadi sesiapa sahaja dan berkata apa sahaja untuk mendapatkan sokongan.
15. Memang benar Anwar adalah sangat-sangat jujur semasa beliau menyertai ABIM.Walaubagaimanapun Anwar telah berubah sejak beliau masuk politik.
16. Anwar juga telah menyatakan negara ini adalah hak milik orang cina dan orang india,bukannya orang Melayu.Kata-kata tersebut ada dinyatakan di dalam sebuah majlis orang bukan Melayu dan ada dirakam dalam sebuah cakera padat.
17. Malang sekali segala keburukan Anwar hanya akan tertonjol sekiranya Anwar telah menjadi Perdana Menteri.Walaubagaimanapun pada masa itu keadaan adalah terlalu lewat.
18. Rata-rata orang yang menyokong Anwar adalah bekas ahli UMNO yang tidak mendapat kasih sayang daripada pemimpin terdahulu.Mereka boleh datang mengatakan supaya keadilan diberi untuk semua.Bagaimanapun semua orang tahu mereka tiada bezanya dengan orang UMNO sekarang.
19. Semasa zaman Pak Lah dahulu mereka beriya-ya ingin mengetahui berapakah elaun yang diterima Mahathir sebagai penasihat Petronas,Proton dan sebagainya.Mahathir disangkakan mereka mendapat elaun yang sama dengan menteri iaitu lebih kurang 40 ribu ringgit.

20. Walaubagaimanapun mereka kecewa kerana Mahathir hanya memperoleh 15 ribu ringgit sahaja. Malah Mahathir tidak kisah sekiranya kerajaan berpendapat jawatannya diambil.

21. Maka isu yang dicanang-cenang sebagai penting itu pun kembali senyap. Orang-orang PKR ini pun terus membisu sambil memikirkan apakah lagi isu yang boleh diangkat.

22. Jikalau anda perasan, orang-orang PKR lebih gemar menghentam Mahathir berbanding Pak Lah. Ini jelas kerana Pak Lah amat lemah dan imej bersih yang ada padanya dahulu sudah tiada.

#### Demokrasi Di Malaysia

1. Umum tahu bahawa demokrasi di Malaysia adalah demokrasi kelas ke tiga.

2. Hal ini bukanlah bermaksud Malaysia tidak baik. Malah sesetengah orang Islam seperti Arab melihat Malaysia sebagai antara pelindung Islam di dunia selain kebanyakan negara di Timur tengah.

3. Jika rakyat Malaysia boleh berfikir dan mereka ingin berfikir, mereka akan sedar semua negara Islam di dunia ini termasuk Malaysia mempunyai tahap demokrasi yang amat lemah. Ini kerana sebagai negara Islam, ada sesetengah perkara yang perlu di tegakkan dan ini memberi 'tahap demokrasi' yang buruk kepada negara tersebut.

4. Malaysia adalah negara Islam. Dan berdasarkan keadaan sekarang, Malaysia ingin kekal sebagai negara Islam sehinggalah akhir zaman nanti sekalipun pelbagai cerita yang kurang enak timbul dalam perjalanan itu.

5. Sekiranya orang-orang yang lihat Malaysia ini tahap Islamnya sangat rendah maka orang-orang ini dipersilakan merantau ke seluruh dunia baik negara Islam mahupun negara bukan Islam. Nescaya mereka akan sedar bahawa Malaysia ini Islamnya tidaklah sempurna namun Islam di Malaysia adalah yang terbaik di dunia ini.

6. Ini kerana rakyat mampu melaksanakan segala perintah wajib Islam secara aman. Selain itu juga sekiranya ada perkara yang menyentuh atau mengganggu sensitiviti umat Islam, media akan pantas menghukum sesiapa yang terlibat.

7. Bagaimanapun, Majlis Peguam ingin mencuba membincangkan permasalahan yang timbul akibat daripada memeluk Islam.

8. Secara logik pun kita dapat fikirkan, permasalahan berkaitan pewarisan harta memang akan timbul dan tidak dapat dielakkan. Masalah ini juga akan timbul sekiranya orang Islam memasuki agama lain. Maka dengan itu seharusnya isu tersebut dibincangkan dengan secara tertutup.

9. Hal ini juga tidak menjadi masalah sekiranya pihak Majlis Peguam ingin mendapatkan perbincangan dengan penasihat Islam ataupun mendapatkan penjelasan mengenai penyelesaian terbaik mengenai masalah mereka. Mereka boleh mendapatkannya dari pelbagai cawangan Islam di negara ini.

10. Walaubagaimanapun mereka mengadakan forum terbuka seolah-olah mereka ingin menunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia sebagai negara Islam memberi masalah kepada orang bukan Islam di sini.

11. Penyataan ini disokong dengan kehadiran liputan media yang datang dari negara luar. Malah melalui surat yang ditunjukkan kepada wakil kerajaan dan juga kepada pihak luar itu, Majlis Peguam inginkan reformasi kepada sistem pewarisan harta ahli keluarga Islam di negara kita.

12. Orang Islam yakni orang Melayu tidak bersedia dengan keadaan ini atau lebih senang dikatakan leka.

13. Kebanyakan orang Melayu tidak mahu berusaha untuk mendapatkan kekayaan ataupun harta di dunia ini kerana dilihat sebagai terlalu kebendaan. Hal ini lah antara perkara yang menjadi dilema bagi



orang Melayu dan Islam.

14. Orang Melayu lebih senang relaks dan tenang dalam setiap keadaan. Terlalu banyak perkara yang telah ditoleransikan oleh orang Melayu untuk orang bukan Melayu. Toleransi ini jugalah yang telah menghasilkan 13 Mei suatu masa dahulu.

15. Perkara paling utama bagi pengorbanan orang Melayu ialah hak kerakyatan. Orang bukan Melayu dibenarkan menjadi rakyat Malaysia atas syarat menerima perlembagaan yang telah dibuat pada masa dahulu.

16. Jika difikirkan ini agak menghairankan. Mengapakah hak kerakyatan terlalu berat untuk diberi oleh Melayu kepada bukan Melayu?

17. Orang bukan Melayu juga telah dihantui sehingga ke hari ini dengan perasaan bahawa mereka seolah-olah tidak menjadi sebahagian dari bangsa Malaysia walaupun mempunyai kerakyatan Malaysia. Mengapa?

18. Jawapannya ada pada Islam.

19. Semua negara di dunia ini terutama negara yang berbilang kaum mempunyai masalah yang sama sewaktu negara mereka merdeka satu masa dahulu. Ini kerana mereka perlu memikirkan bagaimana untuk mengurus kelompok bangsa yang datang ke negara mereka.

20. Di Indonesia, Thailand dan kebanyakan negara yang lain, rakyat bukan dari negara mereka dipaksa diasimilasikan ke dalam rakyat negara tersebut. Contohnya di Indonesia, bangsa Cina perlu menggunakan nama Indonesia untuk anak-anak mereka.

21. Di Malaysia Dato Onn Jaafar telah memikirkan perkara yang sama. Oleh itu beliau telah mencadangkan agar Umno dibuka kepada orang bukan Melayu. Beliau memberi cadangan yang ikhlas kerana beliau tahu bahawa akan keadaan negara kita yang berbilang bangsa.

22. Malaysia kebuntuan cadangan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Ini kerana pengasimilasian orang bukan Melayu kepada orang Melayu memerlukan satu syarat yang penting. Syarat itu adalah mereka memeluk Islam.

23. Walaubagaimanapun, orang Melayu ini terlalu baik dan terlalu waras. Mereka tahu sekiranya mereka memaksa orang bukan Islam memeluk Islam, maka mereka telah melanggar agama Islam.

24. Islam bukanlah agama paksaan. Islam tidak memaksa orang bukan Islam untuk masuk Islam. Oleh kerana itu cara tersebut tidak dapat dilaksanakan.

25. Walaubagaimanapun, kita umum tahu bahawa orang bukan Melayu yang masuk Islam dan berkahwin dengan orang Melayu dapat menukar status anak mereka kepada bumiputera yakni Melayu. Lihat sahajalah, berapa ramai anak-anak dari keluarga orang bukan Melayu yang berkahwin dengan orang Melayu menikmati status bumiputera ini. Biarpun anak-anak yang lahir ini rupa dan gayanya tidak sama seperti orang Melayu, mereka akan mendapat hak yang sama dengan bumiputera selagi mereka mengekalkan status 'Melayu dan Islam' mereka.

26. Sekiranya orang bukan Melayu boleh berfikir dan ingin berfikir, mereka dapat lihat bahawa kerajaan secara tidak langsung ingin semua orang bukan Melayu masuk Islam dan mempunyai anak Melayu.

27. Ini kerana ia akan memudahkan kerajaan mengamalkan pentadbiran Islam di negara kita. Kerajaan juga lebih mudah mengamalkan dasar Islam di Malaysia. Inilah satu-satunya pengasimilasian secara tidak langsung yang mampu diamalkan oleh kerajaan Malaysia.

28. Orang Melayu mungkin terlalu baik terhadap orang bukan Melayu.

29. Di dunia ini, hanya di Malaysia sahaja yang ada empat bahasa iaitu Melayu, Inggeris, Cina dan India di papan-papan tanda awam. Hanya di Malaysia sahaja orang bukan Melayu boleh mengekalkan bahasa dan gaya hidup asal negara mereka. Di sini mereka boleh mendirikan sekolah masing-masing dan hidup dengan gaya masing-masing. Pelbagai 'toleransi' lagi telah diberi oleh orang Melayu sama ada sedar atau tidak.

30. Lebih kasihan apabila orang Melayu tidak sedar akan perkara ini. Sehingga ada ramai orang Melayu yang melihat bahawa itu sebagai pengorbanan yang terpaksa dilakukan sekiranya orang Melayu ingin hidup bersama orang bukan Melayu secara aman.

31. Maka, perlahan-lahan mereka mula menerima orang bukan Melayu sebagai satu bangsa lain dan tiada usaha untuk mengasimilasikan orang bukan Melayu kepada orang Melayu dibuat.

32. Kesalahan orang Melayu adalah membiarkan dan menerima ketiadaan usaha asimilasi ini dan kesalahan orang bukan Melayu adalah kerana mereka menyangka yang mereka tidak perlu untuk mengasimilasikan diri mereka kepada orang Melayu.

33. Maka dengan itu, orang bukan Melayu pun semakin berani meminta sesuatu dari negara ini kerana mereka rasa tanggungjawab mereka kepada negara ini sudah dilaksanakan walaupun tanpa disedari tanggungjawab yang lebih besar iaitu mengasimilasikan diri ke dalam kaum Melayu masih tidak dilaksanakan.

saya sentiasa percaya Pak Lah (sauadari panggil "Dollah") masih pemimpin UMNO terbaik yang ada sekarang yang masih aktif. Kalau tidak tak kan Tun pilih dia sebelum melepaskan jawatan PM dahulu. Cuma barangkali nak pinjam istilah Tun (sorry kalau tersilap) iatu "Pak Lah lembik" yang bermaksud Pak Lah sedar tetapi tak mempunyai kekuatan membetulkan keadaan. Lama kelamaan Pak Lah terikut2 penasihat2 beliau yang tak berapa jelas arahnya.

Saya berpendapat Pak Lah kena lah ikut nasihat Tun, sebab Tun lah yang pilih dia dan Tun lebih berpengalaman. Satu perkara lagi Pak Lah baru berapa tahun jadi PM, beliau kehilangan isteri dan sedang mengalami proses penyesesuaian hidup baru. Berilah peluang kepada beliau.

Saya sokong Pak Lah dan juga Tun. Tetapi harus ingat Pak Lah berubah sikit2 kerana orang2 sekeliling nya mempengaruhi dia. Kalau kita semua duk cuba pengaruh Tun lama kelamaan pun mungkin Tun terikut2 kita juga. Mungkin Tun tegas, susah nak terikut2 rentak.

Tun dan Pak Lah tidak kenal saya, maka tak ade unsur "bodek". Mungkin saya saya silap tetapi blog Tun ini dapat juga membantu saya buat pertimbangan dengar pandangan2 lain seperti saudari.

Saya orang melayu beragama Islam hanya ikut yang mana lebih benar. Dato Hadi dan Ustaz Nasharuddin Presiden dan Timbalan Prtesiden PAS pun dah mula saya respect. Saya terus terang katakan orang paling layak ganti Pak Lah ialah Dato Hadi kalau lah dia dalam Bnasiona. Malahan saya mengidamkan beberapa pemimpin PAS yang ada sekarang ini menjadi Menteri bersama2 dengan pemimpin UMNO.

Saya harap Saudari dan rakan2 muda seprti saudari terus berjuang untk orang2 Melayu.

By dospenang on August 15, 2008 8:45 PM

SALAM TUN,

Sesuatu yang jarang terjadi di MALAYSIA, apabila perbezaan kaum, kritikan terhadap sesuatu kaum atau mencari kelemahan dalam salah satu kaum dan agama menjadi TOPIK PERBUALAN UTAMA.

SAYA MELIHAT KEJADIAN INI AMAT MEMALUKAN DITAMBAH KITA BERADA DALAM 'BULAN KEMERDEKAAN'.

Semua RAKYAT PERLU BERSATU PADU DAN MENGEKALKAN KEHARMONIAN YANG DIBINA LEBIH DARI SETENGAH ABAD YANG DIBINA ATAS PERASAAN BERTOLAK ANSUR DAN SALING MENGHORMATI PEMIMPIN-PEMIMPIN SETIAP BANGSA DAHULU.

BAR COUNCIL mempunyai TANGGUNGJAWAB MELETAKKAN UNDANG UNDANG pada tahap yang perlu dihormati oleh seluruh warga MALAYSIA .

SEBAGAI SEBUAH BADAN PROFESSIONAL MEWAKILI Peguam-peguam NEGARA, BAR COUNCIL SEPATUTNYA BERTINDAK MELINDUNGI KEHARMONIAN NEGARA.

Saya amat hairan mengapa BAR COUNCIL TIDAK MEMBELA MALAYSIA apabila PEMIMPIN-PEMIMPIN USA CUBA MASUK CAMPUR TANGAN DALAM HAL EHWAL NEGARA.

Saya juga BERSETUJU CADANGAN dari seorang MENTERI KABINET 'MENGAPA TIDAK BAR COUNCIL MENGHANTAR MEMORANDUM KEPADA KEDUTAAN USA MEMBANTAH CAMPUR TANGAN DALAM HAL EHWAL DALAMAN NEGARA MALAYSIA'.

PEHATIAN!!!!!!!!!! BAR COUNCIL

Saya MEMOHON BAR COUNCIL

'MENGAMBIL CONTOH HUBUNGAN ERAT YANG TERJALIN DI ANTARA LEE CHONG WEI, PEMAIN BADMINTON NEGARA DAN JURULATIHNYA, MISBUN SIDEK YANG MELAMBANGKAN SEMANGAT MUHIBBAH WALAUPUN BERBEZA KAUM DAN AGAMA'

HUBUNGAN SEPERTI AYAH DAN ANAK INI HARUS MENJADI TELADAN SELURUH RAKYAT ATAU 'BANGSA' MALAYSIA.

PENULIS: HAIRAN MENGAPA KITA DI BAWAH SATU BUMBUNG PERLU BERGOLAK SEDANG ANASIR LUAR SEDANG BERTEPUK MELIHAT KEKUCARAN RUMAH MALAYSIA.

TERUSKAN MENGUNDI MENDESAK PAK LAH SUPAYA MELETAK JAWATAN:

<http://www.PetitionOnline.com/PakLah/>

VOTE SEGERA DEMI MALAYSIA!!!!!!!!!!!!!!

WASALAM

By pencetak sinar on August 15, 2008 9:31 PM

Salam buat Tun yang dihormati,

Saya menyokong kenyataan yang Tun buat. Demokrasi secara umumnya sangat selari dengan Islam. Maka pelaksanaan yang betul mampu memberi manfaat sebaiknya pada negara.

UMNO kini sudah tidak relevan pada bangsa melayu, langsung tidak dapat dibandingkan dengan awal penubuhannya seperti yang Tun ceritakan. Sama seperti demokrasi, UMNO juga rosak kerana kepimpinannya yang korup. Ia perlu ditajdidkan supaya kembali relevan. Sebelum itu sebaiknya Malaysia jatuh ketangan PR untuk memberi pengajaran pada UMNO.

Ramai yang takut ini akan menjejaskan hidup mereka. Tapi bila difikirkan kembali dengan tindakan Dollah baru-baru ini, rasanya tak mungkin PR dapat bertindak dengan lebih kejam.

BN kini perlu tunduk pada banyak pihak. Yang paling ketara adalah pada Sabah, Sarawak malah Singapura.

Oleh itu sebaiknya BN berundur untuk memperbaiki diri dan apabila telah pulih, kumpulkan tekad dan kembali berkhidmat untuk rakyat.

By lily on August 15, 2008 10:03 PM

terima kasih kerana menulis blog ini..

inilah sumber rujukan/bacaan yang mesti saya baca setiap pagi..

dulu saya tak minat subjek sejarah sbb kena byk baca dan ingat...

susah nak ingat bila kita kurang faham apa yang dibaca..

tapi dalam ni, byk benda yang saya dapat dan byk yg saya semakin fahami..

terima kasih Tun..

dan terima kasih jugak kepada yang memberi komen..

By Saya Taktau on August 15, 2008 10:25 PM

Tun,

Terima kasih kerana memberi info yang sangat bernilai terutama bagi generasi baru ni. Kalau mereka

baca tulisan Tun ini mereka tentu dapat melihat balik sejarah dan memahaminya. Mereka akan menjadi sayang kepada negara.

Terima kasih jugak saya ucapkan kepada Tun kerana saya baru saja menggunakan idea Tun untuk menjelaskan tentang kemerdekaan negara kita kepada mereka yang tak tahu sejarah. Kalau saya tak baca tulisan ini pening juga nak menjelaskannya.

Tun,

Tuliskanlah lagi perkara-perkara sejarah yang berlaku sejak Tun mengenali politik tanah air terutama zaman Tun muda-muda dulu. Bagaimana pengalaman Tun memperjuangkan kemerdekaan dan Melayu sehingga digelar ultra dan macam-macam lagi. Peristiwa-peristiwa zaman Jepun yang menarik dan lain-lain. Kami tak jemu membaca. Buku sejarah pun tak banyak. Harapkan tulisan Tun saja. Kalau ada buku pun tak faham baca. Tebal dan ceritanya akademik sangat. Bahasa Tun mudah difahami. Bersahaja dan sederhana. Kalau boleh tu tulislah dalam bahasa Melayu. Kalau tulis dalam Bahasa Inggeris buatlah terjemahan. Bukan apa kalau ada terjemahan tu boleh juga belajar Bahasa Inggeris percuma dari Tun.

Sekian. Semoga Tun sekeluarga berada dalam keadaan sihat selalu.

Wassalam.

By Tauke Kedai on August 16, 2008 12:26 AM

Tun,

Perjuanganmu belum selesai.

<http://www.youtube.com/watch?v=63UAaoG9MIg&NR=1>

By jalurgemilang57Author Profile Page on August 16, 2008 12:37 AM

good evening tun,

sebelum pilihanraya permatang pauh,mintak bangkit darah merah dan putih tulang.kita tengok sokongan dan pegangan majoriti.

dia kata tun nak lari bila dia ambil alih kerajaan.sakit hati saya dengar berita macam ni.cuba baca naskah keadilan yang baru.

kalau dendam dia kuat kuat lagi semangat yang akan lawan dia.itu dia tak sedar.

tapi dalam,kebelakangan ini terdapat keraguan semacam dalam kumpulan mereka.

suruh semua sembahyang kuat.pasti ia punya kumpulan dan ahli ahli akan guna dan hantar tenaga melemahkan semangat.

semalam saya tengok pak lah macam buntu pemikiran dia.kalau di kaca tv dia tak dapat menunjukkan semangat yang kuat macam mana orang nak yakin.

yakin adalah ilmu yang paling tinggi dan kuat tiada tandingan.

datuk najib pun sama.usaha yang ikhlas dan bai serta kerja kuat akan menjayakan sesuatu apa pun.selain nya serah kepada tuhan.

something is better than nothing

fail and try is better than to do nothing at all.

where there is a will there will always be a way.

datuk shahrizat kena jaga jaga .i think they have also picked her in heir category to hit.kalau semangat kuat dia orang pun tak boleh buat apa apa.

kita sama sama lihat kejayaan yang akan datang.

mari kita bangkitkan darah mearah dan putih tulang lambang perjuangan dan kesetiaan kepada negara yang tercinta.

sekarang ini pun dimana mana saya tengok orang ramai sudah pun pakai merah.jangan pula pakai merah pasal saya.pakai merah untuk melambangkan semangat perjuangan ,satu padu,satu jiwa dan satu masyarakat.orang asing tak ada tempat walau satu kaki pun di tanah bumi bertuah ni.

"tepuk dada tanya selera"

" dimana bumi kita pijak di situ langit akan kita junjung"

"berat sama sama kita junjung ,ringan sama kita jinjing."

dalam pilihanraya sungguhpun itu kubu kuat ,tapi memang pernah tumbang.apa yang lebih penting,dalam pertarungan ini di sebelah sana saya sudah kesan bahawa sudah ada ragu ragu.doubt is a dangerous enemy.kita akan kalah kalau sebelum pertandingan lagi sudah ragu ragu. sabun mandi saya di curi.selepas beberapa hari minyak wangi saya di curi dari kereta.semua orang dia punya kerja.biarlah dia cuba apa saja yang dia mahu.usaha dan yakin itu lebih kuat bagi menjamin kejayaan dari segalanya. marilah kita berbangkit membuktikan kesetiaan itu lebih kuat dan mantap.

By zairulAuthor Profile Page on August 16, 2008 12:52 AM

Penjelasan sejarah yang penuh maklumat.Dapat membuka mata ramai yang selama ini tidak didedahkan dengan fakta-fakta ini.

<http://www.zairulnnuar.com>

By azienmat on August 16, 2008 1:10 AM

Oh macam tu ka...

Bagusnya demokrasi kalau kena caranya.. Demokrasi telah terbukti adalah sistem yang terbaik yang telah diguna pakai oleh penduduk bumi, walau ada bermacam perpekstif dan definasi yang kita dengar berkenaan demokrasi.

Sampai masa nanti, apabila percanggahan diantara 'mazhab2' dalam demokrasi ini tidak dapat dibendung, sudah barang tentu khalayak tidak percaya sistem ini lagi.

Kita tunggu apa nama yang akan muncul kelak..

Hadhari..? Madani..? Kuli..

By jobs4seekAuthor Profile Page on August 16, 2008 1:49 AM

Saya amat berterima kasih kepada Tun kerana mengembalikan senario sebenar mengenai sejarah pemimpin serta pejuang negara. Ia memberikan sedikit kesedaran kepada kita akan pentingnya pilihan serta keputusan yang kita buat dalam memilih pemimpin. Terima kasih Tun.

By DinKakYah on August 16, 2008 2:44 AM

Dear Tun,

Apa yg sbenarnya DSAI cuba nk provekan? His innocence? That he's better leader?.. and all that at the expense of nation's stability and harmony.

God bless Malaysia.

By catwoman on August 16, 2008 9:53 AM

dear beloved tun

sokong 100% especially no 9,23,24

hidup tun.... cayang tun....

saya salah seorg yg bersetuju sangat2 masa tun pecat dsai walaupun sebelum itu tun nampak amat menyayangi dan anggap dia seolah2 sebagai pewaris yg akan tun mould menjadi pemimpin yg berjaya satu masa nanti....

'air yg tenang jgn disangka tiada buaya...'

u are clever u know...syukor....

merdeka! merdeka! merdeka!

By fazumi on August 16, 2008 12:32 PM

salam buat tokdir dan nek hasmah...

salam semua...

saja nak tanya...  
UMNO untuk orang Melayu...  
Pemimpin2 kita yg terdahulu berdarah melayu...

Paklah macamana???Melayu jati ker???

Just nak tanya asal usul...  
isteri pertama paklah keturunan apa yek?  
isteri sekarang keturunan apa yek???

anak2 paklah keturunan kacukan apa yek...  
menantu2 paklah keturunan apa yek...

yang selalu jadi topik kroni paklah keturunan apa yek???

kalau ada yang tau tolong bagitau ye...nak info yg lebih tepat..

thank you...

buat tokdir...  
walau apa yg terjadi...Melayu takkan hilang di dunia...  
teruskan perjuangan mu...

saya bangga dilahirkan Melayu sejati...

By EzatAuthor Profile Page on August 16, 2008 12:32 PM

Assalamualaikum Tun,  
saya seorang pelajar yang berumur 16 tahun. Saya bangga dengan Tun sewaktu Tun memerintah nagara Malaysia ini. Namun apabila Paklah memerintah semuanya jadi huru-hara. Apalah nasib Negara tercinta ini. Tun tubuhkanlah sebuah parti baru. Saya percaya pasti ada dikalangan remaja pada zaman sekarang akan menyokong Tun. Kami perlukan Tun untuk membangunkan Malaysia pada zaman sekarang. Justeru menyingkirkan pemusnah Bangsa.  
HIDUP TUN..!!

Wassalam  
By joeHenry on August 16, 2008 7:28 PM

Tun, AAB ought to follow well established tradision in UMNO to let go of his post as President of UMNO and the post of Prime Minister to avoid further deterioration of support for UMNO and BN.  
By W on August 16, 2008 7:51 PM

- 1) Sejarah adalah sebagai peringatan. Pemerintahan Tun adalah sejarah lepas, penggantinya adalah warisan Tun kerana demokrasi atau legasi?
- 2) Tun adalah arkitek Wawasan 2020 tetapi sebagaimana j/hayat projek, ia blh disifatkan diperingkat pra pelaksanaan. DSAAB adalah legasi sebagai (mungkin) pelaksana perancangan tsb. walubagaimanapun ingkar. Salah siapa. Adakah salah visionary think tank? Wallahualam. Walaubagaimanapun, apakah saranan Tun sekarang? Hanya dengan menjatuhkan DSAAB dan menaikkan calon yang Tun sukai Rais/Muhyiddin? Apa jaminan mereka juga tidak mungkir apabila melihat pintu khazanah ternganga di depan mereka. Tiada jaminan juga.
- 3) Yang arwah tetap pergi ttp meninggalkan segolongan Melayu yang diharapkan utk melaksana 2020. Apa jadi dgn mereka sekarang tiada haluan setelah dikerah dan telah bersedia (walaupun setengahnya adalah penanggung di air keruh). Sebagai arkitek, Tun mesti bertanggungjawab. Silap adalah lumrah



manusia tetapi mengulangi kesilapan buat kali kedua adalah mengundang bencana buat negara merdeka.

By adilazami on August 16, 2008 8:52 PM

Bodoh.... Bodoh... Bodoh....  
Kekecewaan aku makin bertambah...  
Jahaman lah Malaysia...  
Jahaman lah Melayu...

Tiada lagi Malaysia...  
Tiada lagi Melayu...  
By aiakelate on August 17, 2008 12:20 AM

Assalamualaikum ayahandaku TUN,

Ya Allah tunjukkanlah hambamu ke jalan yang benar, ke mana lagi harus kami tuju.

Apabila politik dan agama dicampur semua menjadi keliru.

Apabila pemimpin mengeluarkan kenyataan tanpa memikirkan apakah akibat dan kesan dari kenyataan itu.

Mengenai kes Saiful dan Datuk Seri Anuar Ibrahim hanya Allah sahaja yang tahu.

Saya berpendapat tiada lagi komen mengenai Saiful dan Datuk Seri Anuar Ibrahim, insyaallah.  
By poklohAuthor Profile Page on August 17, 2008 12:21 AM

Tun,  
Nampaknya tak habis-habis Tun menyerang DSAI setelah Tun sumbatkan dia ke dalam penjara. Adakah Tun masih berendam dengan DSAI sehingga Tun masih tidak dapat melupakannya sehingga kini. Atau Tun telah menjadi mangsa yang dizalimi DSAI.  
Bagi saya biarkanlah DSAI meneruskan hidupnya sendiri, apa-apa dosa yang dia lakukan dia akan tanggung sendiri di akhirat, Mengikut ajaran Islam, apabila kita dizalimi, kita rujuk kepada peraturan Allah untuk mendapat keadilan di dunia, dan berdoa menyerahkan kepada Tuhan untuk menanggung si penzalim itu. Kita tahu doa mangsa yang dizalimi tidak ada hijab.  
Kalau berterusan menyerang isu peribadi, itu bermakna mencerubuh hak asasi individu dan tidak lagi demokratik.  
By samdul on August 17, 2008 12:51 AM

Info yg Tun tulis ni sebenarnya dah ada jual kat kedai buku, cuma korang je yg kurang prihatin. Kalau kau orang tak suka sangat kat Anuar Ibrahim tak pe, habis pemimpin UMNO tu baguih ka sekarang???  
Perabih duit rakyat je, salah guna kuasa, tumbuk rusuk/rasuah, dll. Semua ni adalah warisan dari pemerintahan TUN yg memang akan ambil masa(mungkin lagi 7 keturunan).  
By hajimatAuthor Profile Page on August 17, 2008 9:46 AM

Salam kasih buat Tun dan keluarga,

Saya doakan semoga Tun sentiasa sihat dan panjang umur untuk terus menulis dan memberi pandangan yang membina. Walau pun agak lewat saya mendaftar untuk blog Tun, tapi saya sentiasa mengikuti perkembangan dan setiap tulisan Tun sejak dari awal lagi hampir setiap hari.

Banyak yang telah saya pelajari dari blog ini dan rasanya banyak lagi yang perlu saya cari. Amat terasa sekali betapa daifnya saya dari berbagai segi ilmu tanpa membaca tulisan Tun.

HIDUP TUN DR MAHATHIR!

By arikAuthor Profile Page on August 17, 2008 11:39 AM

Bagi saya Umno patut merasa kekalahan , supaya umno sedar dari kesilapan yag telah dilakukannya , kalau asyik menang sahaja menyebabkan Umno akan lupa diri. Itulah pandangan peribadi saya , itulah pandangan demokrasi saya .

By terbelit\_sembelit on August 17, 2008 3:22 PM

assalamualaikum tun...

dunia dah berubah, zaman dah maju...

By sitinur on August 17, 2008 4:56 PM

tumpang lalu bapak....

to oranglama...pada saya kalo jati diri sesorang tu tinggi tak kira siapa ada di sekeliling kita..tak siapa boleh ubah diri kita...

dollah bukan budak2..dah tua dah...jgn sampai orang kata tua saja..

kelemahan dollah kerana dirinyer yg takder jati diri dan tak hormat dirinyer sendiri ape lagik hormat kan orang lain...saya tak salah kan bapak kerana bapak sentiasa baik sangka pd org lain n dollah kalo tak silap pilihan menteri2 kabinet...saya hanya akan menyokong org yg mengutamakan melayu n tidak meminggirkan bangsa lain...

pemimpin yg hanya pentingkan anak beranak n keluarga....no way mannn.....jgn marah arrrr

oranglama....peaceeeeeeeeeee..cheerssssss...makasih bapak...salute kat bapak.....

By kamelia on August 17, 2008 9:20 PM

Excellent Tun! Always Proud of You

By ammarDM on August 18, 2008 12:05 AM

Assalamualaikum Tun..

Kita banzaiiiiiiii....

By lailawitra84 on August 18, 2008 10:57 AM

saya sebelum ni memang tak ambil tahu dan ambil kisah tentang hal dalaman dan politik tanahair sendiri iaitu malaysia, tapi sejak kebelakangan ni bila melihatkan begitu banyak pergolakan yang berlaku yang kadangkala boleh mencetuskan pelbagai isu yang boleh membawa kepada perpecahan rakyat, saya mula mengambil langkah untuk menimba seberapa banyak maklumat yang boleh yang berkenaan dengan warna warni politik tanahair kita dan ruangan chedet ni telah membuat saya sedar dan membuka mata tentang banyak perkara dan memberi saya banyak informasi dan peluang berfikir daripada ilmu dan pandangan bernas dan ilmiah seorang tokoh negara yang sangat saya hormati dari segi cara pemikiran beliau iaitu tun sendiri...saya sangat kagum dengan pandangan tun dan cara tun berfikir walaupun dalam usia tun sebegini, tun masih mampu menghadihkan kami para pembaca dengan buah2 fikiran tun yang masih kelihatan segar dan rasional....saya semakin sayang dan cinta pada negara dan bangsa agama saya sendiri.. terima kasih tun...

By pandakedah on August 18, 2008 11:39 AM

Salam Tun,

Moga Tun Sihat dan dirahmati Allah S.W.T.

Tun, saya tak dak pa nak kata buat masa n.Saya harap Tun terus perbetulkan apa yang tak betul la ni..

Tima Kasih.,

By khairi ali on August 18, 2008 11:56 AM

assalamualaikum Tun,

Saya baca dengan penoh minat terhadap perkembangan demokrasi di Malaysia, terutamanya semasa menuntut kemerdekaan dan selepas merdeka. Kesimpulan Tun terhadap demokrasi yang disifatkan sebagai mendatangkan kebaikan, dan ketidakbaikannya adalah kerana pengundi yang tidak

menggunakan dengan bijak, tidak dapat diterima oleh saya. Ini kerana, pada pemerhatian saya, pemahaman tentang tata kehidupan Islam tidak difahami sepenuhnya. Malah saya tidak boleh terima jika dikatakan tata kehidupan Islam tidak diaplikasikan sepenuhnya. Sebabnya, hingga ke hari ini pun tata kehidupan Islam tidak dibicarakan dengan sepenuhnya, melainkan secara kontekstual, prinsip, hukum, syarak, kemanusiaan dan sebagainya. Maksud tata kehidupan Islam yang sepenuhnya ialah tentang struktur yang di taja oleh Islam, atau saya istilahkan sebagai struktur Islam dalam kehidupan/kelangsungan kehidupan manusia seluruhnya. Saya telah pun menulis hal ini dalam ruangan tajdid dot com, dan di ruangan tersebut juga telah dinyatakan kelemahan yang ada pada demokrasi. Dengan itu, barulah saya dapat terima bahawa kelemahan Islam adalah kerana umatnya yang tidak melaksanakan Islam sepenuhnya. Lantas, ini hanya mengundang kepada pelbagai musibah kehidupan. Jika diperhalusi banyak unsur Islam dan termasuklah struktur Islam yang telah digunapakai oleh bangsa-bangsa yang maju, termasuk Barat. Cuma mereka tidak faham, atau tidak mahu faham, bahawa kejayaan mereka itu adalah kerana memenohi tata struktur kehidupan Islam, dan bukannya demokrasi, atau ketinggian dalam mengamalkan prinsip-prinsip kemanusiaan.

Lantaran itu, sama ada orang Melayu-Islam, atau bangsa Malaysia sekalipun, pastinya akan menerima pelbagai musibah kehidupan jika apa yang terkandung dalam tata struktur kehidupan Islam disisihkan.  
By WanJ Peraksi on August 18, 2008 1:57 PM

Salam Tun,

Saya setuju sangat tentang tulisan "orang Melayu sekarang" yang panjang lebar menceritakan tentang rasuah secara moden oleh Pak Le....Lah, menantu dan kuncunya.

Tapi ada beberapa perkara yang saya ingin tambahkan sedikit:-

1. Rasuah oleh Pak Le....lah, Khairy, Kamaruddin, Dato Tajuddin (PA) DII-dimanakah letaknya BPR, Polis dan badan bewajib, kenapa tidak siasat setelah menerima laporan dari pihak pembakang, juga dari bloggers, dan yang terbaharu dari sahabat saya Dato Kadar Sahah Ninam Shah & Dato Mazlan Harun, adakah mereka ini ada kepentingan politik atau orang Anuar atau lain? mereka ini semuanya hartawan yang banyak duit dan bagi saya apa yang dilapurkan adalah untuk Negara, Bangsa & Uagama, bukan kepentingan dirinya. Tapi tindakan BPR sangat slow, kes Menentu Nik Aziz, cepat sangat disiasat.
2. Projek2 khas- hanya tender terbuka yang diuruskan oleh mereka untuk mengaburi mata rakyat jelata sahaja, banyak kontrek dapat kepada kroni Khairy contoh "Pembesaran Jambatan Sultan Yahya Putra di Kelantan) Ketua Pemuda dapat dan jual kpd Dato Ismail, Redland, tapi dalam dokumen JV kononnya.
3. MAYC -telah dipergunakan oleh Syed Hamid, bagi membantu setiausaha MAYC (Syed A. Rahman) yang juga kroninya untuk mendapat beberapa projek di Trengganu yang menggunakan adik Syed A. Rahman iaitu Syed Aziz Mereka ini akan menolong Syed Hamid di KT.
4. Azlina Othman- Sebelum pilihan raya ke12, telah meluluskan bayaran kepada syarikat yang dipunyai oleh Syed A. Rahman (Sec. MAYC) dan Syed Aziz bagi menyediakan latihan yang mana latihan tersebut tidak dibuat sebagaimana yang sepatutnya, tapi pihak syarikat Sec. MAYC dan Adiknya telah menghantar bil dan pihak Kementerian Belia telah membayarnya adakah ini tidak salah?. BPR tulong siasat.
5. Kes gangguan seksual oleh bekas menteri- BPR dan polis tulong jumpa Dato Kadar Shah orang tengah dalam hal settlement dengan pengadu, pasal pengadu tersebut adalah kakitangan Kadar Shah- Minta tulong Najib siasat pasal menteri ini adlah orang kuatnya.
6. Perlantikan Menteri, Timbalan Menteri Dan Senator2 oleh kabinet Pak Le....lah.- Seorang Timbalan Menteri adalah ketua gengster di Perak, tapi diagungkan dan ditabal sebagai Tim. menteri....begitu juga seorang Senator kaki perempuan dan pernah dituduh mengaggu PANYA (Sexual) tapi tutup kes settlement outside pay RM200,000. kpd pengadu, tak adakah cara lain untuk menyiasat akan background mereka ini..sebelum dilantik ?.
7. Kes Sumpah Dan Liwat Saiful- sebagai rakyat Malaysia yang setia saya ingin bertanyakan kepada Pak ...Le....lah, Dan Najib siapakah dia Saiful ini ?, pasal kedua-duanya asyik memberi komen terdapat kes ini,

kalaupun saya jadi PM atau TPM, jawapan saya senang saja, polis masih menyiasat. bukan komen berjelor....

8. Tentang UITM 10% nonbumi...\_Tun dah mengaku akan kesalahan juga dalam hal ini, begitu juga Akta University & Kolej, Apakah sanggup Dato UITM berdemoskrasi kepejabat Tun?....

9. Kepada Polis, BPR, tolong siasat harta benda Bekas Menteri, Tim Menteri, KP, TKP, KSU, TKSU dan lain-lain selepas mereka pencen atau berhenti dari memenggang jawatan kerana apa yang saya tahu, mereka ini sangat kaya raya dan banyak harta.....

Maaf Tun guna blog Tun untuk menceritakan benda yang tersirat.

Salam Tun.

By cek on August 18, 2008 2:41 PM

Assalamualaikum Tun,

Semoga Tun sekeluarga sihat dan dirahmati Allah selalu. Kepada yang fanatik tentang Anwar tu, terpujanglah. Bukalah mata dan bukalah hati hangpa luas-luas, lihatlah betapa liciknya Anwar bermain dengan kata-kata, madah berhelah dan kepetahannya bicaranya.

Terus terang Tun, saya menyokong penuh tindakan Tun terhadap DSAI semasa di bawah kepimpinan Tun. Big NO to DSAI as our PM!!

Tun, please take care...

By tongkancina on August 18, 2008 3:24 PM

salam TUN. u r my hero..nothing much i could add to your views and ideas but than a thumb up for u.keep on writting to enlight me and the rest fellow MALAYSIAN.keep up the good job TUN.may allah bless us MALAYSIAN with mercy.

By rakyatengah on August 18, 2008 5:04 PM

Assalamualaikum,

Dear Tun & all(terutama Melayu),

Demokrasi.. terlalu banyak kekurangan nya di Malaysia.

Daripada Tiada(sebelum kita dijajah) kepada ada semua berlaku sebabnya satu. kita cuba berubah kepada keadaan yang lebih baik. Kita sanggup berubah, menerima satu satunya sistem yang menjadikan Malaysia seperti sekarang.

DAn didalam sistem yang tampak adil ini, satu satunya benda yang dirampas ialah keadilan itu sendiri. Tapi yang pasti ketika itu kita sanggup berubah. Untuk berubah banyak pengorbanan yang dilakukan.

Suara diberi dan ditarik. Bangsa non bumi dinafikan hak sebagai rakyat malaysia. Hak istimewa bumi di angkat setinggi-tingginya. Apakata ketika mengundi vote non-bumi dikira 0.5 perperson. Boleh kot. Apa melayu sudah menjadi tidak adil, apa islam mahu manusia berpecah belah.

Kekuatan orang kafir(majoriti non-bumi) semakin kuat. Bukan saya tidak mahu mereka kuat, yang saya mahu kita sama-sama kuat.

Kenapa keadilan menjadi isu yang sangat besar disini.

Bilangan penduduk sekarang dengan dahulu tidak sama. Dulu mungkin mereka boleh mendiamkan diri. Tetapi sekarang, walaupun nisbahnya masih sama tetapi dengan bilangan yang bertambah, bilangan mereka yang menjadi tulang belakang kepada malaysia, sekarang malaysia telah didominasi oleh mereka tidak secara kuantitatif tetapi secara kualitatif.

Ketidakadilan ini mengarah kepada kemusnahan melayu( Mungkin Melayu, bangsa yang paling racist dimuka bumi). Semakin hari semakin tebal perasaan benci didalam hati mereka. Mereka(Cina &India) semua lahir untuk mengejar dunia. Menyebabkan dengan sistem ini, yang menekan mereka, dunia ini lebih menjadi matlamat utama. Dendam yang kita sendiri tanam kedalam dada mereka akan menimbus diri kita sendiri. Sejauh mana UMNO percaya kepada MCA, sejauh mana MIC percaya kepada UMNO. MCA & MIC akan terus memperjuangkan bangsa mereka sendiri sebab itu cabaran yang diberikan oleh UMNO secara tidak langsung. Sejauh mana UMNO mampu mengawal kemaraan bangsa bangsa lain( Jika tu matlamat dalamannya). Yang ditakuti nanti dengan meneruskan sistem ini, benci semakin menebal, kekuatan semakin bertambah, dan dengan izin Allah, melayu tidak mustahil akan hilang segala taringnya, tersungkur menyembah bumi.

Ini akan menjadi penghalang kepada kemajuan. Semua cuba menuju ke arah kemajuan yang dikemudi oleh kerajaan. Pasti ketika sampai ketitik pertembungan, negara akan musnah. Sikap benci org melayu yang ditanam oleh UMNO akan mencetuskan perbalahan antara kaum.

Agama islam menghalang ketidakadilan bahkan kepada sesiapaapun (saya bukan half hindu half muslim, i am thankful i am muslim, but i am not proud to be malay). Seperti sebelum ini telah saya katakan percaturan mengunnakan sistem berterasskan bangsa satu, percaturan yang tinggi nilainya. untuk kita kembali kepada keadaan bersatu sesama bangsa lain, amat susah apabila telah tertanam rasa benci antara satu sama lain. Nilai islam telah lama ditolak oleh Cina India(majoroti bukan islam) hanya disebabkan untuk memperjuangkan hak melayu ini. Nanti ditanya tuhan kenapa di tolak islam, takut nanti malayu menjadi alasannya. Saya ambil kesempatan ini untuk menyampaikan kepada parti PAS kalau ada yang baca la blog TUN ini, kerana mereka ini pejuang pejuang bangsa, jangan lah dilayan kehendak diri untuk memperjuangkan bangsa kerana agama itu lebih utama jangan menabab benci org rog kafir kepada agama yang suci ini. tunjukkanlah keadilan itu walaupun pahit untuk diperjuangkan. Jangan sampai keindahan islam itu dibenci disebabkan semangat melayu yang langsung tidak sama taraf dengan agama Allah yang suci ini.

Seperti kata saya diatas, kita pernah berubah, mungkin sekarang kita boleh berubah sekali lagi, kerana perubahan sentiasa kearah mencari keadaan yang lebih baik. Tidak saya katakan perubahan ini akan kekal baik kekal membantu, tetapi kita seharusnya mencari jalan untuk berubah. Tun mungkin tidak boleh berubah lagi, your mindset is totally programmed. Mungkin hanya dengan sedikit hati yang luhur yang mana ada keindahan iman yang Allah sematkan dalam hati yang keras itu mungkin ada runag untuk belas dan kasihan bukan kepada bangsa lain tapi cukup kepada rasa hati sendiri yang telah lama ditutup dari cahaya kesaksamaan sesama manusia(taknak guna perkataan keadilan nanti Tun faman lain)

Keadilan sesama bangsa diberikan, banyak yang kita boleh capai. bukan untuk merosakkan bangsa sendiri tetapi menjalankan amanah yang Allah berikan, bukankah itu tugas pemimpin, tugas umat islam. Kenapa perlu di sempitkan keadilan hanya sebab bangsa melayu. Melayu sekarang tidak ada bezanya dengan orang kafir. Mungkin ia terlalu berat untuk Tun dan rakan rakan melayu terima, tetapi mungkin sayu hati saya nanti di akhirat kelak, bila nanti pemimpin2 melayu menghadap Allah kelak. Tidak terbayang ketika itu berapa kecil nya nilai melayu, berapa mudahnya untuk menjalankan keadilan. Wallahualam.

Hanya pendapat.  
By cmed on August 18, 2008 10:43 PM

hi Tun,

apa blh buat tun. kn melayu mudah lupa..

cmed,  
By tarmizy on August 18, 2008 11:57 PM

Assalamualaikum Tun

AUKU,

Terima kasih yang tak terhingga dari saya kerana saya telah dapat penjelasan yang amat berharga bukan hanya untuk saya bahkan untuk pelajar khususnya dan rakyat malaysia amnya  
By dee54 on August 19, 2008 1:23 AM

Salam TUN,

Kepimpinan dahulu sehinggalah bapa kemodenan Malaysia dibawah kepimpinan TUN dapat kepujian di seluruh dunia termasuk negara negara ketiga yang berlumba lumba mencontohi MALAYSIA, tetapi Pemimpin sekarang di terajui oleh DSAAB negara menjadi tidak menentu, keyakinan raayat terhadapnya menurun dan ditambah dengan tekanan inflasi yang teruk. Sesiapa ingin menjadi pemimpin di peringkat cawangan (UMNO) pun perlu gunapakai politik wang untuk membeli perwakilan sebelum menang menjadi pemimpin dalam Parti.

Raayat kini mencari cari pemimpin yang berani dan ikhlas dan jujur seperti dahulu... SIAPA?...  
By anjvnabeatAuthor Profile Page on August 19, 2008 1:30 AM

Tun,

Jika begitu saya rasa pasti ramai yang mahu Malaysia ditakbir sepenuhnya kuasa-kuasa raja dan sultan. ini boleh menyekat orang bukan melayu untuk menjadi pembelot negara dan menjadikan konsep Malaysian Malaysia yang tak pernah mereka hentikan itu di Malaysia. Secara sejarahnya, Sino-Malays riots series dan peristiwa 13 May itu adalah menyedihkan, dan yang ini yang kami semua risau Tun. Jika Anwar menjadi PM, Tun akan keluar negara, bagaimana pula dengan kami yang antara atas pagar, tidak tahu siapa patutnya menjadi pucuk pimpinan negara. Atau sebelum orang bukan Melayu memegang pucuk pimpinan negeri-negeri, kami rakyat risau tentang riots. Namun, jika pemerintahan sistem raja berkuasa digantikan dengan sistem demokrasi yang ada, itu amat bagus. Apa pendapat Tun?

Fadly Fahmi Mokhtar

By nine on August 19, 2008 8:43 AM

salamz tun & rakyat malaysia

Saya amat berHARAP agar manusia "MELAYU" akan sedar diri dan berjuang ke jalan ALLAH. Dengan keKHLASan walau pahit, insyaALLAH akan terbina masyarakat MALAYSIA yg lebih harmoni dan berdisiplin tinggi.

Kuatkuasakan UNDANG UNDANG untuk kesejahteraan rakyat MALAYSIA.  
kepada bangsa lain selain MELAYU, gunakan lah saluran yg betul.. kita ni duduk di negara berDAULAT.

Fikir sebelum BUANG itu konsep recycle

salamz

By akhurairah on August 19, 2008 5:03 PM

Salam Tun,

Bila Tun terangkan perihal demokrasi, saya ingin bertanya dengan Tun. Adakah negara kita Malaysia sebuah negara yang mengamalkan sekularisme?

Saya pernah diterangkan oleh orang-orang tua bahawa syarat utama British untuk Almarhum Tunku untuk mendapatkan kemerdekaan adalah dengan menyokong dan menggunakan ideologi sekularisme. Agama dan politik hendaklah diasingkan. Cuma saya bernasib baik kerana Malaysia tidak sama dengan Turki.

Diharap Tun dapat memberi penjelasan. Sekian, terima kasih.

By khairi ali on August 19, 2008 6:02 PM

Apa yang di tulis oleh rakyatengah jelas menunjukkan ada orang Melayu yang tak reti jadi Melayu. Mungkin dia ingat bangsa itu dijadikan oleh sejarah atau tamadun, bukannya oleh Allah azzawajalla. Satu perkara lagi, bila Allah menjadikan manusia itu berbangsa-bangsa, Allah menyediakan satu wilayah eksklusifnya, seperti tanah Melayu. Terpulanglah kepada orang Melayu untuk menjaga amanah ini. Sebabnya, jika Melayu tak reti nak jaga amanah ini, maka terjadilah seperti yang berlaku ke atas Singapura, dan terkini Pulau Batu Putih. Bahkan Tanah Melayu (Semenanjung) pun tidak lagi dipanggil Tanah Melayu, tetapi Semenanjung Malaysia. Yang peliknya, Melayu sendiri menghilangkan nama Melayu!

By ahzimAuthor Profile Page on August 20, 2008 12:03 AM

Assalamualaikum ayahandaku, Tun.

Saya memang cukup bangga dengan sistem demokrasi yg telah wujud sejak dulu lg dan saya juga bangga dengan kematangan org melayu kita tentang selok-belok sistem ini. tapi pada hari ini, saya rasa sistem demokrasi ini yeleh dipergunakan dan dipermainkan atau lebih kasarnya sistem demokrasi negara kita ini tlah dicabuli oleh beberapa individu yang menjadikan sistem ini sebagai platform atau bahan untuk mengaibkan sesama sendiri. bukan itu sahaja, bah kan sekarang ini sistem yg tlah diwujudkan ini digunakan untuk menjatuhkan orang orang lain walaupun orang yg ingin djatuhkan itu tlah b'jasa dan membantu rakyat. Dalam pemerhatian saya, banyak perkara yang dijanjikan oleh sesetengah individu untuk memancing undi rakyat tapi disebaliknya hanya bohong semata-mata. Akhirnya, rakyat melopong dan ternganga dekat bawah dan individu pilihan rakyat itu senang-lenang goyang kaki dekat atas. Apa yang peliknya, masih ada lg rakyat yang hendak mengundi individu yang seperti ini. persoalannya di sini, pihak mana yang perlu dipersalahkan? Adakah rakyat yang mengundi. Adakah individu ini atau sistem ini? klaw nak katakan sistem ini sudah pasti salah kerna sisyem ini tlah dibuktikan sbelum ini memang berjaya. klaw individu ini pulak yang perlu dipersalahkan, rakyat tlah memilih. rakyat pula ada hak masing2 untuk mengundi serta bersuara. Jadi ini lah persoalan yang sebenar nya bukan saya sahaja yang memikirkan tapi saya pasti lebih ramai lg rakyat di luar yang sedang bermain-main di fikiran mereka. Apa pendapat ayahanda? Saya harap ayahanda dapat menjawab dan memberi sedikit pandangan bagi pihak orang yang lebih berpengalaman. Saya memang ingin bersuara tapi saya masih blajar dan masih tidak layak mengundi.....

By leo7 on August 20, 2008 8:06 AM

Tun Mahathir,

Salam Dengan Penuh Hormat.

Pastinya di dalam perancangan dan percaturan membentuk Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu di ambang kemerdekaan bersama2 penjajah British, segala soal telah di ambil kira. Persetujuan yang di capai di antara tiga kaum terbesar pastinya telah melihat dari segala sudut untuk menjamin kestabilan Negara berpanjangan.

Kestabilan Negara berpegang kepada perkara asas ia itu Perpaduan Rakyat. Melayu sebagai prabumi asal mempunyai system Pemerintahan Kesultanan dan Raja Raja sejak berkurun.

Pendatang samada pedagang atau buruh yang di bawa masuk oleh Pemerintah British di terima sebagai rakyat bersyarat dan dengan syarat itun juga Kerajaan Perikatan di bentuk mengikut system Demokrasi Berpelambagaan dan Kedaulatan Raja Raja Melayu.

Dengan adanya Perpaduan di antara kaum, kemajuan Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia berikutnya telah mengagumkan banyak Negara Negara sahabat. Tetapi dalam diam, kemajuan ini juga telah di curigai oleh kuasa Barat.

Tun telah berjaya meletakkan Malaysia di persada contoh bagi Negara Negara Ketiga. Tun juga lantang bersuara menentang penindasan kuasa Barat. Tun membangkitkan semangat Nationalism dan semangat "Nationalism" ini adalah bertentangan dengan polisi "Capitalist"

Tun telah membuktikan dunia bahawa negara mundur melalui perancangan bersepadu jangka panjang dan menyusun pembangunan economy Negara, Malaysia telah mencapai kemajuan dalam tempoh yang singkat sambil mengujudkan matlamat wawasan 2020.

Kepada Negara Capitalist, pastinya semangat Nationalism dan wawasan ini perlu di patahkan. Jika rancangan meruntuhkan economy Negara supaya Industry kita " belly up " tidak berjaya, apa kah cara lain yang lebih effective ?

Menanam dan menambah " musuh dalam selimut " ?

Ini kita kena tanya kepada AAB, DSAI dan beberapa kumpulan NGO's pro Barat.

AAB asyik suruh pengusaha kita keluar negara meluaskan perniagaan mereka, tapi, buka pintu belakang untuk orang luar ambil alih usaha "National" kita.

DSAI pula lantang menghapuskan DEB kerana semangat " Nationalism" susah diumpil dari jiwa orang Melayu dan DEB merupakan pengikat semangat ini.

Dan, kita bolih lihat tindak tanduk kumpulan NGO's dan Pembangkang yang mempersoalkan Bangsa Melayu, Uqama Islam dan Kesultanan Melayu.

Saya menanti bila mereka akan menuntut supaya DYMM Seri Peduka Yang Di Pertuan Agong tidak menghunus Keris Kebesaran Negara dan menciumnya dalam upacara Pertabalan.

By arazakmy on August 20, 2008 7:18 PM

Negara mengamalkan Demokrasi

Tapi apa jadi dengan Umno ..Parti masih revelevan..adakan pemimpinnya masih? Keadaan sekarang bukan untuk parti tetapi untuk perseorangan..Demokrasi?

By babacurious on August 20, 2008 8:59 PM

My dear TDM

The DNA Bill was tabled in Parliament yesterday proposing to make it mandatory for criminal suspects to provide DNA samples to the police.

Home Minister said it was long overdue and important to facilitate police investigations into criminal cases.

The Question comes to mind is: Why and what was the urgency now to present and tabled the Bill in Paliament since it was already long overdue? No doubt DPM has hit out at the opposition for linking the DNA Bill to the Permatang Pauh by-election and also refuted the claim that the tabling of the Bill was politically motivated. Could there be any other motivations in any form besides linking it to the by-election or political conspiracy?

Surely a few more weeks or months would not have made any vast difference. It does not really matter. The Bill and the Paliament will still be there unless of course, the present government thinks otherwise.

The next Question is: How does one define or qualified to be a "criminal suspect"? In plain simple layman's terminology, a person is considered to be a criminal suspect IF there are, considered strong evidence to support that the person has committed a crime. Is the Statutory Declaration consider as an evidence of sorts? In both cases, one still need to be investigated and face the blunt of being jailed, if proven..and if not, otherwise. Therefore, for argument sake and in all fairness, democratically, shouldn't all those considered as criminal suspect be asked to provide DNA samples or perhaps swear on the holy book?

Every thoughts may differ from one another. This is only a simple layman's thinking coming out of a cocoon. No offence meant or intended. There is so much talk about Democracy. So, can we really walk the talk? As a patriot and a good rakyat, we are concern and being a human, we are curious..and



hopefully our curiosity will not kill a cat...meow.

Syabas and God Bless You TDM.

By kaydee59@streamyx.com Author Profile Page on August 21, 2008 10:46 AM

Assalamualaikum Tun,

Well said, Tun, I could not agree with you more on Demokrasi

Dear Sir, please allow me the space to answer the obnoxious Mr. das from Singapore much as I would be wasting my time and in wrting to respond to him.

Firstly being a Singaporean comes with the condesending traits of the macro syndrome inferiority complex of being 'must be one up on our neighbours'

As a matter of fact he does not deserve any response for his crude (he described himself most aptly) despicable and detestable personality. But the temptation is overbearing.

More so Tun M hasn't got to comment on such a confused abhorrent character, for he deserves nothing! Firstly the blog belongs to a Malay in Malaysia and he holds the right to use any language he desires, Malay or otherwise.

1. It is not surprising that being a Singaporean he is full of contempt and distain compacted with their 'kaisuness'
2. He is full of revolting self contradictions. Possible a hollow backbone, not knowing what he wants or he is saying. Firstly Tun M was, according to him, a poor PM as he had too many Deputies. (Simple logic my dear das, 22 years is a long time, how many did your Lee Kuan Yew have? Need my fingers to count) Then he alleges that Tun M has many skeletons in his Putrajaya cupboard. Then he gainsays and ends up by saying that Tun M together with the Tunku were the only PMs of integrity. Make up your mind!
3. Suffering from a psycholytic personality does not give anyone the right to demanding of Tun Dr. M 'will you.' (This is sure case being a patient of psychoceramics)

Take care of your health Tun

Regards

By d'soul on August 21, 2008 12:05 PM

Salam Tun....

Pucuk pimpinan sekarang hanya mementingkan diri sendiri, enak menantu & kroni2 sahaja...

Wakil2 rakyat hanya menjaga bontot mereka sahaja...

Rakyat dibiarkan merana, janji mereka kaya-raya sampai mampus!!!

By putera81 on August 21, 2008 12:39 PM

Salam buat semua peminat-peminat blog Che Det!

Hanya ringkas pesanan saya - jangan cemarkan kesucian dan tahap keintelektualan Ayahanda Tun dengan bahasa-bahasa yang kurang menyenangkan. Jangan kerana marahkan si nyamuk, kelambu pulak yang dikorbankan. Tolonglah

Buat ayahanda Tun

Teruskan menulis. Demokrasi hanya akan subur apabila pemimpin seperti Tun kembali dijulang.

Wassalam

By mzzainal on August 24, 2008 2:20 AM

Well it seems PakLah has a different view than Tun.

There is no democracy in UMNO. There is only PakLah.

By kamu adalah golongan tidak mengetahui on August 26, 2008 9:54 PM

ASSALAMUALAIKUM DAN SELAMAT SEJAHTERA...

SEBENARNYA SUDAH LAMA SAYA MELIHAT GELAGAT PARA PEMIMPIN TERUTAMANYA PEMIMPIN ISLAM DINEGARA KITA YANG SEBOK2 HEBOH TENTANG DEMOKRASI..

KONONYA PERJUANGKAN DEMOKRASI YANG KITA AMALKAN...

KITA SEBAGAI RAKYAT PUN TERIKUT2 DENGAN PEMIMPIN KITA KONONYA SAMA2 MEMPERJUANGKAN DEMOKRASI...

TAPI TAHUKAN ANDA SEBAGAI MANUSIA BERAGAMA ISLAM DEMOKRASI YANG KITA PERJUNANGKAN INI ADALAH DOSA???

MESTI TIDAK TAHU SEBAB KAMU SEMUA GOLONGAN MANUSIA YANG TIDAK MENGETAHUI!!!  
BEGINI DEMOKRASI YANG KITA AMALKAN DIASASKAN OLEH MANUSIA GREEK YANG MEMPERCAYAI BAHAWA TIADA TUHAN!!! BEZA DEMOKRASI ISLAM DAN DEMOKRASI INI IALAH PEMIMPIN YANG DILANTIK OLEH DEMOKRASI ISLAM BERKEPENTINGAN UNTUK AGAMA DAN DILANTIK OLEH MAJLIS SYURA YANG TERDIRI DARIPADA CENDIAKAWAN AGAMA ISLAM! DAN DEMOKRASI KITA BERKEPENTINGAN DUIT DAN BANGSA BARULAH AGAMA DAN ORANG YANG JAHAT BOLEH JADI PEMIMPIN ASALKAN BERDUIT DAN MEMPUNYAI KRONI2 UNTUK MENANG DALAM UNDI!

TAHUKAH BAHAWA TERDAPAT DUA PECAHAN YANG PERTAMA GOLONGAN AGAMA DAN KEDUA GOLONGAN METERIALISTIK (OBJEKTIF BAHAWA TIADA TUHAN)  
DAN DIBAWAH PECAHAN METERIALISTIK ADALAH DARWINISME, SOSIALISME, MARXISME, KOMUNISME, HUMANISME( MANUSIA TERJADI DGN SENDIRINYA DAN JGN TERTIPU KONONYA KENA BERBUAT BAIK PADA MANUSIA TAPI MATLAMAT DAN TUJUANNYA MENYEBARKAN TEORI TIADA TUHAN), DEMOKRASI(YG KAMU SEMUA PERJUANGKAN), FREEMASONARY, TEMPLARNISME, STALINISME, LENINISME, DAN BERBAGAI LAGI!

TIDAK KAH KAMU SEMUA SEDAR BAHAWA PEMIMPIN KITA SEKARANG TIDAK KISAH KERAJAAN DAN PEMBANGKAN KEBANYAKKANYA TELAH MENJERUS KEARAH METERIALISTIK!

CUBA LIHAT BN, ADA DUIT BARU BOLEH CITER. CUBA LIHAT PAS, DAHULU TIDAK MAHU BEKERJASAM DENGAN DAP, TAPI KEMUDIAN MENGUBAH PENDIRIAN KONONYA DEMI RAKYAT. TAPI SEBENARNYA KEPENTINGAN MASING2. AGAMA IS 2ND IMPORTANT THINGS TO ALL OFF THE LEADER KNOW..

CUBA KAMU FIKIR SECARA MENDALAM...

KITA BUKAN NAK TENTANG ABDULLAH OR ANWAR SAHAJA, TETAPI SEMUA PEMIMPIN YANG TELAH BAWAK PENGARUH INI...

KITA SEMUA ADALAH GOLONGAN YANG TELAH TERTIPU....

KAMU MUNGKIN MENGATAKAN SAYA PENIPU TAPI LIHATLAH SEBENARYA BENDA INI DATANG SECARA TIDAK SEDAR KEPADA KAMU SEMUA...

SAYA SEBAGAI MANUSIA BERAGAMA ISLAM HANYA MENYAMPAIKAN PESANAN KEPADA KAMU SEMUA...

ADA MASA CARILAH BUKU HASIL TULISAN HARUN YAHYA BERTAJUK FREEMASONARY... ANDA PASTI FAHAM...

WASSALAM